


Jilid III
Bil. 56



Hari Khamis
2hb Disember, 1993

MALAYSIA

PENYATARAS MIPARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 10677]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1994

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 26 dan B. 27 [Ruangan 10712],

Maksud B. 28, B. 29, B. 30, B. 31, B. 32 dan B. 33 [Ruangan 10777]

USUL;

Anggaran Pembangunan 1994

Jawatankuasa—

Maksud P- 26 dan P. 27 [Ruangan 10712]

Maksud P. 28, P. 31, P. 32 dan P. 56 [Ruangan 10777]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR
BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.S., D.P.M.P., D.G.S.M. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMV YELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S.
(Kanowit).

Yang Amat Berbahagia Menteri Hal Ehwal Sabah, TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU
HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.K.,
K.C.R.L., K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang).

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAPIDAH
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T.,
P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S.,
D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., B.S.I. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menten, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

- Yang Berhorriat Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDŪL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.P.M.S. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar),
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIPP BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULO BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K. (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR. V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

Yang Berhormat TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS, D.I.M.P. (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ , DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ DATUK MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIP BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K. (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).

Yang Berhormat TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK Mmi, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat),
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat : Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, A.M.N., P.J.K.,
A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong Setiausaha : Haji Tajadin bin Saberan.
- Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha : Zarnani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

- Pegawai Penerbitan ; Ramaswamy.
- Penolong Penyunting : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

- Haji Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kelsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Su Soon Chuan.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddm bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 2hb Disember, 1993

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 p'etang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**RETENDER KONTRAK
PEMBEKALAN SYARIKAT
MOBIKOM SDN. BHD. —
KEPUTUSAN**

1. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) keputusan muktamad retender kontrak pembekalan oleh Mobikom Sdn. Bhd. selepas kontro- versi pemberian tendernya kepada Perwira Ericsson sebanyak RM10 juta;
- (b) sebab mengapa beliau meng- arahkan satu retender dijalan- kan;
- (c) sama ada terdapat penyele- wengan dalam peraturan tender serta apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasinya;
- (d) mengapakah EON dan Telekom enggan mengikuti arahan behau untuk membuat satu retender yang baru; dan

- (e) adakah konflik ini akan mem- bawa kelambatan dan kesan buruk kepada ekonomi negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada 6hb April lalu Kementerian Ke- wangan telah meminta supaya perolehan sistem telefon cellu- lar mudah alih Mobikom diten- der semula. Berikutan dengan itu, satu Panel Bebas telah di- tubuhkan untuk mengkaji proses penilaian tender tersebut. Ber- dasarkan kajian dan rumusan yang dibuat oleh Panel Bebas pada bulan September yang lalu, Kementerian Kewangan bersetuju supaya keputusan asal tender ini untuk menawarkan kontrak kepada Perwira Eric- son dikekalkan.
- (b) Keputusan untuk menender se- mula dibuat kerana ahli-ahli Lembaga Pengarah (Konsor- tium) Mobikom, khususnya Sa- pura dan PNB tidak berpuas hati dengan proses penilaian tender dan timbul dakwaan dari mereka tentang pelanggaran beberapa syarat dalam urusan tender ini. Justeru itu, pada pe- ningkat permulaan Kementenan Kewangan berpendapat pilihan yang terbaik ialah dengan

menender semula supaya urusan tender lebih telus atau, dengan izin, 'transparent' kepada semua pihak;

- (c) Berdasarkan laporan Panel Bebas yang mengemukakan laporannya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan pada bulan Julai lalu, Kementerian berpendapat tidak ada penyelewengan yang berlaku dalam proses penilaian tender ini. Laporan ini telah mengesahkan bahawa urusan tender telah dipatuhi sebaik-baiknya. Kementerian Kewangan berpuas hati dengan laporan tersebut dan telah dimaklumkan bahawa Sapura dan PNB juga bersetuju dengan perakuan Panel Bebas tersebut.
- (d) Isu keengganan pihak EON dan Telekom enggan mengikuti arahan tidak berbangkit, kerana Kementerian Kewangan telah pun bersetuju dengan pembentukan dan perakuan Panel Bebas serta keputusan yang dibuat.
- (e) Sungguhpun terdapat sedikit kelewatan dalam award tender ini, iaitu daripada bulan Pebruari ke bulan September, kita berpendapat ia tidak akan memberikan apa-apa kesan kepada ekonomi negara, malah tender berkenaan telah pun ditandatangani pada bulan Oktober yang lalu.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya tentang dua ahli pemegang saham Mobikom yang pada asalnya menentang tender yang diberikan kepada Perwira Ericsson, iaitu PNB dan Sapura. Apakah ketidakpuasan mereka tentang

syarat-syarat di mana mereka pada asalnya menyatakan bahawa tidak dipenuhi. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu apakah syarat-syarat tersebut yang dikatakan dilanggari dalam pemberian tender kepada Perwira Ericsson. Adakah pemberian tender ini adalah sebanyak RM100 juta seperti yang dilaporkan atau lebih daripada itu?

Yang kedua, memandangkan bahawa terdapat kelambatan ekoran daripada kontroversi ini, adakah Mobikom akan mencapai targetnya pada akhir tahun ini untuk membekalkan talian cellular seperti yang ditetapkan? Dari segi aspek frekuensi, saya rasa ia juga merupakan satu masalah yang masih belum diatasi. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini bagaimana masalah 'sharing of frequency' di antara Telekom dan Celcom boleh diatasi?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ada empat soalan tambahan. Yang pertama, berkaitan dengan target. Sepertimana yang saya maklumkan bahawa kontrak ini telah pun ditandatangani pada 14hb. Oktober yang lalu dengan harga RM106 juta. Jadi, kosnya hanya RM106 juta dan tidak melebihi dari angka tersebut. Sistem ini dijangka memberi perkhidmatan kepada kira-kira 60,000 pelanggan. Mengikut Mobikom Sdn. Bhd., perkhidmatan pertama dijangka bermula pada 1hb. Mac akan datang, iaitu kira-kira 4 bulan daripada sekarang, Itu adalah jawapan kepada soalan bahagian yang pertama.

Yang keduanya berkaitan dengan syarat yang mana pihak Sapura dan PNB tidak bersetuju, Perkara utama yang dibangkitkan ialah pada awalnya syarat tender yang penting, yang diperlukan ialah sistem analog tetapi sistem ini ditukarkan kepada sistem dual mode dan pertukaran ini adalah atas kehendak

Kerajaan. Apabila perubahan kepada syarat tender tersebut dibuat, ia mendapat persetujuan semua ataupun majoriti pemegang saham. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pemegang saham Mobikom ialah Telekom Malaysia 30%, PNB 30%, EON 30% dan Sapura 10%. Kebanyakan daripada mereka telah pun bersetuju dengan perubahan syarat yang dikenakan itu, tetapi pihak Sapura masih tidak berpuas hati. Jadi, itulah perkara utama yang dinyatakan sebagai pelanggaran syarat sepertimana yang dibangkitkan.

Yang akhirnya, berkaitan dengan masalah frekuensi. Perkara ini akan diatasi oleh pihak-pihak yang berwajib, khususnya pihak Telekom Malaysia.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya mungkin ada sedikit am dan diharap tidak terkeluar. Sekarang timbul banyak masalah oleh sebab STM menikmati monopoli dalam Perkhidmatan Telefon. Yang sebenarnya Celcom atau pun cellular phone service ini merupakan satu competition yang paling hebat kepada STM. Jadi, saya minta satu pernyataan dasar daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada dasar Kerajaan sekarang ini untuk lebih menggalakkan cellular phone dan perkhidmatan telekomunikasi yang lain atau pun adakah ia akan dihadkan supaya STM lebih menikmati monopoli? Ini sahaja.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah di bawah bidang Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Saya percaya mereka akan mengambil perhatian di atas pandangan yang disuarakan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching tadi.

PETROLEUM — KERJASAMA CARIGALI DI ANTARA MALAYSIA/THAILAND

2. Tuan Shahidan bin Kassim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) di manakah kawasan-kawasan dan sempadan yang terbabit untuk carigali petroleum di Laut China Selatan antara Malaysia dan Thailand;
- (b) bilakah projek carigali ini akan dijalankan; dan
- (c) berapa peratuskah keuntungan atau share untuk Malaysia dan berapa peratuskah untuk Thailand.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kawasan yang dimaksudkan ialah kawasan pembangunan bersama yang terletak di sebelah Utara luar Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang bersempadan dengan Thailand di Teluk Siam.
- (b) Badan yang bertanggungjawab untuk mencarigali dan mengeksploitasi sumber petroleum di dalam kawasan tersebut ialah Pihak Berkuasa Bersama Malaysia/Thailand (PBBMT), di mana ia akan melantik kontraktor untuk tujuan tersebut. Buat masa ini PBBMT sedang di peringkat terakhir perundingan dengan kontraktor yang berkenaan mengenai Kontrak Perkongsian Pengeluaran atau Production Sharing Contract (PSC). Perundingan tersebut dijangka

selesai pada akhir tahun 1993. Selepas PSC tersebut ditandatangani, kerja eksplorasi akan dimulakan.

- (c) Mengikut perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dan Thailand, segala kos dan keuntungan daripada kawasan pembangunan bersama tersebut akan dibahagikan secara sama rata di antara kedua-dua negara. Ini bermakna keuntungan dan pembayaran royalti daripada pengeluaran kasar petroleum akan dibahagikan mengikut nisbah 50%: 50% di antara Kerajaan Malaysia dan Thailand.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar atau pihak Kerajaan sedar adanya berita bahawa pihak Thailand telah melakukan operasi bukan untuk mencari gali tetapi telah menggali dan memproses seolah-olah seperti tidak menghormati semangat kejiranan di antara kedua negara? Sekiranya benar berlaku, apakah satu protes ataupun pernyataan kekesalan dilakukan oleh pihak Kerajaan?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak sedar.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, semasa kita membuat carigali tanpa kita membuat usahasama dengan Thailand, negeri-negeri dibayar royalti. Jadi, yang untuk ini negara manakah yang akan mendapat royalti ataupun terus kepada Pederal Government.

Yang keduanya, dari segi pekerja-pekerja adakah dibuat sesuatu untuk memastikan dia ada juga dalam bentuk 50:50? Sebab kita sedia maklum kalau pekerja-pekerja ini selalunya kalau melebihi di pihak sana, dia ada sedikit gara-gara yang kurang manis dari segi penipuan dan sebagainya.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini perkara tersebut masih di dalam perundingan di antara Kerajaan dengan Kerajaan. Masalah royalti dibayar kepada negeri itu pun belum di datam pertimbangan Kerajaan.

Masalah yang kedua, soalan yang dikemukakan ialah mengenai pengambilan pekerja daripada kedua-dua pihak negara itu adalah di ambil kira dan sentiasa diawasi, iaitu sama rata juga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hoi Chew.

(Soalan No. 3 — Y.B. Tuan Robert Lau Hoi Chew tidak hadir)

PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI — BILANGAN

4. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa ramai bilangan pelajar-pelajar Malaysia yang sedang melanjutkan pelajarannya di luar negara, sebutkan:

- (a) negara di mana tempat mereka sedang menuntut;
- (b) bilangan pelajar yang menerima biasiswa/bantuan Kerajaan;
- (c) bilangan mereka yang secara porsendirian; dan

- (d) jurusan pengajian yang menjadi tumpuan pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Setakat ini, Kerajaan menghantar pelajar-pelajar ke negara-negara terutamanya di Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis, Kanada, Australia, India, Indonesia, Mesir, Jepun, Jordan dan Morocco.
- (b) Bilangan pelajar yang menerima biasiswa Kerajaan dan sedang menuntut di luar negara pada masa ini ialah kira-kira seramai 30,000 orang.
- (c) Bilangan pelajar persendirian di luar negara pada tahun 1993 adalah dianggarkan dalam 21,000 orang.
- (d) Jurusan pengajian pelajar tajaan Kerajaan di luar negara adalah berbeza-beza tetapi kebanyakannya mengambil kursus dalam bidang profesional, sains dan teknologi.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari jumlah 30,000 pelajar yang menerima biasiswa Kerajaan ini, sejauh manakah kelulusan atau pencapaian mereka? Berapakah jumlah yang telah kita hantar ke luar negeri itu gagal dalam usaha untuk mendapat sijil mereka?

Saya difahamkan bahawa terdapat ramai pelajar-pelajar yang gagal di negara-negara yang bukan bahasa pengantarnya bahasa Inggeris. Jadi, adakah persiapan yang rapi yang telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan ataupun badan-badan yang menganjurkan pelajar-pelajar tersebut untuk menyediakan mereka belajar, berkuliah di negara-negara yang mana tidak menggunakan bahasa Inggeris seperti Perancis atau lain-lainnya?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya tidak ada angka yang tepat untuk berapa peralus pelajar yang gagal yang dihantar ke luar negara. Tetapi yang saya sebutkan di sini ialah yang masih belajar di luar negara pada masa ini, yang masih dalam proses pembelajaran. Tetapi saya perlu notis untuk soalan berapa peratus gagal yang telah balik ke negara ini atau belum balik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa dalam penyediaan pelajar-pelajar kita untuk ke seberang laut, khususnya di negara-negara di mana bahasa pengantarnya bukan bahasa Inggeris, JPA dengan kerjasama Kementerian Pendidikan telah menyediakan kursus-kursus intensif dalam bahasa Perancis, bahasa Jepun dan bahasa-bahasa yang perlu untuk mereka melanjutkan pelajaran mereka ke negara-negara yang tertentu.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kementerian kita mempunyai satu dasar yang mana sebelum penuntut kita pergi ke sesebuah negeri untuk melanjutkan pelajaran tinggi, sama ada kita mempunyai satu dasar yang mana penuntut-penuntut ini dinasihatkan supaya mengikut kursus-kursus yang tertentu supaya memenuhi keperluan negara kita kemungkinan menjelang tahun 2020 ataupun apabila negara kita mencapai tahap perindustrian yang tinggi.

Yang kedua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri juga berkenaan dengan Kolej IMC (International Medical College) yang mana partners dalam pengendalian kolej ini terdiri juga daripada negara seperti

Amerika Syarikat dan Kanada. Maka saya ingin tahu, selepas penuntut belajai¹ tiga tahun di kolej ini, mereka akan di hantar misal kata ke Kanada atau Amerika Syarikat. Adakah Kerajaan kita akan mengiktirafkan degree kalau setengah daripada bilangan penuntut di hantar ke Amerika Syarikat? Sebab saya difahamkan Amerika Syarikat memberi degree "M.D." (Doctor of Medicine). Buat masa ini, Kerajaan kita memang tidak mengiktirafkan M.D. dari Amerika ataupun Kanada.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita memang menjalankan program untuk menasihatkan pelajar-pelajar kita dalam semua bidang, khususnya kepada pelajar-pelajar yang ditaja oleh Kerajaan untuk belajar di luar negeri kerana biasiswa-biasiswa yang dikeluarkan oleh JPA adalah mengikut keperluan pembangunan negara, dari segi industri dan profesional.

Jadi, untuk pelajar-pelajar yang bukan di bawah tajaan Kerajaan, biasanya kita menjalankan program-program ini bila mereka masih di bangku sekolah, di mana kita ada program mengadakan bimbingan untuk kerjaya dan kursus kerjaya sebelum mereka melepasi Tingkatan 5 atau SPM, supaya memberi panduan kepada mereka di mana kita mengendalikan kerjasama di antara badan-badan seperti agensi Kerajaan dan juga agensi dari syarikat-syarikat luar bergabung dengan Kementerian Pendidikan untuk menjalankan pameran-parneren khususnya untuk memberi maklumat kepada pelajar-pelajar kita, khususnya di peringkat SPM yang akan melanjutkan pelajaran mereka ke luar negeri atau ke lain-lain tempat. Tetapi untuk pelajaran di bawah biasiswa JPA, memanglah mengikut keperluan-keperluan yang telah di tetapkan dalam dasar Pembangunan Tenaga Manusia.

Mengenai IMC, soalan ini terlalu tepat untuk saya menjawab dan saya perlu notis. Tetapi apa yang dapat saya katakan di sini, memang pada masa kini ada juga universiti-universiti yang mengeluarkan doktor-doktor dari Kanada dan Amerika yang mengamalkan profesion mereka di negara ini mengikut universiti dan bukan mengikut negara tertentu sahaja. Jadi, kita juga ada menghantar lepasan-lepasan ijazah ke universiti-universiti di Amerika untuk mendapatkan kepakaran-kepakaran tertentu dalam bidang perubatan. Jadi, berkaitan dengan IMC ini, saya perlu notis untuk memberi penjelasan yang lebih tepat lagi.

JALAN RAYA LUAR BANDAR DI SARAWAK — PERATUS PEMBINAAN

5. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan peratus penduduk-penduduk luar bandar di Sarawak yang sudah menikmati jalan raya, dan jumlah yang sudah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk membina jalan-jalan kampung di seluruh Sarawak; sama ada Kerajaan mempunyai rancangan supaya semua rumah panjang di seluruh Sarawak akan dapat dihubungi dengan jalan raya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Dato Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, sejak pelaksanaan projek-projek jalan luar bandar di mulakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga sehingga tempoh tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Keenam, iaitu sehingga tahun 1993, sepanjang 132.86 km telah dapat dibina di negeri Sarawak. Adalah dianggarkan kira-kira 30% penduduk

luar bandar di Sarawak telah menikmati kemudahan jalan raya. Dalam hubungan yang sama, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk membina jalan-jalan kampung di negeri Sarawak berjumlah RM46,048,933. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memberi kemudahan infrastruktur kepada rakyat di luar bandar di seluruh negara termasuk rumah-rumah panjang di Sarawak, tetapi pelaksanaan projek-projek adalah bergantung kepada jumlah peruntukan yang disediakan, kesesuaian tempat serta keutamaan projek.

Pelaksanaan projek-projek jalan raya perlu dikaji dengan teliti untuk mengelakkan kos pembinaan yang tinggi yang disebabkan oleh keadaan muka bumi dan mengambil kira tempat tinggal penduduk yang bertaburan. Justeru itu, projek-projek jalan raya di luar bandar perlu dirancang dan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan pertama, banyak jalan raya-jalan raya yang dibuat di luar bandar di Sarawak menggunakan tanah liat ataupun pasir, dan jalan raya ini selepas setahun, pasir hilang dan tanah liat pun sudah habis, menjadi hutan semula. Jadi, adakah Kementerian bercadang supaya kajian teliti dibuat agar perkara ini tidak berlaku. Di dalam kawasan saya, ada.

Soalan kedua, kita menerima hakikat bahawa kampung-kampung dan rumah-rumah panjang di Sarawak bertaburan. Umpamanya di kawasan saya, suatu kawasan negeri ada 58 kampung dan rumah panjang. Jadi, mungkin dikatakan memang menjadi masalah untuk mengetar jalan dan perhubungan ke kampung-kampung tersebut. Adakah

Kerajaan bercadang untuk memberi perhatian kepada perkara ini, iaitu membuat satu settlement di satu-satu tempat yang strategik dengan mengumpulkan orang kampung yang berkeliaran ke suatu tempat utama yang khusus, supaya kemudahan-kemudahan jalan raya, sekolah, klinik dan sebagainya boleh didapati dengan murah dan juga dengan senang.

Dato Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan jalan tanah liat dan pasir, sekiranya perlu, kita boleh naikan taraf jalan itu untuk membaiki dengan mengetarnya. Memang kita mempunyai peruntukan untuk menaikkan taraf jalan-jalan di luar-luar bandar.

Berkenaan membuat 'settlement area' supaya penduduk-penduduk yang bertaburan dapat dikumpulkan, ini terpulang kepada Kerajaan Negeri, kerana untuk mengadakan suatu 'settlement area', ia melibatkan tanah, dan tanah adalah di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Sekiranya Kerajaan Negeri ingin membuat 'settlement area' itu ia boleh juga meminta kepada Kementerian untuk mengadakan infrastruktur.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, dalam sesebuah negeri besar seperti Sarawak ini, sebenarnya 132 km yang telah dibina adalah merupakan sedikit sahaja, seperti satu biji pasir di pantai dan cuma 30% sahaja rakyat luar bandar yang menikmati jalan raya ini. Soalan saya ialah bagaimanakah ini boleh dibandingkan dengan purata bilangan rakyat luar bandar yang boleh menikmati jalan raya di negeri-negeri lain supaya kita boleh membuat satu gambaran untuk perbandingan.

Soalan keduanya, Tuan Yang di-Pertua, ini mungkin menjadi angka kepada orang yang terlibat dalam sektor pentadbiran ataupun bidang politik sahaja. Sebenarnya saya dan rakan-rakan saya dari Sarawak semuanya bersetuju bahawa inilah sebab pertama kenapa orang luar bandar di Sarawak dan Sabah miskin. Saya pernah saksikan orang berjalan kaki selama empat jam di jalan raya besar untuk menaiki bas pergi ke Sibu atau ke Kuching. Mereka berjalan kaki selama empat jam dari kampung, kadangkala tiap-tiap hari. Keadaan seperti ini amat teruk sekali.

Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi satu penjelasan, apakah rancangan yang telah dibuat dan apakah sasaran jangka pendek dan jangka panjang yang dibuat supaya, contohnya, 100% semua kampung di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak boleh di beri jalan raya sekurang-kurangnya.

Dato Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, memanglah dari segi perbandingan, pembangunan menaik taraf jalan di Semenanjung lebih baik daripada Sarawak dan angkanya memang lebih daripada 30% bagi di Semenanjung. Tetapi berkenaan dengan kepcsatan membangunkan dan menaikkan taraf jalan di Sarawak, memanglah sukar kerana saya sendiri telah pernah pergi ke pedalaman di Sarawak. Untuk sampai ke suatu tempat yang beratus-ratus batu di sepanjang jalan, langsung tidak ada penduduk, yang ada hanya di tempat yang kita hendak tuju sahaja. Maknanya, untuk mencapai sasaran yang begitu sedikit, tetapi kos yang akan melibatkan adalah begitu besar sekali.

Ini adalah tertakluk kepada kemampuan Kerajaan untuk memberikan kemudahan itu dan bukan bermakna kita mengabaikan langsung. Tetapi tahapnya tertakluk kepada kemampuan Kerajaan untuk melaksanakannya. Kita yakin bahawa tahap 30% ini akan dapat kita peringkatkan dalam Rancangan Malaysia Keenam, Ketujuh dan seterusnya dan insya-Allah kita akan dapat juga siapkan walaupun ia mengambil masa sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Kerk Kim Hock.

(Soalan No. 6 — Y.B. Tuan Kerk Kim Hock tidak hadir)

HOSPITAL WARGA TUA — CADANGAN MEMBINA

7. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Perpaduan Negera dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) tujuan mengadakan sebuah Hospital Warga Tua berharga lebih RM4 juta di Kuala Kubu Baru, Selangor;
- (b) adakah Kementerian berhasrat membina hospital-hospital sejenis ini di tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia; dan
- (c) jika ya, sila senaraikan jadual pembinaan hospital-hospital tersebut.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat tidak membina hospital warga tua tetapi telah mula

membina sebuah rumah pesakit melarat di Kuala Kubu Baru dengan kos RM2.4 juta untuk Fasa 1 yang bertujuan menyediakan kemudahan jagaan dan perlindungan kepada seramai 70 hingga 100 orang pesakit melarat yang sudah tidak memerlukan rawatan perubatan rapi di hospital dan juga tiada kesanggupan memberi penjagaan oleh waris atau keluarga.

Rumah pesakit melarat ini cuma memberi jagaan perlindungan dan hanya memerlukan khidmat jururawat sahaja.

- (b) Sebagaimana yang dinyatakan di atas, Kementerian ini tidak membina hospital tetapi bercadang mendirikan dua buah lagi rumah pesakit melarat di Perak dan Terengganu dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam.
- (c) Mengikut jadual perancangan projek-projek ini, rumah pesakit melarat di Terengganu akan di laksanakan selepas kajian kesesuaian tapak telah diluluskan, manakala di Perak pula akan di laksanakan selepas mendapat kelulusan mengenai tapak projek berkenaan.

TABUNGAN NEGARA — TAHAP

8. Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tahap penabungan dalam negara pada masa ini. Mengapakah Kerajaan tidak meninggalkan had pelaburan di

dalam ASB, (di dalam masa Kerajaan menurunkan kadar faedah) di mana pencapaian pulangan yang tinggi akan terus menggalakkan penabungan dan pelaburan.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tahap tabungan negara kita pada masa kini iaitu 35% daripada Keluaran Negara Kasar adalah lebih tinggi daripada tahun-tahun sebelumnya, misalnya, tabungan negara pada tahun 1991 adalah sebanyak 28% dan 33% dalam tahun 1992. Tahap tabungan negara adalah setanding dengan Thailand - 33.3%, Indonesia - 38% dan lebih tinggi dari Pilipina - 14.5%, tetapi lebih rendah dari tahap tabungan di Singapura - sebanyak 44.7%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Amanah Saham Bumiputera memainkan peranan penting dalam meningkatkan tahap tabungan dalam negara kita. Contohnya, dalam tahun 1991, jumlah pelaburan ataupun nilai pelaburan dalam ASB ialah RM9.9 ribu juta tetapi pada akhir bulan Oktober lalu, nilai pelaburannya telah meningkat kepada RM13.1 ribu juta. Had maksimum pelaburan dalam Amanah Saham Bumiputera pada masa ini ialah 100,000 unit.

Sungguhpun demikian, jumlah pelabur yang mampu memaksimumkan pelaburan mereka adalah kecil memandangkan kecupayaan bumiputera untuk menyimpan dan melabur tidaklah begitu besar berbanding dengan kaum-kaum lain di negara ini. Sehingga 31hb. Oktober lalu, hanya seramai 22,330 orang pelabur atau 0.64% dari jumlah 3.5 juta pelabur skim ASB memiliki pelaburan sebanyak 95,000 unit ke atas.

manakala tebih 2.5 juta pelabur atau 72.96% yang melabur kurang dari 1,000 unit. Memandangkan pada masa ini bilangan pelabur yang mempunyai unit maksimum 100,000 unit masih rendah dan pelaburan maksimum akan mengambil masa, Kerajaan berpendapat wajar tahap pelaburan maksimum yang ada pada masa ini iaitu 100,000 unit tidak dinaikkan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa sangat kurang di kalangan bumiputera yang boleh melabur pada tahap RM 100,000. Saya ingin tahu apakah angka ini adalah hasil daripada satu kajian? Adakah ianya hanya sebagai satu spekulasi kalau dipandang dari pengambil bahagian oleh kumpulan bumiputera di dalam penabungan di bank-bank khususnya fixed deposit ataupun sekarang ini al mudharabah - ramai yang menyimpan pada kadar yang tinggi?

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang kedua ialah saya ingin tahu sebagai layman, apakah sebabnya mengapa kadar kenaikan nilai ASN lebih lambat daripada kenaikan nilai tabungan di dalam Amanah Saham Johor?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sama ada ramai atau kurang bilangan adalah satu perkara yang relatif. Apabila saya sebut bahawa bilangan yang berkeupayaan untuk menabung lebih dari 95,000 unit dalam ASB hanya 0.64%, ini bukan berdasarkan kepada spekulasi atau kajian, tetapi fakta. Inilah merupakan bilangan pada masa ini iaitu 22,330 bumiputera yang melabur lebih dari 95,000 unit dalam ASB. Jadi, ini merupakan bilangan sebenar mereka yang melabur dalam

ASB. Sama ada bumiputera ramai yang menabung dalam institusi kewangan yang lain, memang bilangannya ramai tetapi secara relatifnya berbanding dengan keseluruhan bumiputera pada pandangan Kerajaan, bilangannya masih lagi rendah. Angka "absolute"nya, dengan izin, mungkin tinggi.

Yang keduanya, berkaitan dengan nilai ASN, kenapa nilai ASN tidak naik begitu mandadak umpamanya bukan sahaja berbanding dengan ASJ tetapi juga mungkin berbanding dengan indeks komposit BSKL. Ini adalah perkara utama. Sebab utama mengapa begitu ialah kerana portfolio pelaburan. ASB merupakan satu portfolio yang begitu pelbagai (diversified) dan ASN hanya melabur dalam syarikat-syarikat yang mempunyai potensi jangka panjang yang baik, yang mampu memberi pulangan yang baik kepada bumiputera.

Oleh hal yang demikian, pihak ASN tidak terlibat dalam kegiatan-kegiatan spekulasi sepertimana ada sesetengah pemain saham yang mungkin satu ketika dapat memberi keuntungan yang banyak. Itulah sebab utama kenapa jika dilihat nilai saham ASN tidak bergerak begitu pantas berbanding dengan nilai-nilai saham lain khususnya beberapa saham spekulatif yang disenaraikan dalam BSKL. Tetapi yang penting bagi kita baik ASN, mahupun ASB mampu memberi pulangan yang begitu menguntungkan malah mungkin yang paling menguntungkan kalau dilihat dari pulangan yang baru diisytiharkan, ASB dividennya 9%, bonusnya 4.5%, jumlahnya 13.5%. Tidak ada banyak portfolio managers, dengan izin, yang lain dan mampu memberikan pulangan yang begitu tinggi yang melibatkan out flow ataupun

pengeluaran dari PNB pada akhir tahun ini, iaitu awal tahun hadapan berjumlah kira-kira RM1.73 ribu juta; satu angka yang besar dan pulangan ini akan dinikmati oleh kira-kira 3.5 juta bumiputera.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari segi tahap penabungan negara kita jelas menunjukkan bahawa kadar ataupun tahap penabungan kalau dibandingkan dengan negara Singapura selalu didapati rendah bahkan buat 3 tahun kebelakangan ini tahap penabungan di negara kita lebih rendah dari Singapura. Jadi, saya ingin tahu dari segi dasar penabungan negara kita, apakah tahap yang diharap-harapkan oleh pihak Kerajaan dan adakah pihak Kerajaan berpuas hati dengan 35% KDNK penabungan pada tahun ini. Dan juga apakah usaha-usaha selanjutnya untuk menambahkan penabungan kita supaya dapat sampai kepada matlamat ataupun dasar penabungan Kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua. Di antara Amanah Saham Nasional atau Amanah Saham Bumiputera, kita dapati pulangan kedua-duanya kalau dibandingkan boleh dikatakan dapat bersaing di antara satu sama lain. Sungguhpun pulangan kadar bonus dan dividen ASN lebih rendah dari ASB, tetapi nilai saham ASN meningkat dalam masa satu tahun daripada RMI kepada RMI.51, pada harga hari semalam. Tetapi saya dapati Kerajaan tidak menggalakkan pelabur-pelabur khususnya pelabur-pelabur bumiputera untuk melabur dalam ASN sekarang ini, bahkan digalakkan untuk melabur lebih di dalam saham ASB. Jadi, apakah rasional Kerajaan untuk berbuat demikian?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua tahap simpanan di Singapura lebih tinggi daripada tahap di negara kita, antara lainnya disebabkan oleh sumbangan ataupun caruman kepada Central Provident Fund (CPF) yang jauh lebih tinggi dari tahap yang ditetapkan di negara kita.

Sebagai perbandingan, saya hendak memaklumkan kadar simpanan di negara-negara maju umpamanya Jepun - 34%, UK - 13%, Amerika Syarikat - 16%, Germany - 23%, dan kadar-kadar tabungan ini adalah jauh lebih rendah dari kadar tabungan negara kita. Sama ada Kerajaan berpuashati dengan kadar sekarang, memanglah Kerajaan sentiasa tidak berpuashati. Kerajaan melaksanakan pelbagai langkah untuk membolehkan rakyat Malaysia menyimpan lebih banyak dengan mengurangkan perbelanjaan, berjimat-cermat dan sebagainya supaya kita dapat membiayai pelaburan. Simpanan ataupun tabungan ini diperlukan untuk membiayai pelaburan.

Jadi, kita akan berpuas hati sekiranya pelaburan kita dapat di biayai sepenuhnya oleh simpanan. Sekiranya simpanan tidak boleh membiayai sepenuhnya pelaburan, ini bermakna kita perlu berhutang. Jadi sama ada kita berpuas hati ataupun tidak, kita tidak berpuas hati lagi. Kita inginkan agar kadar ini dapat ditingkatkan lagi untuk membiayai sepenuhnya, lebih daripada mencukupi pelaburan negara.

Berkaitan dengan soalan kedua, Yang Berhormat ingin tahu kenapakah Kerajaan tidak menggalakkan rakyat melabur dalam ASN. Sebenarnya bukan begitu. Kerajaan memang menggalakkan rakyat

melabur dalam ASB dan ASN. Cuma yang selalu diberi ingatan ialah pelabur-pelabur ASN hendaklah perlu berhati-hati. Mereka perlu mengikuti keadaan pasaran setiap hari kerana perubahan-perubahan harga ASN itu tertakluk kepada keadaan pasaran. Kalau kita sebagai seorang pelabur kecil di kampung, seorang petani, kita tidak ada screen dalam bilik kita, maka sukar bagi kita hendak mengikuti perkembangan dalam pasaran.

Oleh hal yang demikian, pada pandangan Kerajaan, bagi pelabur-pelabur kecil, adalah wajar bagi mereka untuk melabur dalam ASB di mana kadar pulangannya adalah stabil - bukan sahaja stabil, tetapi secara relatifnya, tinggi.

BALAK MALAYSIA — JUMLAH PENGELUARAN/EKSPORT

9. Tuan Haji Ishak bin Arshad Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) jumlah pengeluaran balak Malaysia bagi tahun 1990 hingga sekarang;
- (b) jumlah keluasan kawasan balak yang telah diluluskan dalam tempoh tersebut;
- (c) jumlah eksport balak Malaysia dalam jangka masa tersebut. Berapakah pendapatan kepada negara; dan
- (d) jumlah keluasan kawasan balak yang ditanam semula.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah pengeluaran balak Malaysia bagi tahun 1990 hingga Ogos 1993 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Pengeluaran Balak (Juta meter padu)</i>
1990	40.1
1991	39.9
1992	43.5
1993 (sehingga Ogos)	25.3
Jumlah:	<u>148.8</u>

- (b) Jumlah keluasan kawasan balak yang telah diluluskan bagi tahun 1990 hingga 1992 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Kawasan Balak Yang Telah Diluluskan (Hektar)</i>
1990	616,500
1991	720,900
1992	418,300
Jumlah:	<u>1,755,700</u>

- (c) Jumlah eksport balak Malaysia bagi tahun 1990 hingga bulan Ogos 1993 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Isipadu (Juta meter padu)</i>	<i>Nilai Eksport (RM Juta)</i>
1990	20.3	4,041
1991	19.3	4,097
1992	17.8	3,826
1993 (sehingga Ogos)	6.4	2,114
Jumlah:	<u>63.8</u>	<u>14,078</u>

(d) Mengenai soalan (d), sukacitalah saya menjelaskan bahawa aktiviti pembalakan adalah dibuat secara tebangan memilih atau selective felling, dengan izin, di mana di antara 7 hingga 12 batang pokok sahaja ditebang dalam satu hektar. Selepas pembalakan, rawatan sivilkultur akan dijalankan bagi memastikan dirian-dirian tinggal akan membesar mengikut proses semulajadi.

Di samping itu, bagi kawasan-kawasan hutan yang rendah dengan stok dirian, tanaman mengaya (enrichment planting) akan dijalankan di mana anak benih tempatan yang mempunyai nilai komersial akan ditanam. Dalam pada itu, ladang hutan juga ditubuhkan di kawasan hutan miskin di mana spesies yang cepat membesar seperti Acacia Mangium, Yamane, Pine dan Jati ditanam.

Jumlah keluasan tanaman mengaya dan penubuhan ladang hutan bagi tahun 1990 hingga 1992 adalah seperti berikut:

Tahun	<i>Keluasan</i>	<i>Keluasan</i>
	<i>Tanaman Mengciya (Hektar)</i>	<i>Ladang Hutan (Hektar)</i>
1990	2,426	6,798
1991	1,355	9,748
1992	782	5,488
Jumlah:	<u>4,563</u>	<u>22,034</u>

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat mana kesan Kmpen Anli Balak Malaysia yang dijalankan, terutama oleh NGO dan negara Barat? Setakai mana kesannya kepada eksport balak Malaysia?

Soalan yang kedua, apakah kenaikan nilai harga eksporti balak ini kerana berlaku kemerosotan nilai matawang di

Barat, terutamanya England yang menyebabkan kita dapat eksport dalam kuantiti yang hampir sama, tetapi mendatangkan hasil yang banyak kerana nilai matawang mereka runtuh? Jadi, setakat mana penambahan eksport ini kerana penurunan nilai matawang di negara-negara Barat?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, kesan eksport balak disebabkan oleh kempen anli kayu tropika ini, pada pandangan saya tidak begitu berkesan pada peringkat ini, kerana pasaran kayu pada masa ini melambung naik, iaitu ada sehinggakan sampai 40% hingga 70% lebih tinggi. Jadi, dengan ini bermakna kesan itu tidak begitu sebagaimana yang kita katakan.

Tentang penambahan eksport, saya minta notis kerana saya tak sempat hendak menyediakannya.

Datin Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum satu kawasan balak dilentukan, di'identified' atau diluluskan, adakah Kementerian Yang Berhormat berbincang atau mengadakan rundingan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, memandangkan peranan yang dimainkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sekarang dari segi alam skitar dan berapakah jumlah kawasan yang diluluskan itu yang tidak dirujukkan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Skitar?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, kuasa meluluskan balak berada di peringkat Kerajaan-kerajaan negeri, bukan di peringkat Kementerian saya.

**ANGKATAN TENTERA —
JUMLAH PEGAWAI TAULIAH
JANGKA PENDEK**

10. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) jumlah anggota tentera yang berkhidmat mengikut perkhidmatan jangka pendek di dalam berbagai pasukan pada ketika ini;
- (b) sebab-sebab mereka tidak boleh menikmati bayaran pencen apabila bersara atau sebagai alternatif di buat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja semasa berkhidmat dengan angkatan tentera; dan
- (c) apakah tindakan Kementerian untuk membetulkan skim perkhidmatan pegawai dan anggota tentera perkhidmatan jangka pendek yang malang ini.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah pegawai tauliah jangka pendek ialah seramai 2,262 pegawai.
- (b) Mengikut syarat-syarat perkhidmatan yang sedia ada, pegawai tauliah jangka pendek yang berhenti tamat tempoh perkhidmatan akan menerima ganjaran tamat perkhidmatan mengikut kadar-kadar tertentu. Angkatan tentera mempunyai Skim Tabung Angkatan Ten-

tera yang tersendiri, iaitu Lembaga Tabung Angkatan Tentera ataupun LTAT. Buat masa sekarang, Akta Tabung Angkatan Tentera hanya meliputi anggota-anggota lain-lain pangkat. Pegawai-pegawai hanya boleh mencarum kepada LTAT secara sukarela sahaja. Walau bagaimanapun, satu kajian yang terperinci untuk memajukan peruntukan Akta ini kepada pegawai-pegawai ATM sedang dijalankan.

- (c) Tidak ada apa-apa kesilapan di sini yang hendak di perbetulkan. Ganjaran tamat perkhidmatan yang di bayar kepada pegawai tauliah jangka pendek adalah merupakan sejenis faedah persaraan.

Sistem ini diamalkan oleh kebanyakan angkatan tentera di dunia ini bagi menjamin ATM sentiasa mendapatkan pegawai-pegawai yang sesuai dengan peranan ATM. Selain daripada itu, pengalaman dan kemahiran yang mereka perolehi semasa berkhidmat akan dapat membantu pegawai ini dapat diterima dengan mudah oleh pihak swasta bila mereka telah bersara.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Perkhidmatan Pegawai Bertauliah Jangka Pendek adalah dalam jangkamasa 12 tahun dan mungkin lebih. Ini satu jangkamasa yang panjang yang mana mereka yang berkhidmat dalam perkhidmatan tentera tidak akan dapat sepertimaha yang disebutkan tadi pencen ataupun caruman

kepada KWSP. Mereka juga kehilangan peluang untuk buat pinjaman rumah dan lain-lain kemudahan dan kedudukan ini memanglah satu kedudukan yang agak ganjil dan saya ingin bertanya sama ada Kerajaan akan menimbang untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang disediakan kepada Perkhidmatan Awam yang lain dan anggota tentera yang lain yang dikategorikan jangka pendek tetapi 12 tahun ke atas, bukan setahun, bukan enam bulan, dan ini saya ingin tahu sama ada Kerajaan akan menimbang untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang saya maksudkan itu. Satu soalan lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu perkhidmatan yang ganjil seumpama ini bolehkah Kerajaan menimbang untuk menghapuskan semua anggota angkatan tentera diberi pertimbangan dan layanan yang adil dan saksama?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan

Mohamed: Tuan Yang di-Pertua tidak ganjil sistem ini kerana ia dibuat mesti ada sebab iaitu untuk menjamin ATM sentiasa mendapat pegawai-pegawai yang sesuai dengan kehendak kita. Kalau tidak, kita akan buat sama sistem dengan perkhidmatan awam yang lain. Yang kedua, bukan semuanya pegawai-pegawai tauliah jangka pendek ini malang ataupun ganjil seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, umpamanya dalam TUDM ramai sekali pegawai-pegawai yang memang ingin berkhidmat secara jangka pendek kerana selepas 12 tahun ataupun 10 tahun, mereka "menerima gaji berlipat kali ganda dalam syarikat-syarikat swasta seperti MAS dan juga syarikat-syarikat penerbangan swasta yang lain.

Jadi, mereka sengaja tidak mahu berkhidmat secara jangka panjang. Jadi, keadaan-keadaan seperti ini ada. Bagi yang berkhidmat secara tetap, hanya yang 20 tahun ke atas sahaja yang

menerima pencen dan juga ganjaran-ganjaran yang berkaitan. Bagi yang 12 tahun ini, seperti yang kita sebut tadi, kita tetap akan mengadakan sistem ini kerana itu yang terbaik. Selain daripada itu, kita tidak mempunyai masalah yang besar, Tuan Yang di-Pertua, bagi pegawai-pegawai yang bersara secara jangka pendek ini. Mereka telah diterima dengan baik oleh pihak swasta kerana disiplin, kemahiran mereka dan mutu pekerjaan mereka adalah tepat dengan kehendak-kehendak sektor swasta di luar.

Jadi, tuduhan Yang Berhormat itu, mungkin ada seorang atau dua orang sahaja - bilangan yang kecil mungkin pegawai yang mengalami masalah, tetapi ini tidak menyebabkan kita kena rombak sistem yang baik bagi kita ini.

**PENERBIT/PENULIS SURAT
LAYANG — TINDAKAN
KERAJAAN**

11. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah tindakan Kerajaan yang telah dan akan diambil ke atas penerbit-penerbit, penulis-penulis upahan, penulis-penulis hantu (ghost writers) dan penulis-penulis surat layang yang berleluasa ketika parti pemerintah menghadapi proses pemilihan mereka;
- (b) adakah Kerajaan sedar perbuatan mencmar, memburuk atau membunuh (character assassination) ini boleh mendatangkan keburukan kepada negara di dalam dan luar negara jika tidak dibendung. Adakah Kerajaan berpendapat satu budaya baru cara berpolitik

rakyat Malaysia lelah terbentuk dengan kempen-kempen di se-negajakan seperti disebutkan; dan

- (c) adakah Kerajaan telah mengenal-pasti antara perosak-perosak ter-sebut dan apakah tindakan yang telah dikenakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya terbukti bahawa tuduhan melalui penerbitan akhbar atau penyebaran surat-surat layang mengandungi unsur-unsur yang menghasut ataupun boleh mendatangkan mudarat kepada keselamatan dan ketenteraman awam. Selain daripada itu, mereka yang dilemparkan dengan tuduhan-tuduhan liar dan berbentuk "personal" boleh mengambil tindakan "civil suit" secara peribadi melalui peruntukan undang-undang yang sedia ada.
- (b) Pada umumnya tuduhan yang dilemparkan melalui surat layang atau bentuk lain memang boleh mendatangkan keburukan di dalam dan di luar negara dari segi imej dan keyakinan terhadap pemimpin negara bagi satu jangka masa. Walau bagaimanapun, oleh kerana tuduhan-tuduhan demikian tidak ada "credibility", dengan izin dan bukti-bukti yang jelas, maka ianya sukar diambil apa-apa tindakan. Penyebaran surat layang di negara ini bukanlah satu perkara baru, ianya seolah-olah sudah menjadi satu budaya yang tidak sihat di kalangan rakyat negara ini. Bilangan penyebaran surat layang ini meningkat terutamanya pada menjelang rhusim pilihanraya umum ataupun pemilihan pucuk pimpinan parti-parti politik.

- (c) Adalah sukar untuk Kerajaan mengenalpasti penulis-penulis surat layang ini oleh kerana kekurangan bukti dan berbagai cara dan helah digunakan untuk melindungi kegiatan mereka. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus mengawasi keadaan dan akan mengambil tindakan sesuai mengikut undang-undang di mana boleh.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Perlua, soalan tambahan. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, adakah Kerajaan bercadang untuk memberi kuasa kepada Dewan Bahasa dan Pustaka bagi mereka menjadi penyunting kepada semua buku-buku termasuklah majalah-majalah dan juga rnejalah hiburan sebelum ia dibenarkan untuk dicetak dan dipasarkan, kerana terdapat juga, Tuan Yang di-Pertua, majalah-majalah ini kadang-kadang mendedahkan gambar-gambar yang kurang menyenangkan terutama sekali apabila dibaca oleh kanak-kanak sekolah?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan sudah ada satu unit penguatkuasa di bawah Kementerian Dalam Negeri iaitu Unit Kawalan Penerbitan untuk menjalankan tugas itu iaitu sebarang majalah ataupun surat khabar atau apa-apa sahaja penerbitan kalau sekiranya dilaporkan tidak sihat, bercanggah dengan Akta Penerbitan dan Mesin Cetak 1984, maka Unit Kawalan Penerbitan itu boleh ambil tindakan undang-undang untuk mengukumkan mereka yang didapati salah. Jadi, tidak bolehlah kita bebankan Dewan Bahasa dan Pustaka yang merupakan satu tempat akademik.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar tentang surat-surat layang yang timbul ekoran daripada pemilihan

UMNO baru-baru ini di mana "target-target" yang paling hangat sekali ialah Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor, Yang Amat Berhormat Kelua Menteri Melaka dan juga satu yang ditujukan kepada 'bekas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri - bekas - bukannya yang sekarang. Adakah laporan dibuat oleh Menteri Besar Selangor dan Kctua Menteri Melaka tentang surat layang yang ditujukan ke atas mereka dan, kalau ya, apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak polis atau BPR telah menerima surat-surat layang tersebut khususnya yang tersebar luas mengenai Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor tentang pembayaran wang muta'ah sebanyak RM16 juta pada bekas isterinya yang juga Puteri Sultan Selangor, dan kalau ya, apakah tindakan atau adakah siasatan dibuat sama ada dakwaan ini benar supaya siasatan dapat ditentukan bagaimanakah seorang Menteri Besar Selangor mampu membayar wang muta'ah sebanyak RM16 juta? Sedangkan apabila dia menjadi Menteri Besar Selangor, wang gajinya tidak sampai RM1.5 juta. Saya rasa pihak polis.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat. Cukup.

Tuan Lim Guan Eng: patut ambil berat perkara ini.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, surat-surat layang ini adalah dilakukan oleh orang yang hendak melakukan sesuatu, tetapi dia tidak berani tonjol ke depan ataupun tidak berani mengaku bahawa dia yang membuat dakwaan dan dia sanggup bertanggungjawab.

Jadi, surat-surat layang yang dilakukan seperti apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, sama ada isi kandungan itu berasas atau tidak berasas, saya rasa saya sudah jawab tadi, sukar untuk pihak polis ataupun ACAkah untuk ambil lindakan dan sekiranya cara itu kita ambil sebagai suatu asas siasatan, maka saya rasa negara ini penuh dengan surat layang, Saya rasa tiap-tiap polis akan menerima berjuta-juta surat layang sama ada berasas atau tidak, akhirnya pasukan polis itu tidak payah buat kerja lain. Tiap-tiap hari, baca surat layang pun cukup. (*Ketawa*) Jadi, saya rasa itulah pendekatan profesion polis hari ini, kita tidak layan surat layang ini. Sesiapa yang hendak tuduh atau mendakwa, dia mesti berani tampil ke depan buat laporan kepada polis. Jadi, saya tidak akan menjawab perkara yang sia-sia itu.

**PROGRAM KERJASAMA
TEKNIKAL MALAYSIA-
JERMAN— KAJIAN KE ATAS
PENCEMARAN UDARA DI
LEMBAH KELANG**

12. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan lindakan-tindakan yang telah diambil brikutah kajian kumpulan sains Malaysia-Jerman di bawah Program Teknikal Malaysia-Jerman (GTZ) dalam mendekati kepekatan gas beracun Nitrogen Dioksida di kawasan Lembah Kelang ini berada di tahap bahaya iaitu sebanyak 120 mikrogram per meter padu melebihi piawaian yang digariskan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

dari kajian yang dijalankan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia-Jerman didapati pada keseluruhannya paras kandungan Nitrogen Dioksida yang dilepaskan dari kenderaan bermotor di Bandaraya Kuala Lumpur adalah di bawah paras 150 microgram per meter padu, iaitu piawaian yang disediakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Sungguhpun begitu, pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak berdiam diri malahan telah dan sedang berusaha mengambil tindakan-tindakan pencegahan seperti menghendaki industri kereta motor menggunakan enjin yang berteknologi bersih, atau clean technology, dengan izin, bagi kenderaan baru yang dipasang atau di kilangkan.

Di samping itu, penggunaan NGV (Natural Gas for Vehicle) untuk kenderaan pengangkutan awam, mengenalkan sistem pengangkutan seperti 'Mass Rapid Transit' dan 'Light Rail Transit' dan juga penggalakan perkongsian kereta adalah antara langkah-langkah yang sedang di laksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan lain yang juga turut membantu ke arah mengurangkan masalah pencemaran di sekitar Lembah Kelang.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa tahap bahaya sudah sampai dari segi gas meracun Nitrogen Dioksida. Dari segi pencegahan, adakah Kerajaan sedang mengkaji untuk memastikan setiap kereta di negara kita ini memasang penapis kepada 'exhaust' kereta supaya dapat diturunkan gas-gas beracun ini yang dikeluarkan oleh kereta?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Perkara ini memang telah diambil kira dan kajian telah dibuat. Tetapi buat masa sekarang, satu ketetapan telah dibuat oleh Jemaah Menteri belum lagi sampai masa yang kita hendak mewajibkan setiap kereta untuk memasang alat pencegahan seperti 'catalytic converter'.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah habis.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 6 dan No. 13 hingga 28 akan dijilid dalam buku berasingan).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1994

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1994

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1994 dan Usul Anggaran Pembangunan 1994" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. *(Hari Kelapan)*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua

mempengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B. 26 dan B. 27 (Jadual) —

Maksud P. 26 dan P. 27 (Anggaran Pembangunan, 1994) —

Tuan Pengerusi: Menyambung semula perbincangan Kementerian Pendidikan, Maksud B. 26 dan B. 27; dan Maksud P. 26 dan P. 27. Selepas ucapan Ahli Yang Berhormat dari Telok Kemang, saya minta Kementerian menjawab oleh kerana sudah ada 7 orang berucap dalam perkara ini. Yang Berhormat dari Telok Kemang, sila teruskan. (*Diganggu*)

Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam): Tuan Pengerusi, semalam Timbalan Yang di-Pertua mengatakan selepas Ahli Yang Berhormat dari Santubong, esok ada perbincangan lagi.

Tuan Pengerusi: Ya, ia masih ada perbincangan lagi.

Tuan Chian Heng Kai: Saya harap boleh lanjutkan masa, supaya lebih ramai orang yang berminat boleh ambil bahagian?

Tuan Pengerusi: Kita ada 7 orang yang berucap dalam perkara ini. Sila, Yang Berhormat dari Telok Kemang.

3.35 ptg.

Dr. T. Marimuthu (Telok Kemang): Tuan Pengerusi, terima kasih. Sepertimana saya katakan semalam, abad ke-21 dan Wawasan 2020 mewujudkan beberapa cabaran untuk pendidikan. Bidang-bidang baru yang muncul dalam dekad 90-an adalah bio-teknologi, kejuruteraan genetik, teknologi maklumat, industri aerospace dan sebagainya. Untuk menguasai bidang-bidang yang baru ini, kita harus menyiapkan generasi muda kita melalui pendidikan sains dan teknologi.

Saya sedar Kementerian Pendidikan sedang memberi perhatian yang penting kepada bidang pendidikan ini. Pendidikan teknikal dan vokasional telah mendapat peruntukan sebanyak RM299 million iaitu lebih RM49 million daripada tahun yang lalu. Walaupun anggaran ini menunjukkan tambahan pelajar dalam institusi-institusi ini, saya berpendapat

bahawa peruntukan yang diberi untuk pendidikan teknikal, vokasional dan politeknik tidak mencukupi. Saya minta Kementerian Pendidikan menambahkan institusi-institusi ini supaya lebih ramai penuntut boleh dapat pendidikan teknikal dan vokasional supaya kita boleh memenuhi permintaan untuk tenaga manusia yang mahir daripada ekonomi negara kita.

Tuan Pengerusi, beberapa kajian telah membuktikan bahawa "the return on investment" di peringkat pendidikan rendah dan pendidikan untuk wanita adalah lebih daripada peringkat yang lain. Ini bukanlah maksud kita mengabaikan pendidikan untuk lelaki.

Kementerian Pendidikan harus memberi perbatian dan tumpuan yang lebih serius kepada kualiti peringkat pendidikan rendah, khususnya di kawasan luar bandar. Pendidikan di peringkat ini adalah asas untuk membina dan membangun suatu masyarakat yang berilmu dan berorientasikan kepada bidang sains dan teknologi. Walaupun usaha-usaha Kementerian Pendidikan ke arah menentukan suatu masyarakat berorientasikan sains dan teknologi dialu-alukan, saya masih tidak berpuas hati mengenai tindakan yang telah diambil ataupun tindakan yang tidak diambil terhadap sekolah-sekolah kecil dan miskin yang diletakkan di luar bandar, khususnya di kawasan pendalaman dan di estet-estet.

Kualiti sesebuah sekolah adalah diuji atas prestasi pencapaian. Saya ingin menunjukkan prestasi pencapaian dalam UPSR untuk sekolah-sekolah rendah di negara kita. Prestasi dalam Matematik untuk tahun 1992 untuk sekolah kebangsaan - 57%; sekolah rendah kebangsaan

- 73%; SRJK(C) - 87%; dan SRJK (T) - 46 %. Untuk tahun 1993 untuk sekolah kebangsaan, 60%; SRK -75%; SRJK(C) - 87% dan SRJK(T) - 56 %. Ini menunjukkan bahawa prestasi dalam Mata pelajaran Matematik di sekolah kebangsaan dan sekolah Tamil tidak begitu menggalakkan. Pencapaian dalam UPSR untuk sekolah-sekolah Tamil adalah teruk sekali, khususnya dalam Bahasa Malaysia di mana pencapaian adalah hampir 20% sahaja, Soalan yang penting ialah bagaimana kita harus mempertingkatkan prestasi pencapaian di sekolah kebangsaan dan sekolah Tamil, khususnya dalam mata pelajaran Matematik dan Bahasa Melayu.

Berdasarkan beberapa penyelidikan, pencapaian seseorang individu dipengaruhi oleh fakta-fakta mengenai persekitaran rumah tangga dan fakta-fakta sekolah. Kementerian Pendidikan harus memberi tumpuan atas fakta-fakta sekolah untuk mempertingkatkan prestasi pencapaian di sekolah-sekolah yang tersekat. Pada masa sekarang, kita lelah dapat banyak pengetahuan yang berbagai-bagai,

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya tertarik dengan unjuran, data dan statistik Yang Berhormat kemukakan tentang prestasi di antara sekolah-sekolah luar bandar dan daiam bandar, bukan sekadar hanya sekolah India. Kadangkala statistik ini, sampai prestasinya amat teruk hingga satu pertiga dalam bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan Sains berbanding dengan sekolah dalam

bandar. Apakah pandangan Yang Berhormat, unsur-unsur atau faktor-faktor yang menyebabkan perkara ini? Adakah oleh kerana mutu dan kualiti guru? Kadang-kadang kita lihat di luar bandar ada banyak sangat guru "sangkut". Satu pertiga (one-third) guru yang ada, semua "sangkut" sahaja. Dari segi kemudahan asas, kadang-kadang mercka terpaksa pergi ke sekolah petang dan tengah han. Kadangkala di sekolah luar bandar, semasa mereka menunggu giliran mereka, mereka terpaksa menunggu di bawah pokok dahulu sebelum mereka masuk ke kelas. Adakah ini asas dan faktornya dari segi pandangan Yang Berhormat?

Dr. T. Marimuthu: Jika Yang Berhormat menunggu dan mendengar ucapan saya, saya boleh jawab soalan Yang Berhormat itu dalam ucapan saya.

Pengetahuan yang baru mengenai keberkesanan sekolah (effective schools), seorang ahli pendidik iaitu Fuller, dalam satu kajian di mana beliau telah menyemak semula 64 kajian atas keberkesanan sekolah di Dunia Ketiga termasuk Malaysia mengenalpasti - inilah Yang Berhormat jawapan saya, mengenalpasti bahawa faktor-faktor yang berikut menentukan prestasi pencapaian dan menmggikan keberkesanan sekolah.

Faktor-faktor itu ialah perbeianjaan per kapita, input kebendaan (material inputs) seperti buku-buku teks dan bahan-bahan bacaan, bangku sekolah, radio, kualiti bangunan, kemudahan perpustakaan dan program pemakanan. Dari segi kualiti guru, tempoh masa dan kualiti latihan, latihan dalam perkhidmalan (in-service), kefasihan verbal dan kclas sosial guru-guru akan menentukan pencapaian seseorang murid.

Faktor-faktor yang lain adalah kualiti guru besar, gaya kepimpinan dan ekspektasi guru terhadap pencapaian murid-murid mereka. Daripada senarai faktor-faktor ini atas "school effectiveness", saya ingin menumpukan atas dua faktor yang penting iaitu "material inputs" seperti kualiti bangunan, kerusi dan bangku, bilik darjah yang tidak mencukupi, peruntukan yang kecil dan kualiti guru.

Oleh kerana Kementerian Pendidikan telah mendapat peruntukan yang besar sekali, mereka juga memikul tanggungjawab yang berat. Juga sistem pendidikan kita adalah satu sistem yang terbaik di rantau ini. Oleh kerana itu, saya meminta Kementerian Pendidikan mengambil dan memberi perhatian yang serius kepada cadangan saya untuk mempertingkatkan kualiti dan produktiviti daripada sistem pendidikan kita, khususnya daripada pendidikan rendah.

Yang pertama, saya merasa dukacita dan sedih mengenai peruntukan yang diagihkan kepada sekolah-sekolah di luar bandar, khususnya ke sekolah-sekolah Tamil, di mana 80% adalah terletak di estet-estet. Saya diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan bahawa pengagihan peruntukan adalah berasaskan bilangan murid dan kadar yang telah diluluskan tanpa mengira jenis sekolah.

Saya mengalu-alukan jawapan Yang Berhormat Menteri yang telah menerangkan cara pengagihan peruntukan tetapi sekolah-sekolah Tamil bagi tempoh tahun 1986 sehingga April 1993, mendapat RM4.9 million iaitu hampir RM5 million. RM5 million ini adalah untuk tujuh tahun, bukan untuk satu

tahun, tetapi tujuh tahun dan empat bulan. Ini bermakna, sekolah-sekolah Tamil secara purata mendapat RM700.000 sahaja, bukan RM700 million, tetapi RM700,000 sahaja daripada berbillion-billion ringgit. Ini adalah segelintir ataupun 'miniscale' daripada peruntukan yang diberi kepada Kementerian Pendidikan.

Sebenarnya, mengikut kadar 'enrolment' 4% di dalam sekolah-sekolah Tamil, bagi sekolah-sekolah Tamil mereka harus mendapat RM100 million daripada RM2.5 billion yang diberi kepada pendidikan rendah. Untuk tahun 1994, sekolah-sekolah Tamil harus mendapat lebih daripada RM100 million berdasarkan kadar yang telah disebutkan. Saya minta Kementerian Pendidikan mengambil perhatian yang serius dan memberi peruntukan atas kadar 'enrolment' supaya kualiti dan prestasi sekolah-sekolah Tamil boleh dipertingkatkan.

Saya amat tertarik dengan usaha-usaha Kementerian Pendidikan bagi mempertingkatkan kualiti serta prestasi pendidikan secara keseluruhannya. Saya berasa bangga atas kegunaan beberapa konsep gagasan dan paradigma untuk meningkatkan produktiviti sekolah. Bukan sahaja dari segi akademik, bahkan juga daripada aspek-aspek yang lain seperti fizikal, mental dan akhlak. Mereka berusaha untuk mempersiapkan generasi muda kita untuk menangani cabaran-cabaran menjelang abad ke-21.

Konsep-konsep yang digunakan adalah sekolah penyayang (caring school), ketiadaan kecacatan (zero defect schools), empowerment, paradigma shift daripada rasionaliti teknikal kepada rasionaliti reflective. Kementerian juga

akan mengisytiharkan "Tahun Bersih" pada bulan April 1994 di mana pencapaian mutu yang cemerlang dan ketiadaan kecacatan akan diutamakan.

Saya ingiri mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan juga kepada Dato' Dr. Wan Zahid Mohd. Nordin, Ketua Pengarah dan Dato' Nordin Hassan, KSU dan pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan yang boleh dikatakan mereka adalah satu pasukan Wawasan 2020. Pasukan ini adalah dinamik, berpengetahuan, berpengalaman, berkelayakan dan berkaliber. Sebahagian besar dari pegawai-pegawai mempunyai kelayakan yang tinggi seperti Sarjana Muda dan Kedokteran, seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap. Pegawai-pegawai ini juga faham konsep ataupun educational metaphors seperti equality of educational opportunity, educational disadvantage, social justice in education, affirmative action, positive discrimination, compensatory education, dengan izin dan sebagainya.

Soalan saya ialah, bagaimana kita termasuk Kementerian Pendidikan menggunakan konsep-konsep ini untuk mempertingkatkan prestasi sekolah-sekolah rendah di luar bandar, di estet dan di kawasan pedalaman. Adakah Kementerian Pendidikan sedar dan peka bahawa sebahagian besar sekolah-sekolah mengalami kekurangan kemudahan asas seperti bangunan yang selesa, tandas, bilik darjah, kerusi dan bangku sekolah dan sebagainya? Bagaimanakah sekolah ini akan membina satu 'caring school' ataupun satu 'garden school'? Adakah Kementerian Pendidikan sedar dan peka bahawa sekolah-sekolah tersebut di atas mengalami kekurangan guru-guru yang terlatih, khususnya sekolah-sekolah Tamil yang mempunyai 30% guru sandaran

yang tidak mempunyai latihan? Ini akan merosotkan prestasi akademik murid-murid di sekolah-sekolah itu.

Tuan Pengerusi: Ya, minta gulung, Yang Berhormat.

Dr. T. Marimuthu: Terima kasih. Saya ingin tahu daripada Kementerian Pendidikan, apakah tindakan yang sedang dan akan diambil untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah kecil dan miskin? Kementerian Pendidikan harus mengambil tindakan yang tegas untuk meningkatkan produktiviti di sekolah-sekolah ini.

Saya ingin mencadangkan supaya ditubuhkan satu Jawatankuasa Induk, untuk mengkaji masalah yang dihadapi oleh "the small schools and poor schools" supaya mereka juga boleh menyumbang kepada perkembangan negara dan memenuhi hasrat Wawasan 2020.

Akhirnya, saya berpendapat, dengan izin, 'every year that we delay in providing equal and reasonable facilities to these poor children, the loss to the nation in human and economic terms is irreversible and it is also immoral'.

Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila menjawab.

3.51 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 1994 di peringkat Jawatankuasa, dan yang telah mengemukakan isu serta cadangan yang menyentuh Kementerian Pendidikan.

Mengenai teguran Yang Berhormat dari Padang Terap, beliau telah minta Kementerian Pendidikan supaya membuat perancangan pendidikan yang teliti, supaya rakyat Malaysia menjadi satu bangsa yang mempunyai identiti sendiri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) yang digubal memberikan penekanan kepada pemerolehan pengetahuan atau dengan izin, acquisition of knowledge, penguasaan/kemahiran serta pemupukan nilai-nilai murni. Ketiga-tiga unsur ini mempunyai wajaran penekanan yang sama. Jadi salah satu nilai yang dipupuk merentasi semua mata pelajaran ialah keyakinan diri. Nilai lain yang juga menyumbang kepada kewujudan bangsa Malaysia beridentiti sendiri ialah nilai 'cintakan negara'. Malah terdapat 16 nilai-nilai murni yang menjadi teras dalam kurikulum sekolah juga menyumbang ke arah menjadikan bangsa Malaysia sebagai bangsa yang mempunyai identiti sendiri.

Berhubung dengan kandungan kurikulum tentang "dormant, kognitif, efektif dan psikomotor", saya ingin menjelaskan bahawa kurikulum prasekolah juga dibina berasaskan kepada falsafah pendidikan negara ke arah menyuburkan potensi kanak-kanak yang meliputi aspek perkembangan fizikal, pertumbuhan kognitif, sosial, emosi, rohani dan 'ekstatika'. Jadi, pendekatan dan pembelajaran, asuhan, bimbingan yang diamalkan ialah bermain sambil belajar dan juga meliputi gerak kerja ko-kurikulum.

Mengenai bilangan prasekolah Kementerian Pendidikan, buat masa ini pihak Kementerian tidak bercadang me-

nambah bilangan kelas pendidikan prasekolah yang sedia ada itu, iaitu 1,131 buah. Jadi, kelas-kelas prasekolah yang baru akan dibuka dan diuruskan oleh KEMAS dan juga Jabatan Perpaduan Negara. Pada masa ini, terdapat 6,280 kelas prasekolah yang dianjurkan oleh KEMAS dan juga 572 kelas prasekolah yang dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara.

Mengenai cadangan menyemak semula syarat kemasukan ke Sekolah Menengah Yokasional. Sebenarnya syarat kemasukan tersebut adalah terbuka kepada dua golongan, iaitu yang 'Cemerlang' dan yang juga pencapaian akademiknya pada peringkat Sederhana'. Pelajar yang 'Cemerlang' akan mengikuti pelajaran dalam aliran vokasional dan terus menduduki peperiksaan. Sijil Pelajaran Malaysia Yokasional (SPMV), manakala yang satu golongan lagi akan mengikuti pelajaran dalam aliran latihan kemahiran dan akan mengambil peperiksaan Sijil Kemahiran Malaysia. Jadi, terpuianglah kepada pelajar-pelajar berkenaan untuk membuat pemilihan kursus-kursus yang diminati dan aliran yang sesuai dengan pencapaian akademik mereka ini.

Yang Berhormat dari Kepong telah mengatakan yang jawatan Guru Besar dan Pengetua Sekolah selalu menjadi rebutan kerana mereka seringkali terlibat dalam menerima komisyen dan pembelian barang-barang di sekolah.

Sebenarnya dakwaan penyelewengan ini di kalangan Guru Besar dan Pengetua Sekolah adalah tidak benar dan tidak berasas. Pengurusan kewangan sekolah dari peringkat pemberian peruntukan dan proses pembelian adatah dikawal dengan sistem audit sekolah itu sendiri. Dakwaan ini sebenarnya lebih berasas kepada prasangka yang buruk

dan akan melemahkan semangat Guru Besar dan Pengetua Sekolah kita.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Keping bangun ya.

Dr. Leo Michael Toyad: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, walaupun saya telah sangka jawapan sedemikian, adakah Yang Berhormat sanggup mengadakan satu jawatankuasa khas untuk menyiasat dengan teliti di dalam beberapa kes pada tahun ini dan apakah yang telah berlaku di dalam sistem untuk melantik Guru Besar dan juga di dalam sistem untuk mengadakan bantuan buku-buku teks, buku latihan dan kantin-kantin di seluruh negara?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi, memang dia menyangkakan bahawa jawapan saya begitu, kerana beliau telah tahu bahawa dakwaan beliau itu sendiri bukan benar. Jadi, dia pun tahu jawapan saya memang begitu.

Keduanya, mengenai soal mengadakan jawatankuasa dan mungkin untuk mengawal penyelewengan di sekolah, di kantin dan PIBG. Kita pun ada badan-badan disiplin di peringkat Negeri di mana kita juga talah menjalankan dan kita dapat laporan, sangkaan, bahawa ada Guru Besar menggunakan wang PIBG dan wang sekolah, kita terus menyiasat, tidak perlu jawatankuasa yang baru. Kita sudah ada yang saya sebutkan tadi 'Sistem Audit Dalaman' di sekolah dan juga dalam Kementerian.

Mengenai cadangan untuk merninda Akta Universiti dan Kolej Universiti supaya bersesuaian dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pengajian tinggi di rantau ini dan

Komanwel, pada masa ini Kementerian Pendidikan sememangnya sedang mengkaji semula Akta Universiti dan Kolej, universiti awam supaya bergerak dengan lebih dinamik dan responsif.

Untuk perhatian Ahli Yang Berhormat, Akta yang sedia ada membolehkan dua bentuk pengwujudan institusi pendidikan tinggi yang bertaraf universiti dengan pihak luar, sekiranya ia diwujudkan melalui perjanjian (*treaty*) atau konvensyen di antara Persekutuan dengan mana-mana negara yang lain atau sesuatu organisasi antarabangsa. Jadi, perkara ini diperuntukkan di bawah Seksyen 5A Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971. Beliau juga telah mencadangkan agar setiap negeri mempunyai sekurang-kurangnya sebuah universiti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walau di mana sekalipun penubuhan sesebuah universiti itu memerlukan rancangan yang teliti, terutamanya dari segi kewangan dan juga masalah kekurangan tenaga pengajar. Ini perlu bagi menjamin kualiti pelajar dikeluarkan oleh universiti-universiti tempatan dapat dipertahankan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya sedar dan saya hendak mengatakan 'syabas' kepada pihak Kementerian kerana membuat kajian yang teliti di samping memberi peruntukan lebih RM800 juta untuk membina Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Itu adalah langkah yang betul. Cuma bolehkah usaha ini dibuat ke atas semua negeri yang tidak mempunyai universiti sekarang, tidaklah hanya cawangan daripada salah sebuah universiti di Malaysia?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi, pada masa kini kita belum ada cadangan untuk mengadakan ditiap-tiap negeri, tetapi yang sebenarnya kita memberi kemudahan-kemudahan seperti cawangan-cawangan universiti supaya ia dapat menampung untuk memben-
luang dari peringkat Asasi, Tahun Satu atau Tahun Dua dan juga Matrikulasi untuk universiti-universiti yang sedia ada, dan ini adalah.....

Dato' Haji Mohamad bin Abdullah: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bangun.

Dr. Leo Michael Toyad:
membangunkan universiti

Tuan Pengerusi: Maran bangun ya.

Dato' Haji Mohamad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya mengenai dengan Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Pakulti Perubatan di Kuantan, Pahang. Kita telah lama merasmikan tapak Fakulti Perubatan, Universiti Islam di Kuantan, Pahang, tetapi sehingga sekarang tidak ada nampak apa-apa tindakan yang Kerajaan buat bagi melaksanakan projek tersebut. Jadi, saya ingin bertanya dalam muka surat 166 - Universiti Islam Antarabangsa, kita mendapat peruntukan sebanyak RM46 juta. Adakah jumlah peruntukan ini termasuk untuk membina Pakulti Perubatan, Universiti Islam Antarabangsa di Kuantan, Pahang. Terima kasih.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi, saya perlu notis untuk menjawab tepat dengan butir-butir perbelanjaan di bawah Butirannya. Saya akan jawab secara bertulis kerana saya

perlu notis. Dari segi amnya, saya telah jawab dahulu bahawa fakulti ini di bawah perancangan dan untuk peringkat pelaksanaannya sahaja, kita menunggu-
kan beberapa perkara yang kita belum dapat selesaikan. Tetapi mungkin dalam masalah ini saya tidak perlu rujuk kembali.

Untuk makluman, bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kepong, Kementerian Pendidikan mempunyai sekurang-kurangnya sebuah universiti. Sebenarnya, untuk membina sesebuah universiti tidak berasaskan kepada negeri-negeri. Seperti UNIMAS (Universiti Malaysia Sarawak) itu, sebenarnya adalah sebuah universiti untuk seluruh negara Malaysia, bukan untuk tempatan, tetapi diletakkan di Sarawak. Ini sebenarnya tidak berasaskan kepada negeri-negeri. Di sini saya ingin membetulkan bahawa namanya ialah Universiti Malaysia tetapi diletakkan di Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga, Kementerian Pendidikan hanya membekalkan buku-buku teks kepada pelajar-pelajar yang layak di bawah program "Bantuan Buku Teks". Berkaitan dengan "Buku Kerja" ini, Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan pekeliling untuk mengawal penggunaan buku kerja ini dan dengan itu penggunaan buku kerja yang banyak oleh pelajar-pelajar kita sehingga membebaskan anak-anak kita membawa ke sekolah itu tidak digalakkan dan tidak sepatutnya berlaku. Kementerian Pendidikan sentiasa menjalankan pengawasan pembelian buku-buku kerja ini dengan penubuhan Jawatankuasa Buku Kerja di peringkat sekolah di mana kita menapis buku kerja-buku kerja yang seialiran dengan kurikulum.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, kalau cadangan itu dilaksanakan, itu adalah baik. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat ataupun pegawai-pegawai pergi ke sekolah-sekolah termasuk sekolah-sekolah di luar bandar, menyiasat dan menengok berapa buku teks dan berapa buku kerja dan sebagainya dan setakat manakah buku-buku ini diperlukan untuk murid-murid. Itu baik juga - kita pergi menyiasat dengan sendiri - kerana setakat mengadakan cadangan dan prosedur itu tidak cukup lagi. Sepertimana yang terdapat di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, setakat adakan peraturan tidak cukup, dia mesti pergi. Sekarang Kementerian itu sudah menghantar 400 kakitangan. Mungkin kita boleh berbuat demikian dengan Kementerian Pendidikan juga.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penjelasan circular atau surat kelihng ikhtisas seperti ini adalah dipatuhi oleh sekolah-sekolah dan kita ada Nazir-nazir Sekolah yang juga membuat lawatan-lawatan ke sekolah-sekolah supaya keadaan ini tidak wujud dan kalau ada sekolah yang tertentu yang Yang Berhormat nampak memang begitu, seperti yang saya jelaskan tadi, bahawa di mana memang keterlaluan penggunaan buku kerja ini sampai ada juga sekolah yang kita telah siasat di mana ia menggunakan buku-buku kerja ini sampai mengenyepikan buku-buku teks yang sepatutnya digunakan.

Kita mengambil tindakan dan memberi amaran kepada pihak-pihak Guru Besar di sekolah-sekolah tertentu yang telah berbuat begitu. Kami mengambil tindakan dan ada juga keseluruhan masalah ini tidak benar. Ada sekolah-sekolah di kawasan-kawasan luar bandar

di mana kebanyakannya patuh kepada penggunaan buku-buku yang telah disediakan. Sebenarnya, masalah ini dapat diuruskan secara administrative dan teknikal di peringkat sekolah. Kalau ada ibu bapa yang tidak senang hati dengan ini, dapatlah kiranya berunding dengan Guru-guru Besar mengenai menggunakan kemudahan untuk meninggalkan buku-buku mereka di sekolah. Ada juga masalah timbul di sekolah yang ada dua sesi dan pelajar-pelajarnya ramai, jadi buku sekolah ini terpaksa dibawa pergi-balik dan rumah ke sekolah. Sebenarnya, ini bukan semata-mata kerana buku tetapi juga keadaan sekolah-sekolah tertentu.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Untuk maklumkan Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga, salah satu syarat dalam skim perkhidmatan PBS dan PPBS pada Pekeliling Bil. 9/91, telah menetapkan iaitu mereka hanya boleh dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat setelah mencapai tahap kecermerlangan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat. Dalam soal sogokan, ini tidak timbul kerana Lembaga telah menapis dan memberi pertimbangan dan perkara sogokan dan juga penglibatan dalam politik tidaklah diambilkira sebagai salah satu kriteria kenaikan pangkat. Mengenai ini Jabatan Peguam Negara juga telah melihat dan mencadangkan pindaan-pindaan tertentu terhadap Akta Pendidikan. Draf ini sedang dikaji dan diperhalusi oleh Kementerian Pendidikan. Setelah selesai mengkaji pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Jabatan Peguam Negara dan setelah dipersetujui oleh Kabinet, Rang Undang-undang Pendidikan tersebut akan dibentangkan di Parlimen mengikut prosedur biasa seperti yang dilakukan kepada rang undang-undang yang lain.

Yang Berhormat dari Pasir Mas pula telah mempersoalkan sistem Penilaian Prestasi untuk pelantikan. Guru Besar dan Pengetua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penilaian prestasi Guru-guru, Guru Besar dan Pengetua di bawah SSB adalah dibuat di tiga peningkat. Bagi guru-guru, penilaian prestasi mereka dibuat oleh Guru Kanan atau Guru Besar selaku Pegawai Penilai Pertama, iaitu di peringkat akar-umbi dan dinilai semula oleh Pegawai Penilai Semula yang terdiri daripada sama ada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di Pejabat Pendidikan Daerah untuk penilaian tapis kedua, atau mana-mana pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri.

Laporan yang disediakan oleh Pegawai Penilai dan Pegawai Penilai Semula akan dikaji oleh Panel Pergerakan Gaji di Jabatan Pendidikan Negeri yang mana sekiranya berlaku ketidakadilan boleh mengubah penilaian-penilaian yang dibuat oleh kedua-dua Pegawai Penilai di atas. Sistem yang ada ini bukan sahaja digunakan oleh Kementerian Pendidikan, bahkan oleh semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan. Oleh yang demikian, isu sogokan wang dan politik tidaklah berbangkit dalam urusan kenaikan pangkat pegawai-pegawai di bawah sistem ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, saya tidak menyebut masalah isu sogokan wang. Saya menyebut kemungkinan mereka yang terlibat membuat laporan prestasi atas nama individu masing-masing. Mereka manusia! Saya bimbang kemungkinan ada pilih kasih atau kecenderungan memihak dan ini tidak boleh dinafikan atau dikatakan

langsung tidak berbangkit sebab perkara ini berbangkit. Ini boleh dibuktikan dan boleh diwujudkan pihak-pihak tertentu untuk menyasat perkara ini. Sebab kalau perkara ini tidak benar, saya tidak bawa dalam Dewan yang mulia ini. Saya pun tidak suka membawa perkara-perkara yang tidak ada asas. Terima kasih.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat, kerana mengambil perhatian di atas sistem ini. Tetapi yang saya memberikannya.....

Tuan Saidin @ Yusof bin Adam:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Tuan Saidin @ Yusof bin Adam: Tuan Pengerusi, saya juga ingin nienyentuh dalam perkara ini. Di kawasan saya juga terdapat di mana ada guru yang nilai prestasinya tidak dibuat oleh Guru Besar bagi mendapat kenaikan yang baik. Ada guru yang prestasinya dibuat oleh Guru Besar yang mempunyai penilaian yang baik, tetapi hasilnya penilaian yang dibuat oleh Guru Besar tidak dinilai oleh Jabatan dan Negeri. Sebaliknya, ada guru yang tidak nampak aktif, yang tidak menjalankan tugasnya dengan baik, mereka itu yang dinilai baik oleh Jabatan. Di mana letaknya seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan prestasi itu dinilai bermula dari sekolah atau dari Guru Besar dan dari Pengetua sedangkan cadangan dari Pengetua dan Guru Besar tidak ada tetapi ada di Jabatan. Jadi, masalah inilah yang kadang-kadang menimbulkan rungutan diperingkat bawah di mana timbul perasaan tidak puas hati di antara guru-guru, terutama di luar bandar.

Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Saya telah jelaskan di sini bahawa inilah sebenarnya sistem kita menilaikan pegawai-pegawai kita di peringkat sekolah dan di peringkat akar-umbj. Dan di mana wujudnya seperti yang telah ditirbul oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas dan Tanjong Karang tadi, bukti untuk kita menilai semula kajian-kajian tertentu, Kementerian Pendidikan dan Menteri sendiri ada menyatakan bahawa kita ada saluran untuk rayuan dalam penilaian-penilaian tertentu dan diberi kajian dari pihak Kementerian dan juga Jabatan Pendidikan Negeri.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukan soal ada rayuan, bukan soal kalau ada satu, dua kes hendak merayu, yang saya hendak persoalkan apakah kemungkinan sistem yang digunakan sekarang dikaji semula, di kemaskinikan, mengambil kira rungutan-rungutan yang berlaku supaya tidak timbul perasaan tidak puas hati di kalangan guru-guru. Jadi, sistem itu sendiri. Kalau ada masalah kemungkinan cara sekarang ini tidak betul, apakah cara ini mungkin akan diubah ataupun mencari pendekatan baru? Bukan masalah orang ini ada rungutan, boleh merayu dan sebagainya, tetapi kalau orang telah terlepas ke belakang - tak ada peluang naik pangkat, terlepaslah, orang lain sudah dahulu. Jadi, soalnya akan mengambil masa. Saya persoalkan sama ada kemungkinan Kementerian Pendidikan apabila mendapat maklumat

ataupun maklum balas, rungutan seumpama ini, kemungkinan untuk mengkaji semula sistem penilaian kenaikan pangkat sekarang ini yang ada dalam Kementerian Pendidikan sampailah ke peringkat sekolah sesuai dengan pelaksanaan SSB sekarang ini. Itu yang saya bangkit dari segi supaya ianya berkesan nanti.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya katakan tadi saluran untuk rayuan ialah supaya memperkuatkan lagi sistem yang kita ada sekarang. Seperti yang saya katakan dahulu bahawa sistem di bawah SSB ini dengan format-format tertentu, saya sendiri pun sudah mengkaji bahawa ia memberi markah dan juga komen-komen yang teliti ke atas pegawai-pegawai tertentu dan juga dikategorikan di peringkat itu. Dan ia mengikut secara proksi di mana penilaian-penilaian keluaran kerja atau output termasuk peringkat-peringkat tertentu dengan sasaran kerja dan lain-lainnya dan juga memerlukan pegawai-pegawai tertentu untuk membuatkan target atau 'blueprint' sendiri dengan menilaikan prestasi mereka sendiri. Dan inilah peluang untuk pegawai ini memberi sasaran kerja sendiri dan juga pencapaian mengikut perimbangan sendiri dan kita cuma menilai prestasi mereka ini dari pencapaian usaha mereka ini untuk mencapai prestasi atau 'blueprint' yang telah ditetapkan oleh mereka sendiri.

Jadi, ini adalah satu sistem yang kita telah ubahkan dari berbagai cara-cara yang pernah diadakan dahulu. Dan saluran untuk rayuan ini adalah untuk memperkuatkan lagi di mana mungkin ada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi dapat kita atasi.

Berhubung dengan isu pertukaran guru, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas juga yang telah membangkitkan perkara di atas cadangan supaya Kementerian Pendidikan menyemak semula perkembangan institusi pengajian tinggi swasta kerana penyertaan pelajar bumiputera berkurangan.

Kementerian Pendidikan memang menyedari bahawa bilangan pelajar bumiputera di institusi pengajian tinggi swasta adalah kecil jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar lain. Bagaimanapun, Kementerian sedang mengawasi keadaan ini dengan teliti dan menggalakkan penglibatan penuntut-penuntut bumiputera dalam institusi-institusi pendidikan swasta ini. Jadi, pelajar-pelajar bumiputera yang mempunyai kelayakan masuk yang mencukupi tetapi kurang mampu untuk menjelaskan yuran yang dikenakan boleh memohon bantuan kewangan daripada pihak yang menyediakannya termasuk institusi-institusi itu sendiri.

Jadi, berhubung dengan isu pertukaran Guru Besar di Sekolah Menengah Taman Melawati, Kementerian Pendidikan akan menyiasat dakwaan tersebut untuk kita mengetahui keadaan yang sebenar. Kita telah mengambil perhatian.

Ahli Yang Berhormat yang sama juga bersama dengan Ahli Yang Berhormat dari Santubong telah membangkitkan tentang kekurangan kemudahan fizikal seperti tandas di prasekolah serta mengenai pembinaan sekolah pendidikan khas di Rantau Panjang.

Untuk pengetahuan kedua-dua Ahli-ahli Yang Berhormat itu, sebenarnya Kementerian Pendidikan telah membelanjakan RM23 juta untuk menyediakan berbagai kemudahan fizikal di pra-

sekolah. Dan kemudahan-kemudahan ini termasuklah balik darjah, kerusi meja yang khusus, peralatan dalam dan luar bilik darjah serta tandas khas. Mengenai perabinaan sekolah pendidikan khas di Rantau Panjang pula, sekarang ini sekolah berkenaan adalah dalam peringkat pelaksanaan oleh pihak Jabatan Kerja Raya dan ia dijangka akan ditenderkan pada bulan Jun 1994.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang benar Kerajaan telah membelanjakan RM23 juta untuk program prasekolah dengan menyediakan berbagai-bagai kemudahan. Tetapi dalam perancangan yang mesti dipastikan, yang harus ditentukan sesuatu program yang hendak dibuat dari segi perancangan, kalau kita hendak wujudkan prasekolah, kemungkinan kalau dengan RM23 juta itu tidak boleh diwujudkan banyak prasekolah, wujud sedikit dahulu, tetapi kita pastikan setiap yang wujud itu mempunyai infrastruktur yang cukup termasuk tandas-tandas. Sebab di sekolah-sekolah di mana di wujudkan program prasekolah ada di sekolah-sekolah yang saya maksudkan, tandas di prasekolah lama, jauh, manakala budak-budak ini umurnya 5-6 tahun. Jadi, mereka ini belum lagi dewasa - budak-budak maklum sahajalah di peringkat TADIKa, bila dia hendak buang air besar, dia buang di situ, dia hendak kencing, dia kencing di situ. Guru pula di waktu itu menjaga budak-budak yang belajar sambil bermain. Bila dia hendak kencing, hendak buang air besar, dia pergi ke

tandas, sudah tertinggal budak yang ramai-ramai pula, bertaburan di bawah pokok. Ini yang saya maksudkan perancangan yang tidak teliti. Jadi, saya hendak mendapatkan kepastian apakah di sekolah-sekolah yang ada prasekolah sekarang ini dipastikan terutamanya semuanya tandas dibina dengan secepat mungkin untuk kemudahan murid-murid ini. Ini yang penting sebab ini asasnya.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya boleh menyatakan di sini bahawa dalam kita menubuhkan prasekolah dahulu dengan tujuan untuk memberi kemudahan prasekolah supaya dapat memberi kemudahan yang selaras dengan pelajar-pelajar sekolah di bandar, di mana kita lihat bahawa banyaknya prasekolah wujudnya di bandar kerana ada kewujudan ekonomi dan lain-lainnya, sekolah-sekolah prasekolah swasta dan lain-lainnya dapat diwujudkan kerana nampaknya ada keperluan di bandar-bandar.

Kita lihat bahawa pencapaian anak-anak di bandar ini masuk ke sekolah-sekolah di Darjah I dan lain-lainnya yang berasaskan dengan pendedahan di dalam kegiatan prasekolah ini dari segi sosialnya dan lain-lain, dan dari segi confidencenya ke sekolah itu nampak ketara di sekolah-sekolah bandar. Dan tujuan Kementerian untuk mengadakan prasekolah ini ialah untuk mewujudkan kemudahan ini di mana tidak ada prasekolah di kawasan-kawasan luar bandar.

Dan perancangan dibuat ialah peruntukan disediakan supaya di mana kemudahan tidak mencukupi seperti biiik darjah, peruntukan yang diberi anggaran yang tertentu dalam RM23 juta itu telah diberikan, dan untuk kemudahan-

kemudahan peralatan dan lain-lainnya telah pun diagih dan diberi anggaran untuk menubuhkan sekolah-sekolah ini di luar bandar.

Sebagaimana yang kita katakan tadi, permintaan untuk prasekolah ini adalah lebih dari yang kita sangkakan dan ada tempat yang tidak dirancangkan untuk mengadakan prasekolah pun diwujudkan prasekolah di atas permintaan ibu bapa. Dan dengan peruntukan yang terhad iaitu RM23 juta itu, kita usahakan supaya dapat mewujudkan kemudahan sementara dan kemudian kita akan menambahkan lagi sepertimana kekurangan yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Jadi, dari segi perancangan, perkara ini telah dirancangkan dengan sebaik-baiknya dan sedalam-dalamnya dan juga di mana sekolah-sekolah prasekolah yang telah diwujudkan oleh KEMAS, kita tidak memasuki kawasan itu. Dan di mana yang telah diwujudkan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat di bandar dan di kawasan luar bandar itu, kita tidak mengadakan prasekolah di bawah Kementerian Pendidikan, cuma kira mengadakan di kawasan-kawasan yang belum ada wujudnya pra-sekolah.

Jadi, itulah sebabnya mungkin nampak kekurangan peruntukan di mana permintaan itu adalah melebihi daripada yang kita jangkakan. Saya dapat mengesyorkan kepada Yang Berhormat bahawa kita akan mengambil tindakan atas

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Santubong bangun.

Puan Rohani binti Abd. Karim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan sedikit, iaitu dari segi pendidikan prasekolah. Apakah peranan Kementerian Pendidikan dari segi peranan agensi-agensi lain yang mendirikan atau mengadakan juga pendidikan prasekolah se-

perti KEMAS, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan pihak swasta. Jadi, saya ingin mengetahui apakah peranan Kementerian dari segi pendidikan prasekolah oleh pihak-pihak yang lain?

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kita telah mewujudkan kurikulum prasekolah ini berdasarkan kepada sistem kebangsaan kita dan kita menggalakkan sekolah-sekolah swasta dan sekolah-sekolah lain yang menjalankan prasekolah ini untuk menggunakan garis panduan ini. Peranan Kementerian Pendidikan dalam pendidikan prasekolah ini adalah untuk mengawalseliakan kewujudan sistem-sistem yang boleh dikatakan sederhana dan sesuai untuk prasekolah. Kerana semua sekolah yang didaftarkan di bawah Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan adalah berkuasa untuk meneliti kegiatan-kegiatan di sekolah dan kita sebenarnya menggalakkan mereka ini menggunakan sistem yang telah digubalkan untuk Kementerian Pendidikan..

Perkara kedua ialah mengenai isu kebajikan penuntut, khususnya peruntukan pemberian pakaian sekolah dan basikal. Kementerian Pendidikan sedang menyediakan program bantuan peralatan dan kemudahan prasekolah. Bantuan ini akan dinikmati oleh mereka yang termasuk dalam daftar Ahli Isi Rumah Termiskin (AIRT) yang disediakan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

Berhubung dengan menjadikan Malaysia sebagai Pusat Pengajian Tinggi Serantau yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas dan juga Yang Berhormat dari Santubong, peruntukan

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, saya belum mendapat penjelasan yang detail apabila disebut program bantuan pelajar-pelajar miskin, sebab saya yang membangkitkan perkara ini, yang dikatakan masuk di bawah kajian yang dibuat oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Soalan saya, apakah selama ini ada program seumpama ini ada bantuan seumpama ini yang diberi. Kalau tidak, apakah Kementerian Pendidikan sendiri bercadang untuk mewujudkan program seperti yang saya bangkitkan ini?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi selain kemudahan-kemudahan buku teks, bantuan juga diberi kepada kemudahan sekolah seperti kasut-kasut sekolah dan pakaian (uniform). Prograra seperti ini telah wujud di peringkat negeri dan di peringkat Kementerian di bawah pemberian alatan-alatan sekolah di kawasan-kawasan yang tertentu dan memerlukan.

Keduanya, juga di bawah yayasan-yayasan tertentu yang disampaikan di sekolah dan di sini juga di bawah bantuan peralatan dan kemudahan sekolah. Ini akan dinikmati oleh mereka yang didaftar di bawah Ahli Isi Rumah Termiskin yang didaftarkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kita akan menambahkan keperluan-keperluan, termasuk yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat di mana kemudahan-kemudahan yang diperlukan di kawasan-kawasan tertentu. Pada masa kini, seperti yang saya nyatakan, telah wujud

kawasan-kawasan di peringkat sekolah rendah mendapat uniform-uniform sekolah, termasuk kasut-kasut untuk anak-anak di sekolah. Bantuan-bantuan yang lain wujud juga di sekolah berasrama penuh yang di sediakan oleh Urusetia, khususnya untuk pelajar-pelajar dari keluarga yang tidak inarpu untuk menghantar mereka ke sekolah, seperti bantuan makanan, bantuan pakaian sekolah dan juga buku-buku teks seperti di sekolah-sekolah berasrama penuh dan juga di sekolah-sekolah yang ada asrama desa.

Jadi berhubung dengan perkara yang juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas dan Santubong mengenai pendidikan tinggi, peruntukan yang sesuai mengenainya telah pun dibekalkan dalam Rang Undang-undang Pendidikan yang baru dan juga Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 yang sedang disemak semula. Jadi, Kementerian Pendidikan memang menuju ke arah ini untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Pendidikan Serantau. Selain daripada menambah

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di dalam hal-ehwal pendidikan tinggi ini saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri, adakah benar atau tidak bahawa sekarang ini wujud satu polarisasi kaum dan juga polarisasi ideologi politik di dalam kampus-kampus universiti di negara ini. Saya ingin bertanya hal ini kerana saya dapat tahu bahawa sekarang ini setengah-setengah parti politik telah pun berjaya

mempengaruhi setengah-setengah golongan pelajar sehingga mereka muncul dengan ghairah dan beraninya di dalam kampus untuk menunjukkan di manakah sandaran politik mereka. Saya juga ingin bertanya soalan ini sama ada Kerajaan mempunyai sebarang peraturan ataupun mekanisma untuk mengawal tindakan pelajar-pelajar yang terang-terang berani menentang Kerajaan sewaktu mereka mengaut ilmu pengetahuan di dalam kampus, walaupun mereka itu juga adalah atas biasiswa Kerajaan.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, adalah dengan jelas menerangkan bahawa kegiatan-kegiatan, sepertimana yang telah disebutkan oleh yang Berhormat tadi, tidak harus wujud, kerana sebenarnya dalam universiti atau pusat pengajian tinggi kita, di mana lebih daripada 80% peruntukan atau belanjawan telah disumbangkan oleh Kerajaan di mana kita memerlukan pelajar-pelajar dan mahasiswa-mahasiswi di dalam universiti tempatan kita, seharusnya menumpukan tenaga mereka sepenuh-penuhnya untuk mencapai tujuan, iaitu mencapai ilmu dan maklumat dan juga membangunkan sukses mereka sebagai warganegara yang dapat memberi sumbangan kepada pembangunan negara dan bangsa. Kalau ada laporan yang mengatakan parti-parti politik dan lain-lainnya mempengaruhi mereka ini dan mengganggu pelajaran mereka tanpa kebenaran dari universiti dan juga tidak sihat kepada pembangunan universiti itu sendiri, Kementerian Pendidikan kalau ada bukti-bukti tertentu akan menyiasat dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Jadi, Kementerian

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun lagi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya terlanjur tadi hendak bercakap tidak sempat, kerana tidak dapat peluang. Jadi, saya ingin bertanya, di dalam Kementerian Pendidikan mengkaji semula Akta Universiti dan Kolej Universiti ini, adakah diambil kira bahawa falsafah pendidikan tinggi itu bukan sahaja untuk menghasilkan generasi berilmu, tetapi juga untuk menghasilkan generasi yang mementingkan perpaduan dan pada waktu yang sama menghasilkan satu generasi yang mempunyai satu keinsafan yang tinggi untuk memelihara kekuasaan negara. Saya bertanya soalan ini oleh kerana satu ketika dahulu saya memang terlibat dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti ini, pada ketika itu kita jadi pemimpin pelajar. Oleh sebab tindakan radical student tahun 1969 — 1970 yang menyebabkan Akta ini dipinda. Kita amat sedar. Mungkin keadaan ketika itu tidak relevan dengan tindakan sedemikian. Tetapi pada hari ini, saya hendak tahu, saya tidak puas hati dengan jawapan Timbalan Menteri tadi di mana dia kata kalau sedar, boleh dilaporkan.

Hari ini Universiti Malaya sedang mengadakan pemilihan pemimpin-pemimpin pelajar. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh masuk ke kampus Universiti Malaya, kita boleh dapat merasai denyut bagairnanakah hiruk-pikuknya gerak-geri dan gelagat student dalam kampus. Bagaimanakah student dengan terang-terang berani mengatakan bahawa mereka ini adalah golongan sedemikian — ini sandaran

Sandaran kepada parti politik yang memang tidak menegakkan Kerajaan. Perkara ini jelas. Tidak payah tunggu bukti daripada kita. Sahabat saya dari Padang Terap semalam bercerita dengan saya, dia pernah pergi ke Universiti Malaya untuk satu dialog di mana penghabisnya, dia dikerumun dan dikeroyok oleh orang-orang parti pembangkang atau sympathizers parti pembangkang.

Saya sendiri pernah berdebat di Universiti Malaya yang penghabisnya saya dijadikan sasaran untuk menentang Kerajaan. Ini memang berlaku di mana-mana kampus. Jadi, saya ingin bertanya sama ada Kerajaan boleh atau tidak bertindak ke atas pelajar-pelajar yang sedemikian? Dalam Pilihanraya tahun 1990, terbukti ada students yang menubuhkan barisan bertindak yang anti Kerajaan. Ini jelas terbukti. Sebab itu saya tanya sama ada boleh atau tidak diregulasikan atau diwujudkan peraturan, mungkin bukan undang-undang dan kalau boleh diminimumkan ataupun terus menghakiskan tindakan-lindakan sedemikian.

Tuan Pengerusi, saya bertanya kerana saya takut generasi students akan datang dari segi sandaran politiknya mereka tidak ke mana, dari segi akademiknya mereka pun tidak akan ke mana. Ini kita bimbang. Bukan berbeza dengan zaman generasi saudara Nilam Puri dengan saya. Kita mempunyai matlamat. Kalau kita tentang Kerajaan habis-habisan, tetapi demi kebaikan bersama, Bukan untuk poliiik. Itu untuk kebaikan masyarakat students, dengan satu semangat nasionalisme yang jelas. Sekarang ini kabur, Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya mengenai hal ini.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi, untuk menjawab kerana Yang Berhormat telah menyatakan tempat-tempat tertentu, yang saya dapat katakan di sini, saya akan menyiasat lebih teliti lagi kewujudan perkara-perkara yang telah ditimbulkan. Perkara ini sepatutnya tidak timbul. Pemilihan pemimpin-pemimpin di universiti ini tertakluk untuk memilih wakil pelajar-pelajar atau mahasiswa-mahasiswi berbincang dengan pihak universiti, sedangkan pengurusan dan lain-lainnya harus diusahakan oleh universiti.

Jadi, saya akan memastikan di sini bahawa tindakan-tindakan tertentu akan diambil untuk mendapatkan laporan yang sebenarnya dan kalau kegiatan ini adalah terialu menggalak kepada politik dan juga polarisasi kaum, Kementerian Pendidikan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Pasir Mas bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, saya hanya sekadar untuk mendapatkan penjelasan ataupun response dari Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat darj Parit Sulong. Pada akhir tahun 60-an ataupun awal tahun 70-an, berlaku kebangkitan pelajar yang menyebabkan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti dibuat pada 1972. Pada waktu itu, zaman salah seorang Menteri yang sekarang ini telah dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat Menteri Kewangan. Tetapi perbezaannya, senario pada waktu dahu-

lu dan sekarang, walaupun pelajar-pelajar bangkit sehingga wujudnya Akta Universiti dan Kolej Universiti tetapi pelajar-pelajar pada waktu itu tidak bersandar kepada mana-mana parti politik, truly independent sebagai pelajar-pelajar yang mempunyai idealisme sehingga keluar dari kampus baru menentukan sikap dalam politik. Tetapi apabila Akta Universiti dan Kolej Universiti dikenakan kepada pelajar-pelajar, maka pelajar-pelajar ini dikongkong, kegiatan-kegiatannya dikongkong sehingga mereka rasa rimas sekali di dalam kampus yang akhirnya secara psikologi mereka mencari 'escapism' melalui parti-parti politik yang mereka boleh bersandar.

Ini yang menyebabkan dalam kampus sekarang ini, mereka sudah mula tunjuk protes, secara tidak langsung kepada wujudnya suasana kampus dengan menyokong parti pembangkang. Maka, persoalan saya apakah Kementerian Pendidikan bercadang untuk mengkaji apa yang dibangkitkan oleh Akta Universiti dan Kolej Universiti supaya suasana di kampus itu diubah setnula melalui Akta Universiti dan Kolej Universiti supaya pelajar mempunyai kebebasan. Daripada apa yang berlaku sekarang ini, memang mereka akan mencari tempat-tempat yang mereka boleh bersandar.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi, untuk Ahli Yang Berhormat tadi saya sebutkan bahawa Akta Universiti dan Kolej Universiti sedang disemak semula tetapi dari segi detailnya saya belum dapat memberi penjelasan yang tepat. Mengenai pelajar-pelajar kita yang terkongkong dalam kegiatan untuk melepaskan buah-buah fikiran dan tempat untuk berbincang, itu susah sedikit hendak di terima sepenuhnya

ianya kerana dengan kebenaran dari Vice Chancellor dan Menteri Pendidikan, mengikut program-program, forum dan lain-lainnya adalah tempat kegiatan-kegiatan di mana pelajar-pelajar ini dapat meluahkan fikiran dan juga pandangan masing-masing di dalam universiti dan kampus.

Jadi, sebenarnya kalau dikatakan tidak ada tempat tangsung untuk mereka mengeluarkan buah fikiran dalam forum lain, itu tidak dapat saya terima.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Pasir Mas. Yang Berhormat hendak beri jalan?

Dr. Leo Michael Toyad: Ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, memang saya tidak mengatakan bahawa kongkongan itu 100%, tetapi kalau kita lihat di pusat-pusat pengajian tinggi, memang memudaratkan kalau berlaku pelajar-pelajar tunjuk perasaan, turun ke street sehingga merosakkan harta awam dan seumpamanya. Tetapi kalau dahulu kita lihat budaya kampus, adanya "speaker's corner" sesama mereka, di mana mereka boleh berucap dan menyampaikan pandangan mereka, mereka mengadakan forum-forum, mereka hendak jemput mana-mana pemimpin tanpa 'censored' seumpamanya. Mereka merasakan mereka ada kebebasan seumpama itu. Sekarang ini memang dibenarkan tetapi ditapis terlebih dahulu.

Saya hendak memberikan satu contoh. Saya tidak tahu sekarang ini. Saya bekas pelajar ITM. Saya rasa sudah hampir 15 tahun lalu dan satnpai

sekarang ini saya tidak diizinkan lagi. Saya anggota Parlimen Barisan Nasional. Setahu sayalah sampai hari ini, kalau ada forum ataupun dijemput untuk menyampaikan ucapan di kampus ITM, setahu sayalah mungkin belum tentu diluluskan sebab sebelum ini ada permohonan dan tidak diizinkan. Saya tidak tahu apa sebab. Tidak seperti di universiti sehingga pelajar-pelajar saya tengok sekarang ini, tidak ubah seperti pelajar-pelajar Tingkatan Tiga ataupun Tingkatan Empat walaupun sudah tamat belajar. Berbeza dengan angkatan yang keluar dari ITM pada tahun 70-an. Berbeza kerana pelajar dahulu lebih progresif, inovatif, berani. Ini kalau kelulusan tinggi pun kalau tidak ditanamkan sifat seumpama itu dari segi konsep pendidikan, pada saya belum tercapai dalam erti kata yang kita maksudkan.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya hendak membetulkan pandangan mengenai dengan soa! kongkongan tadi supaya tidaklah mengatakan tidak ada langsung tetapi apa yang ada di dalam hati pelajar itu sendiri yang mereka mahu, inilah yang harus kita beri perhatian.

Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih, Yang Berhormat dari Pasir Mas. Mungkin dari segi interpretasi bahawa kebebasan seperti yang wujud pada masa Yang Berhormat kalau dibandingkan dengan sekarang boleh dikatakan kurang. Tetapi kebebasan itu adalah had kepada yang perlunya di mana kita memberi perkembangan dan pembangunan kepada pelajar-pelajar kita untuk mengendalikan pandangan mereka dan juga meningkatkan lagi dari segi keluasan pandangan mereka dalam bidang-bidang tertentu termasuk pembangunan negara dalam forum-forum yang telah diwujudkan oleh universiti.

Jadi, mengenai soal jempunan Yang Berhormat itu untuk ceramah saya tidak dapat menjawab sebab-sebabnya kerana perlu tanya dengan universiti atau ITM itu sendiri.

Yang Berhormat dari Pasir Mas bersama dengan Yang Berhormat dari Santubong telah menyebutkan cadangan untuk mewujudkan "Institut Strategik Pendidikan Negara atau ISPEN".

Kementerian Pendidikan memerlukan masa untuk mengkaji dan meneliti cadangan tersebut secara terperinci bagi kita menentukan peranan dan fungsi yang sepatutnya dimainkan oleh ISPEN ini.

Yang Berhormat dari Kota Bharu juga membangkitkan mengenai peruntukan kewangan kepada Sekolah-sekolah Agama Rakyat perlu dikaji semula. Mengenai perkara ini, Kementerian Pendidikan sentiasa membuat kajian untuk keperluan bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat. Bantuan pada tahun 1993 adalah kenaikan 100% daripada bantuan dalam tahun 1992. Bantuan pada tahun 1994 pula adalah sebanyak RMI5 juta, lebih daripada peruntukan dalam tahun 1993.

Walau bagaimanapun, keperluan ini akan terus kita kaji dari semasa ke semasa. Saya ingin mengingatkan juga kepada Yang Berhormat dari Kota Bharu bahawa peruntukan-peruntukan yang telah disalurkan untuk membiayai tenaga pengajar dan juga kemudahan-kemudahan yang dipinjamkan oleh Kementerian Pendidikan kepada sekolah-sekolah yang memohon bantuan dari Kementerian yang termasuk dalam peruntukan-peruntukan yang telah diberikan kepada Sekolah-sekolah Agama ini.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Jerai bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya, adakah Yang Berhormat sedar, kebanyakan Sekolah-sekolah Agama Rakyat ini ditaja oleh parti politik yang mana pelajar mereka ini ditanam dengan semangat anti-Kerajaan. Adakah Kementerian bercadang untuk mengambil alih sekolah-sekolah ini di bawah pentadbiran Kementerian kerana kadang-kadang kanak-kanak yang pergi ke sekolah ini, mereka juga adalah orang-orang yang boleh dikatakan cerdik dan pandai, tetapi mereka ini telah dibasuh otak mereka itu supaya anti kepada Kerajaan? Mereka ini kadang-kadang bila ke luar negara untuk belajar, mereka balik dengan perasaan yang tidak puas hati terhadap Kerajaan dan menentang Kerajaan. Kebanyakannya adalah ditadbirkan oleh parti PAS, termasuk dalam kawasan saya, ada dua. Jadi, adakah Kerajaan bercadang supaya kita biarkan penuntut ini kalau dia hendak berpolitik, setelah mereka belajar, tetapi bukan semasa mereka menjadi penuntut? Ini akan mengganggu pelajaran mereka.

Ada juga orang-orang UMNO yang telah pergi ke sekolah-sekolah itu, bila balik di rumah, sudah bercanggah dengan bapa mereka. Kadang-kadang bapa dia Ketua Cawangan UMNO, anak itu menentang. Jadi, kita bukan marah pasal ini, tetapi jangan penuntut-penuntut ini dirosakkan fikiran mereka. Sepatutnya mereka belajar, tetapi bukan untuk dijadikan kader-kader politik dan digunakan semasa pilihan raya.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita sedar masalah-masalah ini dan kerana kita masih berusaha untuk mengadakan dan menubuhkan, seperti mana yang saya jawab dalam Dewan mi, kita akan menambahkan sekolah-sekolah agama di bawah Kementenan Pendidikan supaya kemudahan-kemudahan mi dapat dirasakan oleh semua negeri yang masih belum mendapat kemudahan ini.

Cadangan untuk mengambil alih sekolah-sekolah swasta ini, mungkin Kementerian tidak setuju kerana taraf keadaan sekolah ini kadang-kadang tidak mencukupi sebagaimana yang sepatutnya.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, saya kurang bersetuju bila kita kata dengan taraf mereka ini tidak seimbang dengan Kementerian, tetapi mereka ini telah mendapat tempat untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar, di Cairo dan di negara-negara Timur Tengah.

Pada 24 haribulan yang lalu, saya naik kapal terbang daripada Alor Setar ke Kuala Lumpur bersama-sama dengan 114 orang pelajar-pelajar daripada Sekolah Agama Rakyat dalam kawasan saya sendiri. Mereka ini semua pergi di atas perbelanjaan sendiri dan mereka mi layak untuk memasuki universiti-universiti di Timur Tengah. Umversiti Al-Azhar itu adalah universiti yang bertaraf tinggi dan diterima oleh Kerajaan. Ini menunjukkan bahawa kalau Unwersiti Al-Azhar boleh menerima mereka, bermakna kelulusan mereka itu setaraf dengan kehendak Universiti Al-Azhar. Jadi, inilah yang kita hendakkan supaya mereka ini dapat, kerana saya difahamkan bila mereka pergi ke sana, terpaksa

bekerja untuk mencari belanja untuk hidup. Mereka pergi dengan hanya tambang kapal terbang, lebih kurang RM2,300, selepas itu, untuk hidup dan belajar, mereka terpaksa bekerja dan hanya RM250 mencukupi untuk mereka hidup setiap bulan.

Itulah kadang-kadang bila kita pergi menunaikan Haji, students inilah yang bekerja di Mekah, kadang-kadang kepala dia dicukur sampai tiga kali, hendak ambil upah Haji. Jadi, apa pandangan Kementerian? Takkan kita hendak biarkan, Betul, dia cukur sedikit, selepas itu cukur sekali, maknanya boleh buat tiga Haji. Hendak tolong, hendak cari makan.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat tadi mungkin salah tangkap dan segi taraf yang saya katakan, bukan taraf pendidikan atau pencapaian mereka kerana pencapaian seseorang pelajar itu kebanyakannya adalah bergantung kepada cerdik pandai seseorang pelajar itu juga. Tetapi yang saya sebutkan tadi, taraf bangunan dan kemudahan yang tidak setaraf dengan yang kita sedia ada di peringkat-peringkat sekolah. Jadi

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Nilam Pun bangun

Dr. Leo Michael Toyad: Siapa?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nilam Puri,

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Apakah pihak Kementerian Pendidikan boleh menentukan supaya tidak ada diskriminasi kepada mana-mana seko-

lah? Polisi ini mesti berjalan. Misalnya, dahulu sekolah Yayasan Anda diketuai oleh namanya Anwar Ibrahim. Semasa tahun 1978, dia mengepalai mahasiswa untuk berkempen melawan Barisan Nasional dan sekarang dia sudah menjadi Timbalan Perdana Menteri. Jadi, kalau kita diskriminasi kepada pelajar itu kerana dia menyokong parti Pembangkang, manalah tahu satu hari dia menyokong UMNO dan menjadi Perdana Menteri? Saya sekarang menjadi Pembangkang, mungkin satu hari, Perdana Menteri? *(Ketawa)*

Jadi, kalau kita diskriminasi, misalnya kepada Menteri Kewangan dahulu dan dia mengepalai para pelajar, termasuk saya sendiri, berkempen pada tahun 1978, berhempas pulas menghentam BN dan sekarang menjadi Timbalan Perdana Menteri. Sebab itu jangan ada diskriminasi, terutama dalam bidang pelajaran. Soal pelajar itu hendak pilih parti mana dia sokong, kita kena terus beri bantuan. Jangan ikut sangat pandangan Jerai itu, sebab dia gelabah - kawasan dia, pondok banyak sokong PAS! Tetapi, yang pentingnya, asalkan dia itu rakyat Malaysia, pihak Kementerian Pendidikan perlu terus beri bantuan, sebab jangan kita buat kesilapan seperti kita menghukum Menteri Kewangan dahulu. Sekarang Timbalan Perdana Menteri - semua orang ikut buntut dia! *(Disampuk)*

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Jerai pula. Jerai bangun atas apa?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Atas Penjelasan

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Penjelasan dari Timbalan Menteri ya?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Berkenaan dengan bantuan. Dari Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya..

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya tak bersetuju dengan pandangan daripada Nilam Puri. *(Ketawa) (Tepuk)* Saya tak setuju! Saya majoriti 3726, ini kerja Allah Taala, bukan kerja Ahli-ahli PAS. Kalau dia hendak saya naik, saya naiklah, bukan. Kalau tak naik, ini takdir Tuhan, kita terima. Yang menjadi pokoknya, kalaulah seorang ayah itu memberi anak makan, tetapi bila anak ini besar, anak ini menderhaka kepada ayah, patut atau tidak kalau ayah itu kata, anak ini seorang anak yang derhaka? Samalah juga dengan parti PAS, kita sama-sama Melayu, kita sama-sama Islam hendak tolong, tetapi kita dok tolong, dia dok gigit jari, mana boleh tahant Kita dok tolong, kita naik pokok, dia geletek tapak kaki, terjunlah kita! *(Ketawa)* Setuju atau tidak setuju, Yang Berhormat Timbalan Menteri? *(Ketawa)*

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nilam Puri bangun lagi Yang Berhormat.

Dr. Leo Michael Toyad: Last one, ya!

Tuan Mohamad bin Sabu: Last one! Tuan Pengerusi, saya agak kita termasuklah Timbalan Menteri yang

berpelajaran tinggi pernah membaca kisah Nabi Musa dan Firaun. Nabi Musa dipelihara oleh Firaun sejak kecil, Kenapa Nabi Musa bangun menentang Firaun? Jadi itu barangkali adakah Nabi Musa seorang yang tidak berterima kasih kepada Firaun yang memeliharanya sejak kecil dan diselamatkan daripada dibunuh. Itu kisah sejarah. (*Dtsampuk*) Saya tidak panggil sesiapa Firaun, tidak. Tetapi itu kisah sejarah. Jadi, adakah Nabi Musa seorang penderhaka?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*) (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat Jerai hanya boleh minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bukan hendak jawab Nilam Puri.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak. Hendak tolong Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kot-kot dia tidak baca buku itu. (*Ketawa*) Firaun dengan Nabi Musa - itu lain - mereka bangsa lam. Kita ini sesama Islam, sesama agama, pasal apa hendak buat macam itu.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat minta penjelasan, bukan hendak beri penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Minta penjelasanlah. Yang Berhormat setujukah tidak? (*Ketawa*)

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan penjelasan Yang Berhormat dari Jerai itu. (*Ketawa*) Bahawa yang membesarkan Nabi Musa itu memang lain bangsa, jadi tepat juga penjelasan Yang Berhormat dari Jerai tadi. (*Ketawa*) Saya tahu juga serba-sedikit, ya.

Jadi mengenai penyelarasan sekolah-sekolah seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Nilam Puri tadi, ini

tidak dapat diusahakan kerana kalau kita menerima semua sekolah yang wujud di negara ini tanpa mengira dasar pendidikan yang telah ditetapkan mengikut pembangunan dan juga corak negara kita, sudah tentu tidak dapat mencapainya matlamat untuk membinakan sebuah negara dan bangsa yang maju dan ber-satu.

Jadi ini adalah mengikut

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Parit Sulong bangun Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, ini terakhirlah saya tanya. Tidak mahu panjang-panjang. Saya cuma mahu bangkitkan mengenai sekolah agama ini kita amat prihatin. Macam di Johor, ia mempunyai satu sistem persekolahan agama yang telah pun diiktiraf di seluruh negara sebagai satu sistem yang terbaik. Jadi soalan saya ini adalah berkait dengan pandangan daripada Yang Berhormat dan Jerai, adakah perlu atau tidak ataupun adakah atau tidak sudah sampai masanya bahawa Kerajaan untuk mengkaji semula pendiriannya untuk menyatukan seluruh sekolah-sekolah agama di seluruh negara menerusi satu kurikulum yang standard di bawah satu badan yang diselaraskan?

Tuan Pengerusi, pada hari ini sekolah-sekolah agama ini terserah kepada, memang dari segi Perlembagaan pun hal ehwal agarna adalah hal ehwal negeri. Itu memang kita arnat faham dan sedar. Tetapi dari segi menyelaraskan pendidikan agama ini, kalau kita diizinkan untuk disentralisasi ataupun diuruskan oleh Kerajaan Negeri, kita akan berhadapan dengan masalah-

masalah sebagaimana yang dihadapi oleh sahabat saya dari Jerai di mana kemungkinan ketidak-mampuan pihak negeri akan menggalakkan kewujudan sekolah swasta; dan kewujudan sekolah agama swasta akan menimbulkan implikasi politik. Implikasi politik yang negatif akan menghakiskan kekuasaan negara. Ini panjang implikasinya.

Jadi soalan saya, Tuan Pengerusi, tidakkah sudah sampai waktunya Kerajaan Persekutuan hari ini untuk menggandingkan tenaga dan pemikiran dengan Kerajaan Negeri untuk meneari strategi menyusun, mengawal dan kalau perlu mengambil-alih pertumbuhan dan pengurusan sekolah-sekolah agama seluruh negara? Walaupun Dasar Pendidikan Negara adalah dasar yang agak sekular bentuknya, tetapj kita juga mempunyai satu lagi kehendak untuk memenuhi tuntutan insaniah bahawa kita harus memberi didikan agama yang sempurna dan kita dapati pendidikan agama menerusi kurikulum yang ada di sekolah-sekolah biasa lidak memadai sekiranya kita hendak untuk anak-anak kita hanya menimba pengetahuan agama dari sekolah-sekolah kebangsaan sahaja, di mana sekolah agama adalah perlu. Jadi, saya minta supaya Kerajaan memberi pertimbangan dan mungkin second thought, dengan izm, pemikiran yang kedua supaya perkara mi jangan diketepikan langsunglah. Masalah niat ataupun cadangan untuk mtegrasi, menyatukan sekolah-sekolah agama di seluruh negara. Terima kasih.

Dr. Leo Michael Toyad: Tenma kasih, Yang Berhormat dari Parit Sulong. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa pendidikan sekolah-sekolah agama kebangsaan lalah di bawah Kementerian Pendidikan, di soko-

lah menengah dan juga sekolah berasrama penuh yang diwujudkan di bawah Kementerian Pendidikan. Sekolah-sekolah agama negeri di penngkat negeri yang diwujudkan menerusi Kerajaan negeri dibantu oleh Kementerian Pendidikan dalam peruntukan dari segi tenaga dan pembangunan tenaga pengajarnya dan juga peruntukan-peruntukan yang lain di mana telah dipohonkan oleh Kerajaan Negeri untuk menjalankan sekolah-sekolah agama negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebuah badan penyelarasan pendidikan agama diwakili di peringkat negeri dan peringkat Persekutuan, kalau tidak silap saya, iaitu Lembaga Pendidikan Islam atau dikenali sebagai LEPAI yang telah ditubuhkan untuk menyelaraskan pendidikan di sekolah-sekolah agama yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat dari Kota Bharu telah menyebutkan juga mengenai mutu pendidikan Islam di sekolah-sekolah kebangsaan yang kurang sesuai kerana mata pelajaran bahasa Arab dan khatam Al-Quran tidak diberi perhatian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahasa Arab pada masa ini telah diajar sebagai bahasa Al-Quran di peringkat rendah iaitu dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan di peringkat menengah pula terdapat dua tahap rnata pelajaran pilihan disediakan iaitu pelajar-pelajar boleh mengikuti pelajaran ini jika berminat. Kalau di sekolah agama, mata pelajaran ini diwajibkan iaitu ternasuk pendidikan Islam tinggi dan juga bahasa Arab tinggi.

Pengajaran Al-Quran diajar dengan bcrkesan di sekolah rendah, dan kaedah baru tclah diperkenalkan dengan tujuan utamanya mengajar Al-Quran ialah supa-

ya pelajar boleh mengenal dan boleh membaca Al-Quran dengan baik. Ramai juga pelajar khatam Al-Quran di peringkat sekolah rendah. Walau bagaimanapun, tugas meneruskan bacaan Al-Quran haruslah dipikul oleh ibu bapa di rumah.

Mengenai usaha ke arah membasmi-kan kadar buta huruf di kalangan penduduk pula, pada masa ini kadar buta huruf di Malaysia ialah sebanyak 21.3%. Jadi usaha berterusan akan kita lakukan untuk membasmi buta huruf ini, di antaranya ialah menambah penyertaan murid di sekolah rendah dengan memberi pendidikan percuma, memberi khidmat sokongan kepada murid-murid miskin seperti pinjaman buku teks, makanan tambahan dan juga projek-projek susu sekolah. KBSR yang dilaksanakan juga lebih menekankan pembangunan 3M iaitu membaca, mengira dan menulis. Begitu juga di peringkat sekolah rendah, kelemahan-kelemahan dalam pendidikan kita diperkuatkan dengan kelas-kelas pemulihan di mana guru-guru pemulihan dilatih khusus untuk memperkuatkan lagi usaha kita memberi panduan kepada pelajar-pelajar kita yang masih kurang atau lemah di dalam membaca, menulis dan mengira.

Juga menerusi KEMAS (Jabatan Kcbajikan Masyarakat), Kerajaan menganjurkan pendidikan hterasi l'ungsian atau "functional literacy" yang rhembimbingkan orang dewasa mengenal huruf dan juga konsep membaca, menulis dan mengira di samping mempertingkatkan mutu kehidupan masyarakat luar bandar.

Jadi berhubung dengan sejauh mana perlaksanaan dan perjalanan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang telah ditimbulkan oteh Yang Berhormat dari

Santubong, UNIMAS sudah pun mengambil kumpulan pertama pelajarinya dalam sesi 1993/1994 seramai 119 orang. Pada masa ini, dua buah fakulti telah diwujudkan iaitu Pakulti Sains Sosial dan juga Fakulti Sains dan Teknologi Sumber. Kursus-kursus yang akan ditawarkan pada masa yang akan datang ialah Sains Teknologi Sumber, Kejuruteraan, Teknologi Maklumat, Sains Kognitii' dan juga Pembangunan Manusia, Sains Gunaan dan Persembahan serta Perubatan dan juga Kesihatan. Projek pembinaan kampus UNIMAS dijangka siap dalam jangka masa lima tahun.

Ahli Yang Berhormat dan Kota Bharu telah rnenyebulkan bahawa ungkapan bangsa Malaysia ada di dalam falsaiiah pendidikan negara. Sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ungkapan bangsa Malaysia tidak terdapat dalam falsafah pendidikan negara. Ungkapan yang dinyatakan ialah "rakyal Malaysia". Jadi, ungkapan ini adalah sesuai dengan penggunaannya selaras dengan hasrat falsafah pendidikan tersebut. Rakyat Malaysia yang diingmkan merupakan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, yang berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Mengenai perkara yang menyentuh kualiti guru, usaha kita untuk memprtingkatkan kualiti guru dalam aspek pengajaran dan pembelajaran, Kementarian telah mengadakan kursus-kursus dalam perkhidmatan berbentuk satu tahun dan 14 minggu untuk guru-guru

sekolah menengah, dan sekolah rendah dalam bidang-bidang yang diperlukan. Jadi, bagi tahun 1993, Kementerian telah mengendalikan tiga program kursus dalam perkhidmatan, iaitu Diploma Perguruan, Sijil Perguruan Khas dan Kursus Dalam Perkhidmatan - 14 minggu untuk 1,818 orang guru. Di jangkakan pada tahun 1994, Kementerian akan melatih 3,000 orang guru dalam ketiga-tiga program tersebut.

Yang Berhormat juga telah mengemukakan pertanyaan berhubung dengan pengurusan dan semakan kurikulum. Ingin dimaklumkan juga bahawa pengurusan, penilaian dan semakan kurikulum adalah merupakan satu usaha yang berterusan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Jerai bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya minta penjelasan, Tuan Pengerusi, kerana saya tidak berucap tadi. Orang kampung suruh saya bertanya banyak, jadi saya kena selit-selitlah. (*Ketawa*) Minta maaf, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkenaan dengan guru-guru ini, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri terima rungutan-rungutan daripada guru-guru, terutama sekali guru-guru yang bertugas di luar bandar? Oleh kerana keadaan rumah yang tidak sesuai, jadi ini akan 'demoralise'kan keadaan mereka dan mungkin menjejaskan tugas mereka sebagai seorang pendidik?

Keduanya, kebanyakan guru-guru merasakan mereka ini tidak berpuas hati tentang sistem SSB ini kerana, contohnya, dia kata guru yang patut layak, tidak dapat - melintanglah, menegaklah, Lagi satu "me....lah" apa? Macam-macam "me....". Jadi, tiga "me...". Ada dikata di Kelantan, PPD itu ada tiga orang bini. Tiga, tiga bininya guru, tiga-tiga bininya naik pangkat! Jadi, ini menjadi masalah. Di Kedah, ada seorang. Bini dia yang mana jadi guru, dia naik pangkat fasal SSB punya cara ini. Ada guru-guru lain kadang-kadang merasakan, kerjanya teruk, dekat-dekat hendak pencen, sudah ranum pun tetapi tidak naik lagi. Dah dekat maghriblah, hendak pergi ke Isyak pun, tidak naik pangkat. Jadi, hak yang baru sembahyang Subuh ini dapat. (*Ketawa*) Jadi, ini saya agak Kementerian tolong tengoklah. Maknanya, kita jangan tengok sangat, kadang-kadang kita tidak percaya kepada PPD itu. Jadi, kadang-kadang PPD itu pun, dia ada banyak politik dan sebagainya. Jadi, rugi ini. Guru-guru merasakan keupayaan mereka, semangat bekerja ini lentur.

Satu lagi - sekolah-sekolah. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya minta sedikit hendak celah. Sekolah dalam kawasan saya, pernah tangki air bocor setahun, sampai sekolah itu naik lumut. Akhir-akhirnya sekali, saya sendiri merasa malu kerana sekolah di kawasan saya naik lumut dan saya terpaksa mengambil peruntukan Wakil Rakyat, beri cat kepada sekolah itu.

Sekolah lain tak usah sebutlah. Kadang-kadang kita pergi ke tandas, Yang Berhormat Timbalan Menteri, budak-budak tidak masuk tandaslah. Dia cari mana-mana tiang dan lepaskan 'tang' itulah. (*Ketawa*) Tidak upaya, hendak masuk tandas pun 'jam'. 'Main-

tainance' tidak ada langsung. Jadi kita bayangkan, kalau keadaan sekolah macam itu, macam mana budak-budak hendak belajar? Tolong berilah tambahan peruntukan lebih sedikit untuk 'maintain' sekolah-sekolah itu. Jadi, hendak harap PIBG, kalau sekolah di Kuala Lumpur, tidak apalah. Di Pulau Pinang atau di bandar-bandar besar, anak orang kaya-kaya. Macam kawasan saya, kawasan orang bendang, kawasan pergi ke laut ini, dia hendak beri RM100 pun, ketak tangan. Dia beri RM1.00, besok beri, dia sudah 'miss' makan. Dia tidak beri, kena beri juga, anak dia hendak bersekolah. Jadi, saya minta tolong. Di bandar ini tidak apalah. "They can go on their own", dengan izin. "They have money". Tetapi diluar bandar - "bo lui". Jadi, kasihanlah.

Satu lagi, saya ingin khabarkan berkenaan sistem komputer ini. Saya tidak sermpat cakap, Tuan Pengerusi. Saya kena cakap. Kalau tidak. balik kampung, mereka marahkan saya.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat); Yang Berhormat hanya minta penjelasan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Pertanyaan ini. Ini pertanyaan,

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Bukan hendak berucap, Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak! Bukan berucap.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tetapi rupanya, Yang Berhormat berucap.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Cara sahaja, tetapi tidak berucap. (*Ketawa*) Cara sahaja, Tuan Pengerusi. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kalau berucap, tidak bolehlah, Yang Berhormat!

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak. Saya tidak berucaplah. (*Ketawa*) Sekolah komputer ini, tolonglah sekolah luar bandar. Saya berkali-kali sudah cakap. Tidak boleh, asal apa? Duit Wakil Rakyat tidak cukup. Sekolah ini hendak komputer, sekolah itu hendak komputer. Jadi, sekolah di bandar, macam saya kata, PIBG berkenaan ada banyak duit. 'Anytime', dia boleh beli. Sekolah luar bandar ini, typewriier buruk pun, tidak ada. Kadang-kadang kena pergi taip di luar sekolah pun. Jadi mintalah komputer dibenkan, fasal kawasan saya, Tuan Pengerusi, yang dapat 4A dalam sekolah rendah ini, seramai 40 orang. Kemudian, yang 45 orang dapat 3A, 1B. Ini masalah di luar bandar, yang pergi ke sekolah, kadang-kadang makan pagi pun tidak cukup, melainkan dapat subsidi Kerajaan. Kemudian, apabila bendak naik ke sekolah menengah, hantarlah ke MCKK-kah, Tunku Kursiah Collegekah, di Maktab-maktab yang baik sedikit. Sudahlah susah di kampung, hantarlah supaya pemikiran mereka dapat luas sedikit. Ini kalau hantar ke sekolah yang tidak berasrama, hendak ulang-alik, kebanyakannya dapat di Sungai Petani, duduk di Yan, hendak ulang-alik, 35 kilometer. Kalau kayuh gerak pun, dia penat begitu sahaja. Gerak - basikal. Minla maaf, ramai orang yang tidak faham, bukan? Hendak kayuh pergi balik pun, habis masa. Hendak belanjakan duit tambannya susah. Jadi, keutamaan kita kena beri kepada orang sekolah-sekolah luar bandar ini, Bila dia dapat pencapaian baik, hantar ke sekolah dalam bandar.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukuplah. Ini cara berucap.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, terima kasih. Saya tidak berucap, hanya minta pandangan. Terima kasih. Bersetuju atau tidak, Yang Berhormat Timbalan Menteri? (*Ketawa*)

Dr. Leo Michael Toyad: Bersetuju tetapi bukan semuanya. Terima kasih, Yang Berhormat dari Jerai, bahawa perkara-perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat, kita akan mengambil perhatian dan dapat kita mengambil tindakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam maintenance atau penyelarasan sekolah-sekolah ini, peruntukan adalah disediakan mengikut enrolment dalam sekolah itu dan peruntukan wang itu adalah dikhususkan untuk menyelenggarakan kemudahan-kemudahan. Ini perlulah diusahakan dan juga bergantung kepada budi-bicara Pengerusi atau Guru Besar yang menyelaraskan sekolah. Saya harap, perkara ini tidak akan terjadi kalau sekolah-sekolah itu telah diuruskan dengan baik kerana peruntukan yang kita luluskan tiap-tiap tahun ini adalah dibahagikan mengikut keperluan-keperluan yang telah disediakan untuk sekolah masing-masing.

Untuk perkara yang baru atau memperbaiki, perkara melibatkan lebih daripada berpuluh ribu ringgit ialah di bawah peruntukan-peruntukan pembangunan. Jadi, saya akan mengambil tindakan yang tertentu mengenai perkara-perkara yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Batang Lupar bangun.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingat, saya ada bercakap petang semalam, pukul 6.00 petang. Saya belum dengar soalan saya dijawab. Mungkin kertas jawapan, terjatuh di bawah meja. Pasal soalan yang saya bangkitkan semalam, soalan berapakah peruntukan untuk membina semula, ataupun membaik pulih sekolah-sekolah yang usang, yang di dalam keadaan bahaya di negeri Sarawak.

Yang kedua, saya bangkitkan perkara iaitu saya ada juga menyebutkan UCCLA ataupun 'medium of learning', pengajaran di sekolah-sekolah. Syllabus untuk mata pelajaran sains dan buku teks dari segi sejarah tetapi saya dengar belum ada jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau tidak hendak jawab, saya minta tolong beri jawab atau macam mana?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi, kerana Yang Berhormat sudah bangun untuk membangkitkan perkara ini, maka saya terpaksa menjawab penjelasan yang diperlukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya jawapan untuk Yang Berhormat dari Batang Lupar, saya akan jawab apabila sampai ke muka surat 12. Saya baru sampai ke muka surat 10 sahaja. Sabar sekejap. (*Ketawa*)

Jadi, perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah diambil perhatian dan saya akan jawab bila saya sampai ke muka surat itu. Saya berharap, walaupun perkara-perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat itu dijawab di sini tetapi tidak menyentuhkan nama-nama Yang Berhormat, saya berharap ia memadai bahawa ia adalah dengan tujuan untuk menjawab perkara yang telah dibangkitkan dalam Dewan ini.

Jadi, berhubung dengan pengurusan dan semakan semula kurikulum ini, ingin dimaklumkan juga bahawa pengurusan, penilaian dan semakan kurikulum adalah merupakan satu usaha yang berterusan yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan. Segala kelemahan yang timbul, kita akan cuba mengatasinya,

Jadi, berhubung dengan kelab komputer ini, Kementerian Pendidikan amatlah mengalu-alukan penubuhan kelab komputer di sekolah. Pihak Kementerian juga memang mempunyai rancangan ke arah untuk menjadikan pendidikan komputer ini sebagai satu mata pelajaran di dalam kurikulum sekolah.

Walau bagaimanapun, pada masa ini program literasi komputer sedang diperkenalkan secara percubaan di 60 buah sekolah luar bandar sejak bulan Julai 1992. Program ini akan dilakukan secara berperingkat-peringkat. Jadi, tujuan utama program ini dijalankan ialah untuk mengkaji keberkesanan program pendidikan komputer dalam kita mempertingkatkan mutu pendidikan dan mata pelajaran terutamanya dalam mata pelajaran matematik dan juga bahasa Inggeris.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya pun tidak dapat berucap tadi. Semalan Tuan Pengerusi kata boleh berucap, tiba-tiba tidak boleh.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Siapa kata Yang Berhormat?

Tuan Shahidan bin Kassim: Kelmarin Tuan Pengerusi yang penghabis sekali kata begitu.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Bukan saya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Bukan Yang Berhormatlah, seorang lagi. Dia kata boleh, lepas itu hari ini dia kata

tidak boleh. Jadi, banyaklah tersekat-sekat. Oleh itu, saya mencadangkan kalau dibenarkan hari ini bercakap di bawah Kementerian Pendidikan, saya tidak tanyalah dan tidak akan ganggu dia, kasihan dekat dia.

Jadi, saya hendak bertanya pasal komputer. Kementerian ini satu badan yang besar dan buat percubaan untuk 90 buah sekolah. Bukan cakap besarlah, tetapi saya sendiri beri kepada 40 buah sekolah untuk percubaan komputer. Dari segi komputer, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat, tidak perlu buat percubaan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, kalau boleh, Kerajaan bukan membuat percubaan tetapi memperkenalkan terus kepada semua sekolah-sekolah luar bandar.

Baru-baru ini di Perlis, kita' Wakil Rakyat membuat percubaan untuk 40 buah sekolah, bukan percubaan tetapi memperkenalkan terus. Sebab, komputer bukan benda yang baru, yang orang kata ini benda yang boleh terkejut dan sebagainya. Ini sudah menjadi satu kepentingan macam dululah bukan main-main lagi. Dulu, Tuan Pengerusi, kalau ada kereta boleh ek dan boleh mengorat girlfriend dan sebagainya. Sekarang tidak ada. Sekarang kereta ini penting sebab kita hendak datang bekerja. Demikian juga komputer, satu kemestian.

Jadi, apakah boleh tanpa membuat percubaan, dijadikan satu projek untuk diperkenalkan terus kepada sekolah-sekolah luar bandar?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi, terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat dari Arau tadi. Memang benar kita telah mengadakan percubaan ini dengan menggunakan sistem dan

syarat yang sesuai untuk dilaksanakan di sekolah. Kerana, masa dulu kita telah menggalakkan sekolah-sekolah mengadakan kelas komputer menerusi program atau skim tertentu, tetapi banyak perkara yang tidak sihat terjadi, di mana sistem-sistem yang ada ketika itu boleh dikatakan yang telah out-dated, yang telah disediakan oleh sekolah. Selepas itu program ini tergantung, setelah membelanjakan dua tiga tahun, dibekalkan dengan sistem 286. Bila 386 sudah keluar diikuti pula 486, begitu terjadi. Jadi, sekolah pun tidak dapat menukarkan secara cepat.

Jadi, masalah ini yang telah kita pastikan. Tetapi sekarang kita telah juga mengeluarkan arahan bahawa kita membenarkan sekolah masing-masing menggunakan peruntukan dalam recurrent expenditure untuk membekalkan komputer-komputer. Itu terserah kepada sekolah-sekolah masing-masing untuk mengadakan sejauh mana yang dapat mengadakan program-program komputer ini. Kita menggalakkan mereka menyediakan kemudahan ini di sekolah masing-masing. Secara tidak langsung, kita telah membenarkan untuk menggunakan peruntukan-peruntukan yang ada lebih di sekolah masing-masing.

Jadi, kita juga menggalakkan Yang Berhormat-Yang Berhormat agar dapat menyumbang dan menyokong seterusnya dalam usaha kita menyediakan kemudahan ini kerana kebanyakan peruntukan kita dalam Kementerian Pendidikan ialah untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas. Ia juga masih diperlukan di kawasan luar bandar dari segi buku-buku dan kemudahan-kemudahan mengajar yang boleh dikatakan masih belum dipenuhi dari segi taraf yang ada di bandar.

Mengenai peralihan penempatan rumah-rumah untuk guru-guru yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara ini memanglah sentiasa di dalam perancangan. Peruntukan yang telah kita dapati, meningkat pada tahun ini untuk pembinaan rumah-rumah guru dan akan dibina berdasarkan pelan standard rumah kakitangan Kerajaan kelas F.

Yang Berhormat dari Batang Lupar telah menyentuh tentang cara untuk menarik pelajar luar datang ke negara ini. Sebenarnya, bahasa pengantar di universiti-universiti tempatan tidak perlu ditukar semata-mata untuk menarik pelajar-pelajar luar menuntut di negara ini. Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa adalah satu langkah membolehkan pelajar-pelajar luar menuntut di negara ini di samping penubuhan kolej swasta dan program berkembar dengan universiti-universiti luar negeri.

Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebagai persediaan kita menghadapi keadaan di mana pendidikan diwujudkan sebagai satu industri. Kementerian Pendidikan akan terus mengawal selia penubuhan dan juga pengendalian institusi-institusi pendidikan swasta dengan lebih ketat dan rapi lagi. Bidang kawalseliaan yang ditumpukan iaitu meliputi aspek-aspek perundangan, syarat-syarat penubuhan dan pendaftaran, kualiti pendidikan tenaga pengajar mereka yang diambil dan juga penyediaan kemudahan kelengkapan dan peralatan yang sesuai dan mencukupi.

Yang Berhormat yang sama juga meminta agar Kementerian Pendidikan memberi peruntukan khas bagi mengganti dan membaikpulih kemudahan-kemudahan fizikal sekolah yang telah usang di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak termasuklah pembinaan sebuah asrama SRK Kampung Selangkir.

Sebenarnya, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak memang sangat prihatin terhadap masalah ini dan kekurangan kemudahan yang dihadapi oleh sekolah-sekolah kita di luar bandar termasuk khususnya di Negeri Sarawak. Banyak usaha jangka pendek dan jangka panjang yang dijalankan dari masa ke semasa bagi menangani masalah tersebut melalui program ubahsuai dan naik taraf, kerja kecil dan projek kilat dan lain-lainnya dalam Rancangan Malaysia Kelima dan ini telah kita jalankan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan program-program ini adalah berdasarkan kepada peruntukan yang kita dapat dan kita akan mengikut keutamaan kepada sekolah-sekolah yang masih memerlu dan ketara. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, kita akan sentiasa memberi perhatian kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu.

Yang Berhormat dari batang Lupar juga telah menimbulkan perkara penyemakan buku teks sejarah dan penyemakan sentiasa dijalankan untuk mengemaskinikan fakta-fakta supaya tepat dan betul.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Batang Lupar.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ada mendengar yang Kementerian merancang untuk membina asrama untuk guru di seluruh Sarawak dan penyelenggaraan adalah secara serentak dan hendak diberi kepada pembina-pembina yang akan ditetapkan. Adakah cerita ini benar ataupun apakah masalah penyelenggaraannya? Berapakah peruntukan yang telah disediakan?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi, dalam Rancangan Malaysia Keenam ini khususnya untuk Sarawak, kita telah menyediakan tidak kurang dari RM14 juta untuk membina kemudahan-kemudahan untuk guru. Kita telah melihat kemudahan-kemudahan di mana kalau boleh kita membinakan secara serentak menggunakan "ready-made fabrication". Tetapi masalah teknikal telah timbul. Jadi, kini kita telah menjalankan pembinaan di kawasan-kawasan tertentu, menggunakan kemudahan-kemudahan tempatan di mana kita telah berjaya untuk membina sebuah unit berkembar untuk rumah guru dengan perbelanjaan antara RM 16,000 dan RM20,000 untuk dua keluarga. Jadi, kita akan meneruskan projek ini kerana kita nampak boleh memberi kemudahan yang lebih banyak dan bermutu tinggi, menggunakan bahan-bahan dan juga bekerjasama dengan kontraktor-kontraktor tempatan atau pekerja-pekerja tempatan. Seterusnya, kita telah menjalankan projek-projek tertentu mengikut kawasan-kawasan dan pembinaan ini telah dimulai di dua tiga tempat di negeri Sarawak.

Mengenai dakwaan Yang Berhormat tentang kekurangan pelajar bumiputera dalam bidang sains dan matematik, Kementerian Pendidikan memang peka terhadap perkara tersebut. Jadi, di antara langkah-langkah yang sedang dijalankan ialah menambahkan lagi pengambilan pelajar bumiputera dalam bidang sains dan matematik di semua peringkat pendidikan hingga ke universiti dan memastikan guru-guru sains dan matematik yang berpengalaman mengajar mata pelajaran berkenaan, memperbaiki strategi pengajaran dan juga pembelajaran untuk mengajar mata pelajaran ini di sekolah masing-masing. Kita juga akan memastikan supaya

strategi pengajaran diperbaiki dengan cara mengadakan Program Intelek, Sains dan Teknologi Remaja (Program PINTAR) dan juga memben bimbingan akademik dan galakan kepada pelajar-pelajar yang lemah di dalam mata pelajaran tersebut. Usaha-usaha mi kita akan jalankan selepas ujian-ujian dalam kelemahan mata pelajaran ini telah dibuat, dan laporan telah disampaikan. Strategi-strategi tertentu telah diambil dan dilaksanakan mulai tahun persekolahan yang telah bermula pada tahun ini. Kita juga berusaha untuk meningkatkan lagi tenaga-tenaga pengajar dalam bidang mata pelajaran yang disebutkan tadi iaitu sains dan matematik.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya juga ingm menyentuh serba-sedikit perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Telok Kemang mengenai pencapaian prestasi pelajar di SRJK(T). Langkah untuk meningkatkan kualiti dan prestasi di SRJK(T) ini

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sedikit, penjelasan Yang Berhormat, kerana ini menarik perhatian saya iaitu dalam perbincangan Yang Berhormat dari Kota Bharu. Soalnya begini beliau mengatakan "Tidak setia kepada parti Pemerintah" tidak bermakna ataupun tidak harus disamakan dengan "tidak setia kepada negara". Jadi, macam mana pandangan Kementenan, kalau orang kata Perdana Menteri itu jahat ataupun Menteri-menteri Kerajaan itu jahat. Mereka ini bahkan Menteri Kerajaan. Jadit, macam mana kita membezakan yang mana parti Kerajaan, yang mana negara Malaysia, dalam soal ini?

Dr. Leo Michael Toyad: Saya tidak berapa faham soalan itu. Boleh ulang?

I
Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kalau dilihat semula dalam *Hansard* muka surat 101, Yang Berhormat dari Kota Bharu mengatakan 'kesetiaan kepada negara'. Jadi, dia kata janganlah disamakan 'setia kepada parti Pemenn-tah' tidak dimaknakan iaitu dia 'tidak setia kepada negara'. Jadi soalnya macam manakah pandangan Kementerian kalau kita mengatakan 'Menteri-menteri Kerajaan itu jahat'?

Dr. Leo Michael Toyad: Yang Berhormat, soal ini saya sudah sentuhkan tadi. Bahawa sebenarnya memang dalam Dasar Pendidikan dan falsafah negara kita termasuk dalam Rukun Negara iaitu kepatuhan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara. Kita memang mematuhi kepada Kerajaan dan negara kita dan kesetiaan itu boleh dihubungkan dengan Kerajaan kerana selama ini Kerajaan Barisan Nasional telah menjalankan tugas dengan baiknya dan kebanyakannya negara ini membangun atas usaha Kerajaan juga. Dan saya boleh katakan tidak ada salahnya kalau, dengan izin, 'it is synonymous' dengan pembangunan dan juga kemajuan negara ini. Tetapi telah disebutkan di sini rneang tujuan kita ialah untuk membenkan kepatuhan kepada lembaga dan dalam prinsip-prinsip Rukun Negara kita dan falasafah pendidikan Negara - okay?

Tuan Pengerusi, untuk menjelaskan serbasedikit mengenai langkah untuk kita meningkatkan kualiti dan prestasi di SRJK(T) ini. Kita akan berusaha untuk» menempatkan lebih ramai lagi seperti mana yang disebutkan laitu guru-guru terlatih akan ditambahkan lagi atau mengambalalih dari guru-guru sandaran yang tidak terlatih itu. Dan kita juga telah menawarkan kepada guru-guru

sandaran yang ada di SRJK(T) irri, yang layak untuk mengambil kursus dan latihan terus, kerana dalam SRJK(T) di seluruh negara, khususnya di sekolah rendah kita masih kekurangan tidak kurang dari 1,659 orang guru di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil). Jadi, usaha kita untuk melengkapkan sekolah-sekolah tersebut iaitu menambahkan lagi latihan.....

Dr. T. Marimuthu: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Telok Kemang minta jalan.

Dr. Leo Michael Toyad: Baik.

Dr. T. Marimuthu: Tuan Pengerusi, ramal guru sandaran yang mengajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) tidak mempunyai 5 kredit. Sebahagian besar ataupun majoriti, tidak ada kelulusan dalam mata pelajaran matematik, tetapi mereka mempunyai selama 5 sehingga 7 tahun pengalaman mengajar di sekolah-sekolah Tamil. Bolchkah Kementerian Pendidikan menimbangkan untuk memberi kelonggaran sedikit untuk melatih guru-guru sandaran ini?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi, usaha kita untuk mengatasi masalah kekurangan guru di SRJK(T) ini di antaranya adalah menawarkan kepada guru-guru yang telah mengajar untuk mengambil latihan, dan kita lelah menjalankan secara ujian kelayakan dan keduanya termasuk juga dari kelonggaran syarat, umur dan lain-lainnya, kita telah usahakan. Dan dari permohonan-permohonan yang kita dapati, kita lelah menempatkan mereka dalam Maktab Perguruan tidak kurang 90% dari mereka yang telah memohon, dan yang tidak dapat kita masukkan ialah keiana

pencapaian mereka dari segi ujiannya dan lain-lainnya - memang kita tidak dapat longgarkan lagi. Saya boleh katakan dalam tahun yang lalu permohonan untuk mengambil pengajian bahasa Tamil dalam Maktab Perguruan adalah kurang dari tempat yang telah ditawarkan. Jadi, saya berharap, kita akan mendapat banyak lagi tenaga-tenaga pengajar dan inilah usaha-usaha serta langkah yang lelah kita ambil untuk menambahkan lagi guru-guru, meningkatkan guru-guru yang terlatih di SRJK(T) ini.

Kita telah mengambil langkah-langkah yang tertentu dari segi kelonggaran syarat dan umur untuk mereka masuk ke Maktab-maktab Perguruan. Dan kita juga telah mendapat kebenaran dari Jabatan Perkhidmatan Awam untuk memberi kelonggaran yang tertentu apabila mereka layak untuk mendapat latihan di Maktab Perguruan.

Perkara kedua yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Telok Kemang, agihan peruntukan kewangan kepada sekolah-sekolah kecil luar bandar terutamanya di SRJK(T).

Sebenarnya kemudahan-kemudahan dan peruntukan yang telah diberikan ialah bukan hanya dalam bentuk bantuan perkapita, ia juga meliputi kemudahan-kemudahan lain, seperti peruntukan untuk pembangunan dan penyelenggaraan bangunan, perabot dan alat kelengkapan gantian mengikut yang pernah dipohonkan dari pihak-pihak sekolah yang tertentu. Dan kita telah menyeliaikan mengikut keutamaan dan permohonan sekolah-sekolah yang berkecuaan. Jadi, kalau ada yang belum mendapat kemudahan ini, saya harap boleh dikemukakan oleh Yang Berhormat atau kepada Kementerian Pendidikan.

Untuk mengakhiri ucapan saya, pelan induk UIA yang telah disoalkan oleh Yang Berhormat dari Maran tadi sedang disediakan oleh UIA, dan akan dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan dalam sedikit masa lagi iaitu termasuklah konsep kampus Pakulti Perubatan dan Program Skim Perubatan juga anjuran pengambiiian pelajar.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Jerai hendak minta jalan,

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Last!

Tuan Pengerusi, saya hendak lanya satu soalan terakhir bagi Kementerian Pendidikan. Saya dapati ramai juga guru-guru, yang ini tidak berkait dengan universiti, mereka merungut tentang pinjaman kenderaan. Kita dapati bahawa kadang-kadang guru-guru terpaksa membuat kerja pagi dan kadang-kadang petang seperti melatih penuntut bersukan, kerja luar, bawa budak-budak pergi ber'camping' dan sebagainya, sedangkan guru-guru ini dia tidak dapat pinjaman untuk membeli kereta, pinjaman hanya diberi kepada Pengctua ataupun Penolong Pengctua, tetapi kepada guru-guru - tidak ada.

Adakah Kementerian bercadang untuk memberikan pinjaman kenderaan ini kepada guru-guru, kerana mereka ini memainkan peranan yang begitu besar, terutama sekali guru-guru di luar bandar. Kalau ada kenderaan ini maka mudahlah bagi mereka dan dapatlah mereka berlindung daripada hujan. Setengah guru-guru yang baru bekerja yang tidak mampu, mereka naik motosikal dengan 'crash helmet' serta buku-buku. Silap-

silap sedikit, buku-buku dengan dianya sekali jatuh berselerak. (*Ketawa*) Saya minta supaya Kementerian menolong, oleh kerana ramai guru yang merungut. Guru ini adalah pendidik yang akan mletakkan anak bangsa Malaysia ini di tahap yang baik di masa hadapan. Tetapi kalau guru itu kita tidak beri makan makanan yang elok, tidak beri kemudahan untuk menyenangkan mereka, maka macam mana mereka hendak concentrate tentang pendidikan ini? Kalau boleh Timbalan Menteri tolonglah cadangkan? Bukan banyak sangat! Tambah sedikit sahaja peruntukan! Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi, terima kasih. Kita akan ambil perhatian atas apa yang telah dikemukakan. Sebenarnya, pinjaman kereta, kenderaan motosikal termasuk boat engine dan lain-lainnya, iaitu kenderaan yang ada disediakan untuk pegawai-pegawai Kerajaan yang lain, juga ada disediakan kepada perkhidnatan guru. Ini sebenarnya tertakluk kepada skim atau skel pendapatan guru-guru atau pegawai-pegawai tertentu. Kalau tidak silap saya, ada juga pinjaman untuk membeli pet ais, membeli enjin dan berbagai perkara lagi termasuklah perkakas rumah dan lain-lainnya yang disediakan di bawah Peraturan-peraturan Treasury. Yang menyekatkan sseorang pegawai itu untuk mendapatkan kereta yang besar atau yang lebih lagi, ini adalah bergantung kepada skim perkhidnatan beliau. Kemudahan ini memang sedia ada dalam perkhidmatan.

Dengan itu, sckali lagi saya mengucapkan lerima kasih atas perkara-perkara yang telah ditimbulkan serta sokongan, cadangan dan syor dari Ahli-ahli Yang Berhormat atas Kementerian Pendidikan untuk kita sama-sama meningkatkan lagi usaha kita untuk memberi pendidikan yang unggul ke-

pada rakyat muda negara kita. Saya menyedari bahawa ada beberapa perkara dan isu yang saya belum sempat jawab di sini. Perkara-perkara itu akan diberi perhatian dan diambil tindakan yang sewajarnya. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran yang membina. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM7,686,055,000 untuk Maksud B. 26 dan RM28,459,400 untuk Maksud B. 27 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM7,686,055,000 untuk Maksud B. 26 dan RM28,459,400 untuk Maksud B. 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM 1,268,924,220 untuk Maksud P. 26 dan RM17,995,000 untuk Maksud P. 27 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1994 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak RM 1,268,924,220 untuk Maksud P. 26 dan RM 17,995,000 untuk Maksud P. 27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1994.

Maksud B. 28, B. 29, B. 30, B. 31, B. 32 dan B. 33 (Jadual)—

Maksud P. 28, P. 31, P. 32 dan P. 56 (Anggaran Pembangunan, 1994)—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepala Bekalan B. 28 hingga B. 33 dan Kepala Pembangunan P. 28, P. 31, P. 32 dan P. 56 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Arau.

5.35ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, sebenarnya saya telah bangun dari hari kelmarin. Oleh kerana ramai kawan-kawan merungut, saya akan bercakap selama lima minit sahaja.

Pertama, saya hendak bercakap fasal broker saham di bawah Butiran 060000 - Suruhanjaya Sekuriti.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini kita sedar bahawa ada sedikit kemelesetan berlaku dalam pasaran saham tetapi kita bersyukur, di dalam minggu ini ada kelegaan dan terdapat senyuman-senyuman yang memuaskan di kalangan kawan-kawan. Saya hendak sentuh balik perkara ini sebab saya telah bercakap dalam Belanjawan yang lepas, iaitu tentang kedudukan broker saham.

Pada masa Tun Daim menjadi Menteri Kewangan dahulu, saya percaya, dia memberi paid-up capital kepada semua broker saham ke tahap maksima RM20 juta. Pada masa itu diberi dalam bentuk volume, saya ingat, sebanyak RM20 milion. Tetapi sekarang ini kita mencapai tahap di antara RM1.2 sampai RM1.6 bilion. Ini bermakna, kalau paid-up RM20 juta semua broker saham akan menghadapi masalah dari segi pekerja-pekerja untuk hendak 'clear'kan stocks the following day. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, siapa hendak jawab ini? Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen? *(Ketawa)* Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, katalah terjadi, sebab

ini kita terpaksa proses. Dahulu RM200 milion tetapi sekarang RM1.6 bilion, tiba-tiba terjadi skrip itu skrip palsu. Apa hendak jadi kepada kedudukan broker-broker saham? Orang beri skrip palsu dan kita hendak 'detect' susah, sebab mereka terpaksa buat kerja.

Saya tengok hampir - saya declare saya punya interest - tetapi saya belum buka lagi. Saya memang ada terlibat dengan broker saham dan saya belum buka lagi. Jadi, saya boleh bercakap.

Saya pernah melawat kawan-kawan dan pernah mehhat mereka bekerja sampai pukul 2.00 atau 3.00 pagi dan orang yang sama akan bekerja balik besok. Mereka boleh tersilap. Saya cadangkan, sudah sampai masanya supaya kita kena tinggikan paid-up capital kepada RM40 juta.

Baru-baru ini kita mendapat maklumat bahawa Menteri Kewangan telah meluluskan broker saham yang baru kepada Bank Islam dengan paid-up capital RM40 juta. RM40 juta kepada Bank Islam ini saya minta dipanjangkan kepada semua broker-broker saham supaya dimaikkkan kepada RM40 juta dan dengan itu.....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat Padang Terap.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat bersetuju selain daripada meningkatkan paid-up capital kepada RM40 juta, kemungkinan syankat yang ada tidak mampu. Jadi, diadakan satu lagi cara pendekatan iaitu dengan menambahkan lagi lesen untuk syarikat-syarikat sekuriti ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Itu sebab saya declare saya punya interest tadi. Hendak tambah itu, tidak berapa syoklah sedikit. Tambah itu boleh, dan baru-baru ini Yang Berhormat sudah tambah tiga lagi. Saya dengar centa tiga, tetapi yang satu lagi itu saya tidak berapa bcrsetuju sebab dekat dengan Perlis. Perlis, siapa hendak beli? Perlis negeri kecil. Kalau kita beri kepada Langkawi atau yang dekat-dekat dengan Perlis, susahlah. Untuk di Kuala Lumpur ini, saya setuju. Untuk cawangan-cawangan, itu sudah cukup. Di Kuala Lumpur ini kalau hendak tambah kita setuju ataupun kita benarkan yang ada sekarang ini menambahkan cawangan atau apa yang patut untuk membolehkan supaya pasaran itu diperluaskan. Ini satu perkembangan yang cukup hebat dan kita sudah tengok laporan daripada KLSE baru-baru ini bahawa mereka hendak meningkatkan kepada tahap, saya kurang pasti angkanya, tetapi kita telah mencapai tahap itu sebelum tahun 1995. Berapa bilion US dollars saya sudah lupa, dan sekarang ini.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jerai.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, walaupun Ahli Yang Berhormat dan Arau mengatakan di Perlis itu kecil - tak payah tambah, tetapi adakah Yang Berhormat bercadang pelabur-pelabur luar daripada negara sempadan itu patut kita tarik juga sebagai pembeli-pembeli saham di tanah air kita dan stock broker di Perlis pun dan sahabat-sahabat kita pun bolehlah maju sedikit. Jadi, Yang Berhormat kena declarelah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tidak ada apa-apa, saya cuma Chairman biasa sahaja macam kawan-kawan kita ini, bukan ada apa di dalam itu, cuma kita pegang sementara sahaja.

Jadi, kita bersetuju dan 'northern triangle' (segitiga utara) ini memang digalakkan supaya penglibatan Sumatera, Thailand dan sebagainya. Tetapi, pada masa sekarang pun Fund Managers itu kebanyakannya ialah daripada luar, kita amat bersetuju sekali supaya kita beri kelonggaran terutamanya sahabat daripada Thailand untuk masuk ke sini. Lagi pun kita dengan Thailand ini bukan ada beza sangat, sudah dekat-dekat. Orang di kawasan saya dan kawasan Ahli Yang Berhormat bercakap pun pelat Siam, bagi setengah-setengah kawasan.

Tuan Pengerusi, kita cadangkan supaya dengan penambahan paid-up kepada RM40 juta sekaligus seolah-olahnya kita telah meluaskan pasaran dan dalam masa yang sama seolah-olahnya kita telah menambahkan sekuriti yang baru. Kalau yang lama RM20 juta dan sekarang tambah lagi menjadikan RM40 juta, seolah-olahnya yang dahulu satu sudah jadi dua, lebih kurang macam itulah dari segi keluasan pasaran saham yang ada.

Tuan Pengerusi, sebab-sebabnya saya telah sebutkan, kita takut terjadi pada sekali-sekala skrip palsu, timbul skrip palsu saya ingat ia boleh merosakkan keseluruhannya. Sekarang ini pun kalau kita telah tambah paid-up itu, insya-Allah, kita boleh mensyaratkan supaya mereka menambahkan pekerja dan sebagainya.

Kemudian kepada broker saham. Saya tengok dalam trend tiga minggu yang lepas, selepas Perhimpunan Agung UMNO, selepas itu sampai minggu ini baru recover, kita tengok ramai kawan-kawan yang besar-besar pun ada, yang kecil-kecil terutamanya yang mukanya sudah masam - jatuh dan dipaksa jual dan sebagainya. Tetapi saya hendak minta Suruhanjaya Sekuriti pergi tengok siapa yang sebenarnya terlibat dengan remisier ini.

Tuan Pengerusi, dia ada sub-remisier dan sub-remisier ini menjadi pelabur sekaligus. Mereka ini ada komputer di depan screen dan mereka boleh melihat apa perkembangannya, tetapi kita tidak boleh, kita cuma angkat telefon sahaja. Kerana tiap-tiap orang tidak boleh beli celung di BSKL, kalau hendak beli mana hendak sanggup, sampai dekat RM10.000 perbelanjaan, siapa pun tidak sanggup, kecuali dua tiga orang sahajalah. Tetapi orang ini dia boleh melihat di depan screen dan dia boleh tahu perkembangan itu dengan sekaligus. Jadi, remisier tidak boleh beli, tetapi 'sub' itu, mana boleh ada 'sub' - tak 'sub' - dia tidak boleh. Sebenarnya dia mengaku dia pekerja, kalau Suruhanjaya Sekuriti pergi masuk check, dia kata dia pekerja, sebenarnya bila mereka balik, dia pembeh. Dia jadi 'sub' di situ - agen. Jadi, sebenarnya apabila terjadi keadaan kelam-kabut tiga minggu yang lepas, mereka ini yang banyak membeli dan kita ini terpaksa menjual dengan harga yang tinggi, mereka beli dan sekarang harganya recover, kita baru hendak belajar balik, mereka telah untung.

Jadi, pada bila-bila masa mereka akan terus untung dan kita dalam keadaan rugi dan untung. Saya ingat, saya telah sebut pada minggu yang lepas, pelabur-pelabur tempatan walaupun kita ada Fund Managers daripada luar negeri yang masuk baru-baru ini, bila dia masuk syer telah melambung, tetapi kita harus ingat bahawa yang menggerakkan saham sekarang ini ialah pelabur-pelabur kecil tempatan.

Tuan Pengerusi, saya ingat di mana sahaja saya pergi, orang kenal sedikit muka saya. Saya pergi ke Lumut baru-baru ini, bukan kawasan saya, kawasan Ahli Yang Berhormat Lumut, saya pergi tengok Pulau Pangkor, DAP kata saya

pergi main jet ski. Kalau saya pergi ke mana pun mereka tengok, saya pergi main jet ski pun dia tengok juga. Saya sudah jadi popular macam isteri Prince Charles, Diana. (*Ketawa*) Mereka tengok saya main jet ski, saya seorang ahli sukan, saya boleh bermain macam-macam. Mereka tanya: "Hari ini tip ada apa Yang Berhormat?" Saya kata: "Macam mana kenal saya pula?" "Saya kenal", dia kata: "Ini dok lawan DAP, kita tahu", Jadi, mereka tanya tip. Jadi, nelayan pun tanya tip. Semua orang tanya tip. Makna kata, orang telah berminat dalam pelaburan saham, sampai petani dan nelayan telah berminat dengan pasaran saham. Jadi, pelabur tempatan ini penting. Tetapi dalam keadaan kelam-kabut yang lepas, yang jadi mangsa pelabur tempatan. Semua pelabur-pelabur luar yang duit banyak, dia pergi berehat, dia telah untung banyak. Bila dia kembali, dia buat untung. Pelabur tempatan ini baru hendak recover balik, apa yang mereka untung yang lepas.

Jadi, kepada broker-broker saham dan juga saya telah declare interest saya, menegur kepada diri saya untuk masa hadapan supaya tidak buat macam ini iaitu dengan memberi sedikit perhatian kepada pelabur-pelabur tempatan, jangan kita menukar syarat dan sebagainya. Kita juga faham bahawa kadang-kadang pelabur ini, dia juga ada sedikit kurang bagus, kadang-kadang pelabur ini dia buat fasal, dia dibenarkan membeli 50 lot, dia beli 100 lot. Jadi, bila orang buat jualan paksa, dia kata broker saham buat jualan paksa. Sebenarnya kesilapan dia sendiri, dibenar 50, dia beli 100 - itu pun ada. Saya tidak katakan Security Commission hendak pergi hukum terus broker saham, kadang-kadang pelabur sendiri pun ada juga yang salah. Tetapi oleh kerana mereka yang terlibat secara

langsung untuk menentukan pelaburan ini, saya ingat Suruhanjaya Sekuriti hendaklah berbuat sesuatu supaya pasaran saham kita yang begitu kuat dan begitu disenangi oleh semua pihak sentiasa kuat dan utuh.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak menyentuh berhubung dengan perkembangan NAFTA baru-baru ini. Kita lihat negara-negara EC telah menurunkan interest. Bila menurunkan interest, jadi pelabur-pelabur mereka tidak simpan duit lagi. Jadi, mereka terus bermain saham, sebab itulah apabila EC dengan NAFTA pun sekarang telah berlawanan. NAFTA bangun dia kurangkan interest supaya pelabur mereka tidak pergi masuk NAFTA. NAFTA pula cuba kurangkan interest. Kita pun sekarang ini sudah kurangkan interest, tetapi adakah perlu kita kurangkan interest selagi hendak pastikan supaya pelabur kita terus berada di sini, tidak menyimpan wang terus melabur. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, sejauh mana Kerajaan melihat perkembangan EC dan NAFTA supaya keadaan pelaburan kita tidak terancam.

Tuan Pengerusi, yang berikutnya ialah berhubung dengan Pengurusan Syarikat Sektor Awam. Sebab ini ada laporan terbaru, macam kita tengok TV3, tengah-tengah dok seronok dia kata 'Berita Terkini'. Saya pun dapat berita terkini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, di bawah Pengurusan Pengawasan Sektor Awam kita bersetuju supaya Treasury ini berada di situ, dia bukan sahaja mengawasi, tetapi dia juga mesti pastikan bahawa segala pelaburan, bukan sahaja pelaburan, segala masalah yang melibatkan kakitangan juga di beri perhatian. Kita sedar banyak Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sebab mereka merupakan orang yang paling layak sekali. Jadi, Kerajaan

lantik jadi Pengerusi di Badan-badan Berkanun. Pembangkang kurang sedikit sebab mereka tidak berapa mahir dalam perniagaan, jadi kami lebih mahir sedikit, kami di lanlik. Tetapi, di kalangan kami ini ada eksekutif dan juga non-eksekutif. Di kalangan Wakil-wakil Rakyat (MPs) kita katakan okay, sebab mereka ini faham tentang masalah dalaman dan sebagainya. Tetapi ada Pengerusi-pengerusi yang bukan di kalangan Wakil Rakyat tetapi di kalangan orang yang established, bekas pegawai-pegawai Kerajaan, bila dia masuk, walaupun dia Pengerusi yang non-eksekutif, kadang-kadang dia buat kerja seolah-olah dia Pengerusi Eksekutif, sampai Pengurus Besar pun diketepikan.

Seorang Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan Shahidan bin Kassim: UDA sekejap lagi Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin AH akan sentuh. Pengerusi UDA ada di sini, kita minta Pengerusinya mengambil tindakan sesuatu, tetapi kawan saya akan menyentuh dengan panjang.

Saya hendak bercakap berkenaan dengan MISC. Saya minta supaya Chairmannya memikirkan bahawa kita tengok banyak masalah dalaman berlaku. Saya tahu Pengerusi sekarang bagus - Raja Alias bagus - dia banyak berjasa kepada negara. Tetapi kita kena ingat orang yang pakar berkenaan PELDA, pegawai-pegawai PELDA, mereka juga bukan sekaligus pakar berkenaan dengan perkapalan. Jadi, tidak payahlah ambil pegawai PELDA bekerja dalam kapal dan sebagainya. Jadi, bukan apa, cuma kadang-kadang kalau Raja Alias terlupa, sebab saya hendak memben penghor-matan dan sekalung bunga sebab dia berjasa kepada negara, tetapi kalau dia terlupa bahawa perbualannya itu kadang-kadang boleh menimbulkan perasaan tersinggung pegawai-pegawai yang cukup mahir dalam perkapalan. Dan buatlah sesuatu, janganlah memmbulkan curiga sebab MISC ini adalah di antara syarikat yang terkenal dari segi perkapalan.

Tuan Pengerusi, akhir sekali, fasal Pengurusan Kontrak dan Bekalan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak gulung.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila.

Tuan Shahidan bin Kassim: Hendak kata pun, sebab saya bekas Pegawai Perbendaharaan, tidak kata pun, perkara ini orang dok kata di belakang, kepada Bahagian Kontrak dan Bekalan. Banyak orang bercakap belakang dan sebagainya.

Jadi, saya minta kepada pegawai-pegawai supaya ambil perhatian sedikit. Dalam usaha Kerajaan untuk tujuan swasta dan unluk mempercepatkan projek pernbangunan, kita sokong. Kalau pegawai-pegawai percepatkan pun bagus. Tetapi pegawai-pegawai mestilah menjaga diri, janganlah berjumpa dengan mana-mana syarikat tertentu seperti di Paris atau di mana-mana, tidak payahlah jumpa mereka, sebab kalau jumpa, orang nampak tidak elok. Ataupun kalau berjumpa mereka di mana-mana tempat di hotel dan sebagainya, itu tidak elok. Jadi, saya minta pegawai-pegawai bahagian ini, oleh kerana imej Kementerian ini cukup hebat, tinggi dan teragung, supaya mengurangkan sedikit pergaulan dan perjumpaan dalam bentuk sulit dengan syarikat-syarikat tertentu.

Saya tidak mahu sebut siapa, tetapi saya nampak dengan mata kepala saya sendiri dan ada sekali-sekala, oleh sebab saya ini peminat kamera, saya terambil gambar, jadi, saya simpan buat kenangan. Tetapi saya akan sebutlah kepada pegawai berkenaan janganlah pergi jumpa di tempat yang macam itu, tidak elok. Terima kasih, saya menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Pasir Mas.

5.54 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 010000 - Perkhidmatan Kewangan. Sebelum saya menyebut kepada perkara-perkara yang saya anggap tidak mencemaskan, sukalah saya mengambil kesempatan ini untuk menyatakan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah mendapat kepercayaan dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri dan yang paling membanggakan bahawa pengekalan beliau sebagai Menteri Kewangan.

Tuan Pengerusi, saya menyebut perkara ini sebab di dalam senario perkembangan ekonomi yang ada pada hari ini, mahu tidak mahu kita mesti terima hakikat bahawa ianya adalah kejayaan pengurusan Kementerian Kewangan yang mejadi tulang belakang kepada pentadbiran ekonomi negara. Oleh itu, saya mengucapkan tahniah dan memang tepat sekali Yang Berhormat Menteri Kewangan dikekalkan sebagai Menteri Kewangan dan sekaligus menjadi Timbalan Perdana Menteri dan juga Timbalan Menterinya yang diangkat menjadi Menteri Penuh dan insya-Allah Setiausaha Parlimennya juga akan naik sebagai Timbalan Menteri Kewangan. Ini berasaskan kepada prestasi.

Tuan Pengerusi, sebelum kita cubit, kita kena gosok dahulu - itu adat orang Melayu. Dia lambung, lepas itu dia cuit. Jadi, Tuan Pengerusi, saya hendak tanya, pertama walaupun disebutkan oleh saudara saya Ahli Parlimen dari Arau tadi mengenai Bekalan dan Kontrak, tetapi saya tengok dalam Buku Belanjawan di bawah Maksud B. 28 ini, Butiran

"Bekalan dan Kontrak" tidak ada - butirannya tidak ada. Dahulu Butirannya ada. Ke mana pergi Butiran ini? Atau adakah ia diserap di bawah Butiran lain? Tetapi tidak ada Butiran "Bekalan dan Kontrak" dalam Perkhidmatan Kewangan ini. Jadi, pertamanya saya minta dalam Perkhidmatan Kewangan ini - 010200, Pengurusan Rayuan Cukai Pendapatan. Masalah Pengurusan Rayuan Cukai Pendapatan ini memang banyak dan melibatkan rakyat dan saya dapati kakitangan bilangan jawatan hanya 15 orang, Peruntukan tahun 1994 ialah RM895,000, manakala untuk tahun 1993 RM976,000 - turun sedikit. Sepatutnya Bahagian ini dipertingkatkan supaya rayuan-rayuan yang dibuat oleh pihak rakyat yang terlibat dengan hal cukai pendapatan dapat dipercepatkan kerana ini banyak menimbulkan kerumitan kepada orang ramai.

Tuan Pengerusi, perkara kedua yang saya hendak sebut ialah Butiran 020100 - Pengurusan Pengawasan Syarikat Sektor Awam - sama dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Arau tadi. Ini termasuklah pengawasan-pengawasan dalam konteks hendak menentukan akauntabiliti Kerajaan, kerana segala-galanya ditentukan oleh Perbendaharaan.

Tuan Pengerusi, umumnya, apabila timbul dan kita mendengar cemuhan mengenai isu yang melibatkan, kalau ada, penyclewangan kononnya, maka yang menjadi sasaran ialah orang-orang politik. Saya telah membuat penyiasatan yang agak sekian lama, saya mendapati bahawa sebenarnya 'decision-making' ini sebahagian besarnya, kecuali perkara-perkara yang spesifik, tetapi kalau yang kecil-kecil dan yang sederhana, ditentukan di peringkat Lembaga Tawaran, baik Bekalan dan Kontrak Kementerian Kewangan ataupun di peringkat Kementerian ataupun di peringkat Jabatan-

jabatan dan kebanyakannya di tempat-lempat ini lidak ada orang politik. Kalau ada pun satu daripada empat atau lima, Wakil daripada sesebuah Majlis, wakil sesebuah Lembaga Pengarah hanya seorang sahaja orang politik. Ataupun kadang-kadang tidak ada, memang tidak ada langsung. Jadi, yang membuat keputusan ialah pegawai-pegawai.

Saya bukan menyatakan secara umum bahawa pegawai-pegawai bersalah, tetapi individu-individu. Kalau kita lihat sesetengah agensi Kerajaan yang banyak mengeluarkan kontrak, maka kita dapati, macam kata Yang Berhormat dari Arau, Ketua Pengarah, cara hidupnya, wah! hebat sekali, cukup mengagumkan dari segi 'the life style' atau gaya hidupnya. Yang saya maksudkan di sini hanya untuk menarik Kementerian Kewangan supaya dari segi pengawasan syarikat-syarikat sektor awam, Kementerian Kewangan bukan sahaja harus mengkaji atas kertas. Kajian atas kertas kadang-kadang sekarang ini, oleh kerana sistemnya canggih, berkomputer dan boleh siap report dan macam-macam dengan cantik, tetapi apa yang berlaku di sebaliknya kita tidak tahu.

Tuan Pengerusi, yang paling inudah kita buat kajian dari segi perkara yang saya sebutkan ini ialah kita mengkaji latar belakang mereka ini. Kalau hidup mereka ini agak luar biasa daripada orang lain, maka sudah tentu menjadi tandatanya. Sebab, kadangkala kita dengar orang yang bercakap, "ini orang politik", dan bila dia buat keputusan, dia kata, "ini Pengerusi buai keputusan"; "Menteri buat keputusan" - lepas tangan - "kita tidak boleh, kita pegawai hanya buat kerja sahaja". Saya pernah tengok bagaimana sistem sesuatu tender itu dikluarkan dan diputuskan, daripada perundingan, daripada pihak pentadbirannya, pandangan pentadbiran, pan-

dangan perunding dicantum sekali dan dibawa ke Lembaga Tawaran, manakala kalau ada pun wakil yang duduk dalam mesyuarat, tengok kertas yang dibentangkan pada hari itu, dan kesahihan maklumat yang dibentangkan dalam mesyuarat itu bergantung kepada kredibiliti pegawai-pegawai yang membuatnya. Kalau dia kata hendak 'disquahfy' orang itu, dia kata orang itu tidak bagus - tidak baguslah, kalau orang itu bagus, baguslah, "everything is on paper" - segala-galanya atas kertas sahaja. Sebab banyak rungutan-rungutan yang kita terima, kalau saya hendak sebut spesifik mengenai agensi-agensi ini, saya pun sekarang berumur 43 tahun ini tidak adalah garang sangat - muda lagilah - tetapi kita sudah tua juga, sudah masuk umur nabi, lebih daripada 40 tahun.

Jadi, walau macam manapun, kita harap pengawasan syarikat sektor awam dengan bilangan pegawai 13 orang - tidak cukup. Tidak cukup 13 orang ini untuk mengawasi pelaburan Kerajaan bagi pihak rakyat - berbilion-bihon ringgit. Mana cukup dengan 13 orang? Sebab itu saya lidak hairan kalau berlaku bermacam-macam masalah yang timbul dari segi pengawasan. Sebab itu, saya harap Pengurusan Pengawasan Syarikat Sektor Awam ini harus dilihat dengan serius oleh pihak Kementerian Kewangan.

Ini bukan baru dibangkit, telah banyak kali dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, bukan hari ini sahaja - banyak kali. Dan kita ingin lihat bahawa Pengurusan Pengawasan Syarikat Sektor Awam mi diperbaiki dan dipertingkatkan, dan kalau perlu bilangan kakitangan ditambah, mesti ditambah. Cara untuk mengesan mereka ialah bukan sahaja daripada maklumat sesuatu projek atau sesuatu isu yang memabitkan laporan

daripada kertas, tetapi juga wajar dikaji dari segi latar belakang mereka ini. Latar belakang mereka ini boleh menentukan sejauh mana mereka ini mempunyai kredibiliti, Sebab kalau kita meyebut secara spesifik, ianya mungkin tidak baik dan boleh terkena kepada sesetengah pihak, tetapi saya berani menyatakan di sini bahawa memang wajar Kementerian Kewangan perlu mengambil perhatian yang lebih serius dalam menangani masalah ini bagi memastikan pengurusan mereka bersih, cekap dan amanah.

Seterusnya saya hendak tanya Tuan Pengerusi, muka surat 178, Butiran 070000 - Dasar Baru/One-OfTs.

"One-Offs" ini apa dia sebanyak RM5,394,000? Saya hendak minta penjelasan dan seterusnya muka surat 179, Butiran 03000 - ASEAN Potash Mining Project (Thailand). Projek ini anggarannya RM867,503,000.

Dahulu anggaran tahun 1993 dipinda RM13,506,000. Anggaran tahun ini RM12,822,000. Projek ini besar dan dibuat di Thailand. Saya hendak tanya berapa banyak ekuiti Kerajaan kita? Bagaimanakah penyertaan Kerajaan kita ataupun negara kita dalam projek ini dari segi pengurusan, pengawalan dan seumpamanya? Sebab kita lahu, kalau di negara yang saya maksudkan tadi, memang mereka orang bijak berniaga. Saya harap kepentingan negara kita memang terjamin betul-betul dalam projek ini. Saya minta penjelasan yang lebih lanjut mengenai projek yang saya bangkitkan ini.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan di bawah Butiran 030000, muka surat 181, Kod (Objek Am) 0700 - Bayaran sewa kereta saloon Jabatan-jabatan Kerajaan, RM48 juta. Ini bayaran kereta saloon Jabatan, saya hendak dapat penjelasan yang lebih

lanjut sebab banyak ini. Bagaimanakah bentuk Jabatan Kerajaan menyewa kereta-kereta saloon ini sebab setahu kita Jabatan Kerajaan sudah pun mempunyai kereta tetapi terpaksa juga menyewa, membuat bayaran sewa kereta saloon untuk Jabatan-jabatan Kerajaan-Belanjanya RM48 juta.

Saya minta perkara ini disemak semula dengan lebih teliti asalkan ianya tidak membazir, okay; kalau ianya membazir apakah bentuk dan cara kereta-kereta ini disewa bagi menjamin bahawa sekali lagi kita dapat memper-tahankan accountability dan credibility pengurusan bersih, cekap dan amanah.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya hendak ambil kesempatan di sini untuk merujuk kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada Ketua Pengarahnya serta kakitangan Jabatan Hasil Dalam Negeri kerana kita dapati beberapa tahun kebelakangan ini termasuk tahun lalu, bahawa pungutan cukai meningkat dengan begitu banyak sekali. Ini menunjukkan keberkesanan, kesungguhan dan ketegasan pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam Jabatan Hasil Dalam Negeri. Sehingga saya baca laporan baru-baru ini, ada beberapa Dato', orang-orang kenamaan yang ditahan pasportnya tidak dapat ke luar negeri selagi mereka tidak menjelaskan cukai.

Ini merupakan satu tindakan yang saya alu-alukan dan sememangnya Jabatan Hasil Dalam Negeri harus diberikan sokongan yang lebih dalam apa jua tindakan mereka- supaya mereka yang sewajarnya menjelas dan membayar cukai, melaksanakan tanggungjawab mereka kepada negara bagi menjamin bahawa apa yang mereka dapat nikmati dalam negara ini, harus juga membayar balik sekurang-kurangnya dari segi pembayaran cukai.

Jadi, itu sahaja, Tuan Pengerusi yang saya hendak bangkitkan dan saya tidak sebut UDA tadi, walaupun disebut oleh Yang Berhormat dari Arau. Mungkin ini patut dibangkitkan di bawah Kementerian Perusahaan Awam. Itu kalau hendak bangkitkan hal UDA. Cukuplah saya sebut dengan secara umum, itu sudah lebih dari memadai dan tidak payah kita sebut secara detail. Kita sebut sedikit pun sudah faham. Betul tidak Pengerusi UDA? Jadi, itu sahaja. Saya menyokong, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parit Sulong.

6.05 *ptg.*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Tuan Pengerusi, saya mengambil masa yang singkat. Saya hanya menumpukan kepada muka surat 176, Butiran 020000 - Perkhidmatan Analisis Ekonomi dan Sumber, di bawah sub-kepala 020300 - Pengurusan Pinjaman dan Pelaburan.

Sebagaimana yang dijelaskan, salah satu aktiviti pengurusan dan pinjaman pelaburan adalah mengawasi perkembangan atau perjalanari institusi-institusi kewangan bagi memastikan aktiviti-aktivitinya selaras dengan peruntukan peraturan-peraturan atau undang-undang yang ditetapkan di negara ini.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini saya ingin membawa kepada maklumat Dewan ini tentang wujudnya 'loan shark', dengan izin, ataupun peminjam-peminjam wang secara haram yang sekarang ini sedang mencengkam kedudukan ekonomi peniaga-peniaga kecil dan penjaja-penjaja kecil di kawasan Parlimen Parit Sulong ataupun di dalam daerah Batu Pahat.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini saya ingin menjelaskan bahawa sekarang ini di kawasan Parlimen Parit Sulong dan

juga di dalam daerah Batu Pahat telah wujud satu sindiket meminjam wang secara haram. Sindiket ini wujud oleh kerana mereka mengetahui sesetengah sistem perbankan di dalam negara ini adalah amat menyulitkan penjaja-penjaja ataupun peniaga-peniaga kecil untuk mendapatkan facility kewangan dari bank-bank.

Oleh kerana mereka tidak mempunyai collateral ataupun jaminan yang boleh memenuhi kehendak dan syarat pihak bank-bank berkenaan, dengan itu mereka pun mengeksploitasi kelemahan sistem perbankan ini dan mereka pun menampilkan diri sebagai peminjam-peminjam wang secara haram.

Tuan Pengerusi, sistem ini bukanlah sistem 10:2 sepertimana yang diamalkan oleh ceti tetapi sistem 10:3. Kalau kita pinjam RM10, kita kena bayar RM13. Kalau kita pinjam RM100, kena bayar RM130 dan bayarannya hendaklah dijelaskan setiap hari. Instalment bayaran ini hendaklah dilakukan setiap hari. Meminjam wang dengan "loan shark" ini adalah mudah. Collateralnya ataupun cagarannya adalah nyawa, alamat yang tetap dan juga kad pengenalan dan sekiranya mereka gagal memulangkan pinjaman ini setiap hari, mereka tidak akan dikeluarkan surat-surat lawyer dan sebagainya. Mereka akan dikeluarkan dengan ugutan-ugutan yang boleh juga mengancam nyawa.

Tuan Pengerusi, sahabat saya dari Rompin pernah mendedahkan kepada seluruh masyarakat baru-baru ini mengenai kemungkinan adanya sistem yang sama. Sindiket meminjam wang yang sama, yang melingkari perkembangan ekonomi penjaja kecil di daerahnya. Di daerah saya, sistem ini wujud di mana peminjam-peminjam wang secara haram ini mempunyai duit yang banyak dan

dipercayai duit ini datangnya dari wang haram yang ingin di"launder"kan iaitu yang ingin dibersihkan dan ianya mungkin dari wang dadah dan mungkin juga dari wang pelacuran. Sebilangan besar penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil di kawasan saya mendapat facility daripada orang-orang seperti ini. Mengapa?

Walaupun saya mengucapkan syabas di sini, umpamanya Bank Bumiputra menganjurkan kursus kepada penjaja dan peniaga kecil cara-cara menyimpan akaun, cara-cara hendak mendapatkan pinjaman dari bank tetapi mereka pasti masih susah mendapat pinjaman dari bank, sedangkan mereka tahu bahawa perniagaan adalah salah satu cara hidup hari ini. Kalau mereka tidak berniaga, dia hendak menoreh getah pun, getah sudah tidak keluar. Kalau hendak menunggu kelapa sawit tumbuh, dia hendak makan apa? Jadi, dia berniaga secara kecil-kecilan. Hendak pinjaman duit, minta collateral. Hendak pinjam RM2,000 sebagai modal pun hendak minta collateral. Hendak minta bantuan CGC, minta working paper. Jadi, Tuan Pengerusi, saya harapkan Kementerian Kewangan harus memandang serius kewujudan sindiket 'loan shark' ini.

Oleh kerana bukan sahaja mereka menimba untung secara haram, mereka juga mewujudkan satu sistem kewangan yang penuh dengan ugutan-ugutan, mewujudkan satu sistem kewangan di mana nyawa adalah cagar. Saya mempunyai seorang dua pengundi di kawasan saya, oleh kerana terlalu sangat terdesak, dia kata mudah, dia kata pinjam dengan 'jerung-jering' ini. Dia kata mudah, hari ini teleibn, besok datang, tetapi lusa dia sudah datang ambil first instalment. Orang ini akan datang mengambil instalment hari berikutnya. Orang-orang ini

bukannya berpangkalan di Batu Pahat. Orang ini katanya, berpangkalan di Melaka. Dia sanggup korwoi dua, tiga orang dengan motosikal besar mengutip instalment tiap-tiap hari. Tidakkah kita sedar mengenai kewujudan sistem seperti ini? Tidakkah Kerajaan mengakui bahawa sistem ini mempunyai elemen-elemen ancaman kepada kebajikan peniaga-peniaga? Tidakkah ini, pada hitung panjangnya merugikan Kerajaan dari segi cukai dan sebagainya?

Tuan Pengerusi, saya harap di dalam kita

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin); Rompin minta jalan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan sedikit. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Parit Sulong kerana membawa perkara yang saya kira amat penting dan banyak terdengar malapetaka yang telah di akibatkan kepada masyarakat orang Melayu di luar bandar. Apa yang saya minta pandangan Yang Berhormat, baru-baru ini kita dengar bahawa pihak Keselamatan - Polis dan juga Bank Negara telah menyiasat tentang perkara ini. Adakah Yang Berhormat meminta supaya sesuatu dinyatakan kepada masyarakat? Apakah tindakan yang telah dilaksanakan oleh pihak polis dan Bank Negara tentang perkara ini? Itu yang pertama.

Yang kedua, untuk makluman dan pandangan Yang Berhormat, di kawasan saya, oleh kerana satu keluarga itu tidak berupaya untuk membayar hutang ini, anak wanitanya telah diculik dan hanya

dipulangkan kembali sebulan selepas itu - berlaku di kawasan saya. Itu untuk pandangan Yang Berhormat. Minta penjelasan sedikit.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:

Tuan Pengerusi, itulah manifestasinya kepada apa yang saya katakan. Bermakna, sistem peminjaman wang secara haram ini bukan sahaja membabitkan kesejahteraan ekonomi, malahan kesejahteraan nyawa itu sendiri. Di kawasan saya, memang saya harap pihak polis akan menyasiat, tetapi saya tahu mereka tidak akan bekerjasama dengan polis.

Pertamanya, kalau mereka bekerjasama dengan polis dengan memberi maklumat-maklumat, sekiranya maklumat ini dapat dikesan oleh pihak peminjam yang mempunyai mata dan kepala di mana-mana, mereka juga akan terjejas dari segi keselamatannya. Perkara ini tidak akan di'expose'kan dengan mudah, tidak akan dapat dikesan dengan mudah, melainkan kita menanamkan atau we plant - kita suruh salah seorang pegawai yang bertanggungjawab menyamar sebagai peniaga kecil, letak di sana, cari dengan keadaan yang agak menggelabah dan terdesak supaya mereka dapat dibawa kepada agen-agen sindikit ini dan meminjam wang. Baru kita dapat memastikan bagaimanakah *modus operandi* agensi-agensi peminjam wang seperti ini.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Padang Terap.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada sahabat saya dari Parit Sulong. Jadi, apa yang diceritakan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong

dan juga Ahli Yang Berhormat dari Rompin menunjukkan bahawa satu permintaan terhadap kredit sedang meningkat di kalangan golongan-golongan peniaga kecil. Adakah Yang Berhormat hendak mencadangkan kepada Kementerian supaya diperkukuh dan diperlebarkan lagi institusi Amanah Ikhtiar Malaysia ataupun mewujudkan satu bank sepertimana yang diadakan di Bangladesh - bank untuk orang-orang miskin, ataupun kita tutup Bank Pertanian, Bank Pertanian itu dijadikan bank untuk perniagaan-peniagaan kecil ini kerana di dalam pertanian, sudah tidak ada kehendak, sebab segala input pertanian semua diberi percuma oleh Kerajaan.

Jadi, apakah cadangan saya ini menjadi satu penyelesaian ataupun solution kepada masalah yang disebut oleh saudara tadi, walaupun kita lepaskan 5,000 anggota polis pun, kalau benda ini dikehendaki oleh orang ramai, tidak akan berkesan?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:

Tuan Pengerusi, itulah mungkin di antara cadangan yang saya hendak kemukakan. Bagaimanakah pihak Kerajaan mahu menyelesaikan masalah ini? Demands untuk mendapat facilities kewangan secara kecil-kecilan memang ada dan semakin meningkat. Ini adalah hakikat, bukan main-mainan. Inilah hakikatnya. Tetapi mereka hendak meminjam wang, mereka tidak dapat memenuhi syarat yang ditentukan oleh institusi kewangan. Jadi, bagaimana dan apakah jalan keluar? Jalan keluar adalah dengan meminjam menerusi secara yang haram, walaupun ini mungkin menjejaskan nyawa.

Jadi, saya rasa salah satu mungkin, sebagaimana yang dicadangkan oleh sahabat saya, Pengerusi Bank Rakyat, mungkin juga adalah dengan mewujudkan satu sistem kredit khas untuk peniaga-peniagaan kecil dan orang-orang yang miskin mungkin dengan memperluaskan peranan agensi Amanah Ikhtiar Malaysia dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, apa yang saya sebutkan di sini bermakna perkara ini harus diatasi. Perkara ini harus diiktiraf dan perkara ini harus diselesaikan dengan seberapa segera, oleh kerana kalau kita terus menerus tidak rahu mengambil endah perkara ini, walaupun remeh, tetapi inilah yang dikehendaki oleh orang-orang di peringkat akar umbi. Saya memberi satu contoh. Dua orang usahawan secara kecil-kecilan yang mempunyai kemahiran dalam bidang membaiki enjin dan juga membaikpulih kenderaan-kenderaan, hendak meminjam duit daripada Bank Industri, tulis kertas kerja dua tiga kali - tendang! Sedangkan orang ini mempunyai potensi untuk maju, tetapi orang-orang macam ini tidak mempunyai pembelaan. Apa harus kita buat kepada orang macam ini? Apakah penyelesaian yang kita hendak bual? Terpaksa dia resort kepada orang-orang yang saya katakan tadi, yang boleh memberi pinjaman overnight yang tiap-tiap hari datang mengutip instalmentnya. Adakah ini satu cara yang sihat?

Sewaktu Kerajaan mahu mewujudkan kemunculan para industrialists kecil dan sederhana, orang-orang inilah yang akan menjadi asasnya di kemudian hari kelak. Mereka yang wujud atas dorongan sendiri, mereka yang mahu maju atas dorongan dan kesedaran yang ditiupkan oleh pihak Kerajaan, tetapi malang sekali, apabila mereka mahu mencari credit facility, mereka sering hampa dan digagalkan oleh pihak-pihak yang boleh membantu memberi kredit. CGC pun, dengan izin, begitu juga. Bukan saya hendak mengkritik CGC.

Bagaimana kalau, mungkin seorang usahawan Petronas - usahawan PETRONAS sekarang ini berada di dalam satu keadaan yang amat gelisah. Mereka digalakkan untuk menerima indent-indent Kerajaan, membeli petrol yang dibeli secara cash daripada pe-

ngedar; memberi hutang kepada konsumen. Hendak dapatkan duit balik daripada Kerajaan, lambat. Mereka hendak menampung pembayarannya kepada pihak PETRONAS, terpaksa berhutang merata. Terpaksa sekali lagi, termasuk perangkap kepada penyedia-penyedia loan secara haram ini.

Kita harus appreciate masalah ini. Mungkin masalah ini, saya katakan tadi, masalah kecil, tetapi perkara-perkara inilah yang mungkin akan menjadi pengalag dan perangsang, sekiranya boleh diatasi, kepada kesungguhan usahawan-usahawan kecil bumiputera dan juga usahawan-usahawan kecil bukan Melayu yang sentiasa dinafikan peluang untuk meminjam wang daripada institusi kewangan.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan memberi satu ketegasan dan memberi satu makna yang ikhlas kepada masalah ini dan dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka.

6.20ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Meiaka): Tuan Pengerusi, saya rujuk kepada Maksud Bekalan 28, Perbendaharaan - Buliran 010000 - Perkhidmatan Kewangan. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menjelaskan skandal kerugian Bank Negara sebanyak RM12,800 juta bahawa Bank Negara sebenarnya telah mengalami kerugian kertas pada tahun lepas dan bukan sebenarnya.

Saya amat lerkejut beliau boleh menganggap kerugian sebanyak RM12,800 juta adalah "paper losses" yang boleh dihapuskan sungguhpun dari sudut perakaunan ia adalah satu kerugian kalau direalisasikan pada masa itu. Kerugian RM12,800 juta setakat 21hb. Disember

1992 oleh Bank Negara Malaysia adalah kerana spekulasi dalam pasaran tukaran wang asing atau foreign exchange market (forex) khususnya dalam pound yang mengandungi:

- (a) RM10,100 juta dalam tahun 1992 kerugian dalam account reserve lain; dan
- (b) RM2,700 juta dalam contingent liabilities account, dengan izin, untuk kerugian spekulasi dalam forex yang dialami dalam tahun 1992 tetapi hanya akan diambil kira dalam tahun 1993 atau masa akan datang.

Kerugian sebanyak RM12.800 juta inilah yang menyebabkan nilai aset bersih Bank Negara turun daripada RM9,203 juta dalam tahun 1992 dari RM13.6H jutake RM4,408 juta. Sungguhpun ia mencatat keuntungan yang paling besar dalam sejarah sebanyak RM 1,398 jutadalam tahun 1992, adalah mustahil nilai aset bersih Bank Negara boleh jatuh tatkala ia membuat keuntungan terbesar dalam sejarahnya.

In accounting terms, Tuan Pengerusi, the net asset is used as a rough indicator of a company's long term solvency value in financial performance, dengan izin. Oleh kerana Bank Negara dimiliki oleh rakyat Malaysia, penurunan nilai aset bersih Bank Negara adalah juga kerugian rakyat Malaysia. Maka ini disahkan baru-baru ini oleh keluaran *Asia Week* pada 24hb November 1993, yang menyatakan Bank Negara rugi sebanyak US\$4.000 juta - satu skandal yang ditutup dengan penuh berjayanya oleh pihak Kerajaan seperti yang dinyalakan oleh *Asia Week*. Maka Bank Negara mungkin rugi bukan sahaja RM 12,800 juta tetapi sebanyak RM16,000 juta, kalau apa yang dinyatakan oleh bekas Menteri Kewangan, Yang Berhormat dari Gua Musang adalah benar. Mengikut beliau:-

"Dalam tahun 1992 Bank Negara telah mengubah amalan perakaunannya dengan menilai semula emas yang dipegangnya rnengikut harga pasaran masa kini oleh kerana pegangan emas adalah yang dibeli dahulu di mana harganya adalah lebih rendah berbanding sekarang iaitu sebanyak USSIOO seaun dalam tahun 1984 berbanding dengan USS300 seaun sekarang. Ini bermakna nilai emas kalau dinilai semula sekarang bertambah dua kali ganda".

Yang Berhormat dari Gua Musang menyatakan bahawa:-

"Kalau Bank Negara masih memegang US\$ 1,500 juta emas yang dipegang semasa beliau menjadi Menteri Kewangan dalam tahun 1984, emas yang dinilai semula adalah lebih daripada RM4,500juta sekarang atau keuntungan penilaian sebanyak RM3,000 juta".

Keuntungan sebanyak RM3,000juta akan dimasukkan ke dalam akaun rizab lain, tetapi ini tidak dicerminkan dalam akaun tersebut. Jelas sekali jurnlah penilaian semula emas dan keuntungan sebanyak RM3.000 juta telah habis dispekulasi dalam forex. Ini bermakna Bank Negara mungkin rugi RM 16,000 juta dalam tahun 1992, kalau apa yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat dari Gua Musang benar.

Kalau jumlah RM 16,000 juta dibahagikan kepada setiap 18 juta rakyat Malaysia; bermakna setiap orang rugi sekurang-kurangnya RM889.00 seorang atau sekeluarga enam orang RM5.334. Saya hendak bertanya, apakah tindakan yang diambil untuk mendapatkan balik kerugian tersebut dan yang penting sekali kedudukannya sckarang. Adakah benar kedudukannya telah bertambah

buruk dengan kerugian tambahan dalam rizab yang lebih besar lagi sehingga kononnya memaksa Gabenor Bank Negara, Tan Sri Jaffar Hussain dan Timbalan Gabenornya, Tan Sri Lee See Yan meletak jawatan seperti yang dilaporkan dalam isu ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh memberikan satu penjelasan menyeluruh tentang khazanah negara ini yang dilupuskan dalam "perjudian" spekulasi forex.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud Bekalan B. 32 - Jabatan Hasil Dalam Negeri, Butiran 020000 - Penaksiran Cukai-cukai; Butiran 030000 - Pungutan; dan Butiran 040000 - Penyiasatan dan Penguatkuasaan yang saya hendak bahaskan sekaligus.

Tuan Pengerusi, semasa membahaskan Belanjawan 1994, saya telah menunjukkan bahawa Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik selain daripada menjadi Ketua Menteri Melaka juga adalah merupakan seorang pemilik hartanah dalam bentuk rumah kedai, kereta mewah, tanah, rumah mewah, ladang, dusun durian, pemilik surat khabar dan majalah, pemilik stesen pam minyak, pemilik hotel peranginan, pemilik bangunan Proton Saga dan Kentucky Fried Chicken, pelombong pasir dan granit serta usahawan dengan 17 buah syarikat berdaftar. Saya ingin bertanya di sini sama ada Jabatan Hasil Dalam Negeri telah membuat taksiran yang betul ke atas Tan Sri Rahim yang mencerminkan sumber kewangan beliau demi memastikan beliau tidak lari dari cukai dan membayar apa yang patut dibayar. Kesemua harta benda Tan Sri Rahim yang telah saya dedahkan sebanyak 59

kali setakat ini (*Tepuk*) bernilai lebih daripada RM44.8 juta. Saya telah berjanji untuk terus membongkarkan lagi harta benda luar biasa beliau dan saya akan bual hari ini dan serta saya berharap Jabatan Hasil Dalam Negeri boleh siasat, yakni beliau juga seorang usahawan kompleks kedai.

Pendedahan kali yang ke 60 ialah sebuah kompleks kedai besar bertingkat tiga bergelar "Peringgit Point" yang terletak di Jalan Peringgit, Melaka yang sedang dibina dan apabila siap dijangka bernilai kira-kira RM4.5 juta. Kompleks kedai ini terletak di bawah geran nombor HSM/MCL/52/Lot P.T. 707 Mukim Peringgit, Melaka dan keluasan sebanyak 70,733 kaki persegi. Kedai tersebut adalah didaftarkan di bawah nama Dayamik Sdn. Bhd. yang menjalankan pembinaan ke atas "Peringgit Point" yang bernilai RM4.5 juta ini tanpa sebarang cagaran daripada mana-mana pihak. Ini bermakna Dayamik Sdn. Bhd. tidak membuat sebarang pinjaman daripada mana-mana institusi kewangan. Saya telah membuktikan syarikat ini sebagai syarikat penama Tan Sri Rahim. Jelas sekali syarikat ini mampu menggunakan wang sendiri untuk membiayai perbelanjaan membina kompleks rumah kedai ini yang bernilai RM4.5 juta dan menunjukkan betapa cecair atau "tiquid" Tan Sri Rahim dari segi kewangan. Saya telah membuktikan Tan Sri Rahim menguasai Dayamik Sdn. Bhd. menerusi milikannya secara sulit sebanyak 40,000 saham Dayamik Sdn. Bhd. Ini telah saya buktikan menerusi Borang 14A Kanun Tanah Negara bertarikh 9hb. Julai 1985, di mana Tan Sri Rahim telah menjual sebidang tanah kepada Dayamik Sdn. Bhd. dan mendapat balasan dalam bentuk 40,000

saham Dayamik Sdn. Bhd. Borang I4A ini pula disahkan dan disaksikan oleh peguam Tan Sri Rahim sendiri iaitu Yang Berhormat Mohd. Ali bin Haji Abdul Majid, seorang.....

Tuan Shahidan ' bin Kassim:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yang Berhormat Arau minta jalan.

Tuan Lim Guan Eng: bekas Ahli Exco Negeri Melaka dan kini ADUN Melaka kawasan Sungai Baru. Mengikut satu penyelidikan di Pendaftaran Syarikat, Dayamik Sdn. Bhd. mempunyai modal berbayar.....

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: sebanyak RM30.002.00 tidak termasuk milikan 40,000 saham Tan Sri Rahim dalam Dayamik Sdn. Bhd. yang disembunyikan.....

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kota Melaka, beri atau tidak?

Tuan Lim Guan Eng: Minta maaf, tidak cukup masa.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tak beri

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Menyampuk*)

Tuan Lim Guan Eng:yang disembunyikan dari pengetahuan Pendaftaran Syarikat. Dengan kata lain, modal berbayar sebenarnya Dayamik Sdn. Bhd. adalah RM70.002.00....

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak mahu beri Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng:dan milikan Tan Sri Rahim merupakan 57% ekuiti syarikat tersebut atau kuasa majoriti. Bukti lain yang menunjukkan Dayamik Sdn. Bhd. adalah syarikat penama Tan Sri Rahim adalah seperti berikut.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Arau, minta duduklah. Dia tidak mahu beri.

Tuan Lim Guan Eng: (a) dua orang Pengarah Syarikat itu adalah Abdul Sani bin Abdul Ghani dan Mohamad Zin bin Osman.....

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebentar ya.

Tuan Lim Guan Eng:Mengikut jawapan bertulis dari Dewan Undangan Negeri Melaka, Encik Abdul Sani adalah bekas pemandu rasmi Tan Sri Rahim dan isterinya yang telah dilantik secara kontrak oleh Kerajaan Negeri Melaka di antara tahun 1982 hingga

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ini sudah jauh daripada perkara yang dibincangkan. Ini menyentuh perkara dasar, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan. Saya hendak berikan maklumat secara khusus.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat memberikan contoh yang jauh daripada tajuk.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, saya hendak berikan contoh yang khusus kepada Jabatan Hasi! Dalam Negeri agar Jabatan Hasil Dalam Negeri boleh siasat, kerana ini sumber kewangan sebanyak empat puluh

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Perkara ini Yang Berhormat sudah bawa berulang-ulang.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya akan habiskan ucapan sekejap lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sctakat contoh itu memang.....

Tuan Lim Guan Eng: Ya, ini sebagai contoh, kerana ini untuk yakin-kan Jabatan Hasil Dalam Negcri bahawa kompleks kedai "Peringggit Point" ini ialah yang baru milikan Tan Sri Rahim yang bernilai RM4.5 juta.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat bolch sambung minggu depan, tetapi harap jangan menyentuh dasar terlalu jauh. Masa hari ini sudah cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Oh, saya akan sambung hari Isnin.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, hari Isnin.

Tuan Lim Guan Eng: Saya akan sambung pada hari Isnin.

(Seorang Ahli): 5 minit lagi!

Tuan Lim Guan Eng: Okay, saya akan sambung.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Baki masa Yang Berhormat masih ada lagi.

Tuan Lim Guan Eng: 5 minit lagi, bukan?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, 5 minit.

Tuan Lim Guan Eng: 5 minit lagi. Baik, terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sckarang sehingga jam 2.30 petang, hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.